

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 5**Isnin****14 Jun 2004**

K A N D U N G A N**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang Di-Pertuan Agong.
- *Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar* (Halaman 27)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pemegang Amanah
(Pemerbadanan) (Pindaan) 2004 (Halaman 80)

Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004 (Halaman 106)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 14 Jun 2004**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

“10 Jun 2004

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat
Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Datuk Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiga di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah rancangan yang sesuai untuk mengisi masa lapang pelajar-pelajar universiti yang bercuti semester selama 3 bulan di mana kebanyakan daripada mereka ini tidak mempunyai apa-apa rancangan yang boleh membawa keuntungan kepada diri sendiri, masyarakat, keluarga dan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bagi mengisi masa lapang pelajar semasa cuti semester selama tiga bulan, pihak ITPS digalakkan menjalankan rancangan berbentuk khidmat kemasyarakatan.

Di antara rancangan tersebut adalah seperti aktiviti ataupun program kerja-kerja sosial dan sukarela terutama di luar bandar seperti aktiviti anak angkat, ceramah kerjaya yang dianjurkan untuk pelajar-pelajar dan lain-lain bagi memberikan pengalaman kepada pelajar-pelajar terutamanya pelajar antarabangsa.

Manakala di IPTA, rancangan yang sesuai untuk mengisi masa lapang pelajar universiti yang bercuti selama tiga bulan adalah seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, senarainya panjang. Saya bacakan sedikit sahaja:

- (i) mengadakan latihan industri supaya pelajar-pelajar mendapat pendedahan tentang budaya pendidikan dan budaya kerja yang secukupnya untuk berkecimpung dalam pekerjaan sebenar;
- (ii) mengadakan lawatan dalam dan luar negara bagi memberi pendedahan tentang suasana budaya persekitaran yang dilawati;
- (iii) mengadakan program anak angkat bersama dengan tokoh-tokoh korporat;

- (iv) menjadi pembantu pelajar ataupun fasilitator untuk program khidmat negara;
- (v) mengadakan program khidmat masyarakat di kawasan-kawasan yang masih belum maju dan serba kekurangan; dan
- (vi) mengadakan kursus-kursus yang meningkatkan tahap *solve skill* seperti komunikasi, kemahiran IT, kemahiran bertutur dalam pelbagai bahasa terutama bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa seperti Mandarin, Perancis, Jerman dan Arab.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi, tetapi saya bacakan yang itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menjawab. Oleh kerana Kementerian Pendidikan Tinggi hanya mengkhususkan kepada institusi pengajian tinggi yang terbahagi kepada dua iaitu satu Pelajaran yang satu lagi Tinggi, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan tambahan kepada kursus-kursus seperti asas rumah tangga kerana mereka ini yang akan berkahwin dan juga bagi mereka yang duduk di luar bandar asas-asas pertanian dan juga asas-asas perniagaan untuk singkat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah memperluaskan soalan asal, bukan soalan tambahan. Tetapi terpulanglah kepada Yang Berhormat sama ada hendak menjawab.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Boleh Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya sebanyak 34 buah kolej komuniti telah pun dibina di serata negara dan kolej komuniti mewujudkan program-program seperti Yang Berhormat sebutkan dan mereka boleh mengambil secara sambilan ataupun secara penuh di peringkat sijil dan juga kemahiran. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah semalam kita dikejutkan dengan berita pelajar-pelajar perubatan dari Jepun yang tidak diiktiraf oleh MMC. Soalan tambahan saya ialah adakah pihak kementerian bekerjasama dengan JPA dan MMC untuk memastikan pelajar-pelajar yang ditempatkan di luar negara untuk pengajian perubatan terutamanya akan dapat diiktiraf

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun terkeluar dari soalan asal. Cukuplah, terpulanglah kepada

Puan Wan Ubaidah binti Omar: sekiranya Yang Berhormat ingin menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ingin menjawab. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua.

2. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada dasar luar Malaysia terhadap Thailand tidak begitu sesuai memandangkan setiap kali mereka menghadapi masalah di selatan Thailand, Malaysia dilihat seolah-olah terlibat dan memberikan perlindungan serta latihan kepada pengganas-pengganas Thailand sehingga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri perlu ke Thailand untuk berjumpa Perdana Menteri Thaksin Shinawatra.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, perkembangan-perkembangan yang berlaku di selatan Thailand sejak kebelakangan ini, tidak menjejaskan hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Thailand. Ini adalah kerana hubungan antara kedua-dua negara adalah rapat dan kukuh yang telah lama dibina di atas landasan semangat kejiwaan dan semangat setia kawan ASEAN.

Malaysia sentiasa memberi perhatian penting terhadap perkembangan keselamatan di selatan Thailand kerana hubungan kedua-dua negara berkongsi sempadan darat dan maritim serta mempunyai hubungan ekonomi dan sosial yang sangat baik dan rapat dengan wilayah-wilayah di selatan Thailand. Sebarang konflik atau pergolakan di selatan Thailand akan mempunyai kesan secara langsung atau secara tidak langsung ke atas negara kita.

Lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai perutusan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Bangkok pada 4 Mei yang lalu perlu dilihat dalam konteks ini. Lawatan tersebut adalah untuk membolehkan Kerajaan Malaysia mengetahui dengan lebih jelas tentang keselamatan di selatan Thailand khususnya yang mengenai kejadian berdarah pada 28 April 2004 dan juga untuk menawarkan kesediaan kerajaan Malaysia memberi kerjasama dan bantuan kepada Thailand jika diperlukan untuk menangani masalah di selatan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri Thailand telah mengadakan

perbincangan dan bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama serta bertukar-tukar maklumat, rondaan di kawasan sempadan serta meningkatkan pembangunan sosio ekonomi di wilayah-wilayah selatan Thailand.

Malaysia juga telah menawarkan bantuan kepakaran dan pengalaman untuk menangani masalah puak-puak pelampau dan fanatik agama. Selain daripada itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah menekankan bahawa Malaysia tidak akan mengganggu keutuhan dan kedaulatan wilayah Thailand dan tidak akan mencampuri hal-hal dalaman negara tersebut.

Malaysia juga tidak akan bertolak ansur terhadap penjenayah-penjenayah melakukan keganasan termasuk mereka yang berselindung di bawah perjuangan agama. Kerajaan Malaysia tidak akan memberikan perlindungan kepada mereka dan Malaysia bukanlah tempat perlindungan yang selamat bagi pengganas-pengganas tersebut.

Kerajaan Malaysia dan Thailand juga telah bersetuju agar diadakan hubungan secara terus dan pertemuan yang kerap di kalangan menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua negara bagi membolehkan sebarang masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan segera. Hubungan secara ini diharap akan dapat mempertingkatkan lagi hubungan baik dan kerjasama dua hala di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan itu nampaknya kita selalu bekerjasama dengan jiran kita tetapi tuduhan-tuduhan ini selalunya berlaku dan pada pendapat saya, bukan pertama kali tetapi sudah beberapa kali. Daripada perjumpaan itu, adakah kita sudah dapat persetujuan bahawa kalau kejadian ini berlaku lagi di Thailand, mereka tidak akan menuduh kita sebagai orang yang memberi perlindungan dan juga menggalakkan pengganas-pengganas ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jelas.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab soalan asal tadi adakah dasar luar kita menyentuh Thailand tepat dan sesuai. Yang Berhormat tidak menjawab secara langsung. Yang Berhormat menjawab secara tidak langsung mungkin Yang Berhormat perlu ulangi.

Datuk Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dasar luar Malaysia mengenai jiran kita terutama sekali Thailand adalah dasar luar yang tepat dan kita tidak bercadang memindanya kerana dirasakan apa yang berlaku sekarang adalah sesuai dan kita sentiasa mengikuti perkembangan dari masa ke semasa mengikut situasi dan suasana yang berlaku.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Thailand tidak pernah menuduh kita memberi perlindungan kepada penganas ataupun memberi apa-apa bantuan kepada penganas. Apa yang dituduh adalah daripada media Thailand tetapi bukan secara rasmi daripada Kerajaan Thailand.

Kita sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, mempunyai banyak persamaan dengan mereka yang di selatan Thailand, rupa kita sama, percakapan kita pun ada juga yang sama dengan orang Kelantan dan lebih daripada itu ada juga di antara kita yang mempunyai isteri di sebelah sana Tuan Yang di-Pertua, jadi banyak persamaan.

Dari segi *trade* pula, dari segi ekonomi, kita mempunyai lebih RM7 bilion setahun *trade* dengan Kerajaan Thailand. Oleh yang demikian, kita kena jagalah jiran kita yang cukup baik dengan kita, ibarat dicubit peha kiri, peha kanan pun terasa, jadi kita jagalah hubungan baik dengan Kerajaan Thailand dari masa ke semasa, kerana hubungan kita cukup baik dan akrab. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya masih berkaitan dengan permasalahan di selatan Thailand. Adakah masih terdapat rakyat di selatan Thailand yang memegang dua kerakyatan, iaitu kerakyatan Malaysia dan kerakyatan Thailand dan sekiranya ada, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi permasalahan ini? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini saya rasa perlu dijawab oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, tetapi ya, kita memantau keadaan ini dari masa ke semasa dan sekiranya mereka mempunyai dua kerakyatan dan jika terbukti bahawa mereka adalah penganas ataupun mereka yang merupakan pelampau agama yang memberi pemberontakan di Thailand, tindakan sewajarnya akan tetap diambil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya ialah, adakah pada pandangan kementerian bahawa media asing yang telah membesar-besarkan berita bahawa kononnya Kerajaan Malaysia ataupun Malaysia

melindungi pegganas-peggnas daripada Thailand itu, ianya adalah akhbar yang dibiayai oleh pihak asing seperti CIA dan lain-lain. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Yang Berhormat daripada PAS dan juga Timbalan Presiden yang cukup prihatin yang dapat melihat perkara ini lebih daripada skop yang lebih global iaitu penglibatan asing CIA atau FBI.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mewakili Terengganu atau mewakili PAS?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili Terengganu tetapi bukan saya sebut. Yang menyebut ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan tersebut, kita tidak ada maklumat tepat mengenai sama ada surat khabar di Thailand ini dan juga surat-surat khabar antarabangsa dibiayai oleh mereka yang berpusat di Bangkok, di Lebanon ataupun di peringkat antarabangsa. Jadi itu adalah satu andaian dan kita tidak dapat memberi maklumat tepat tetapi kita berharap media sama ada dalam negara atau luar negara, adalah media yang bebas dan dapat melaporkan berita-berita yang berdasarkan fakta dan asas. Terima kasih.

3. **Puan Ooi Siew Kim** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan kementerian untuk mengatasi banyak aduan mengenai rawatan tindakan kementerian untuk mengatasi banyak aduan mengenai rawatan pakar di hospital besar negeri masing-masing yang dikehendaki menunggu masa untuk temu janji agak lama untuk tujuan pembedahan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih, Yang Berhormat Puan Ooi Siew Kim. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya prihatin terhadap masalah masa menunggu yang lama untuk tujuan pembedahan dan sedang mengkaji cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut. Antara perkara yang kita sedang kaji adalah:-

- (i) menambah Pegawai Perubatan Bius Terlatih;
- (ii) memanjangkan waktu pembedahan kes-kes elektif;
- (iii) mempertingkat dan memperluaskan Dewan Bedah yang sedia ada;

- (iv) penggunaan Dewan Bedah di hospital-hospital daerah; dan
- (v) membina Dewan Bedah yang baru.

Kementerian juga membina lebih banyak dengan izin, Ambulatory Care Centre (ACC) di hospital-hospital negeri dan daerah yang mempunyai pakar bius. Pembinaan ACC ini dijangka akan dapat mengurangkan masa menunggu kes-kes pembedahan elektif.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah doktor-doktor pakar masih mencukupi di negara kita dan apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi masalah yang mana saya difahamkan bahawa doktor-doktor pakar ini tidak mencukupi di setiap hospital negeri. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita memang kekurangan doktor secara vertikal dan juga horizontal termasuk doktor pakar.

Tuan Yang di-Pertua: Dua sudah masuk Kementerian Kesihatan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Satu jadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara [*Ketawa*]. Oleh yang demikian, kita memang sentiasa melatih doktor pakar. Tiap-tiap tahun kita melatih lebih kurang 400 orang doktor pakar dan selain mengawal supaya doktor pakar tidak pergi ke lain-lain kepakaran termasuk kepakaran dalam politik, jadi antara perkara yang sedang kita lakukan adalah menilai kembali elaun-elaun klinikal pakar bukan sahaja pakar tetapi semua mereka yang terlibat dalam dengan izin, *fraternity* perubatan termasuk jururawat sekali.

Kedua, kita juga hendak pastikan yang ada ruang untuk mereka menambah pendapatan kerana antara sebab mereka pergi ke perkhidmatan swasta adalah disebabkan pendapatannya sungguh lumayan berbanding dengan perkhidmatan awam. Sebab itu satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri sedang menilai bagi memastikan pakar-pakar ini dapat kita pelihara dalam perkhidmatan awam.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada kekurangan doktor yang kita tahu statistik yang terkini 1:5,000 dalam suasana dalam negara kita, apakah punca-punca lain yang dikenal pasti yang menjadi punca masa menunggu untuk temu janji lama dalam perkhidmatan pembedahan dalam negara kita dan apakah usaha yang dibuat oleh kerajaan dalam mempertingkatkan perkhidmatan Kementerian Kesihatan supaya ia

setanding dengan perkhidmatan hospital swasta yang ada dalam negara kita. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam pembedahan ini bukan pakar bedah sahaja yang terlibat. Pertamanya, hendak bagi mereka tidur. Jadi hendak bagi mereka tidur ini kena ada pakar bius. Kemudian perlu ada pakar bedah. Pakar bedah pun tidak akan dapat beroperasi jika tidak ada jururawat yang kita panggil *scrap nurse* – jururawat yang hulum semua peralatan-peralatan yang betul kepada pakar bedah. Kemudian pakar bius pun tidak akan dapat berfungsi jika tidak ada pembantu-pembantu beliau. Kalau cukup pakar bius, pakar bedah, oleh kerana sistem negara kita sistem perubatan yang terbaik dalam Asia Tenggara, Tuan Yang di-Pertua, melainkan negara di Selatan.

Oleh sebab tahap pemikiran pengguna lebih tinggi, dan sebenarnya rawatan-rawatan yang terbaik ialah rawatan yang disediakan oleh hospital kerajaan. Sudahlah ia terbaik, selepas itu ia termurah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah langkah-langkah untuk meningkatkan masa menunggu.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Jadi bila terbaik dan termurah, lebih ramailah orang pergi ke hospital kerajaan. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau lebih ramai orang beratur di hospital kerajaan itu, maknanya hospital kerajaan itu lebih relevan, cuma kita kena perbaiki lagi mutu, bagaimana hendak tambahkan dewan bedah, hendak tambahkan segala pembangunan sumber manusia.

4. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Perdana Menteri menyatakan baru-baru ini kita telah dikejutkan oleh kenyataan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan penurunan serius kadar perkahwinan di kalangan orang Islam. IKIM bimbang masa depan institusi kekeluargaan akan terjejas. Apakah langkah jangka masa pendek dan masa panjang untuk mengatasi perkara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat peka dengan penurunan kadar perkahwinan di kalangan orang Islam. Ada banyak faktor penyumbang antaranya ialah faktor ekonomi yang mana trend di Malaysia pada masa ini meletakkan wang hantaran yang tinggi sehingga menakutkan lelaki-lelaki bujang untuk mendirikan rumah tangga. Selain itu, keperluan

sara hidup yang tinggi diikuti pula peningkatan taraf hidup bagi wanita-wanita yang berkerjaya dan berpendapatan tinggi yang melebihi dari kaum lelaki menjadi dilema serta tekanan kepada mereka untuk berkahwin. Di samping itu, sesetengah kaum wanita beranggapan ikatan perkahwinan mengongkong kebebasan sosial mereka. Begitu juga isu-isu perceraian yang menjadi tekanan kepada kaum isteri serta penderaan adalah penyumbang kepada kurangnya minat hendak berkahwin.

Sehubungan itu, langkah awal yang dibuat oleh kerajaan ialah mengkaji statistik penurunan kadar perkahwinan di kalangan orang-orang Islam dan kesannya kepada masa depan institusi keluarga Islam itu sendiri. Setelah perkara tersebut dikenal pasti, maka kerajaan melalui agensi-agensi tertentu seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah dan sebagainya mengatur langkah-langkah untuk menggalakkan mereka yang mempunyai kemampuan mengikut hukum syarak supaya segera mendirikan rumah tangga.

Galakan ini dilaksanakan melalui rancangan-rancangan di televisyen, radio, khutbah, laman web, risalah-risalah dan sebagainya. Dari segi jangka panjang didikan akan diberi kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah lagi untuk memahami pembentukan institusi keluarga termasuk melaksanakan tanggungjawab, amanah dan sebagainya supaya mereka rasa suka berkeluarga dan tidak merasakan berkeluarga itu satu beban atau masalah yang menyebabkan mereka melambatkan-lambatkan berkahwin atau langsung tidak berminat untuk berkahwin.

Langkah-langkah lain yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah membanteras penyalahgunaan dadah yang mana majoriti remaja lelaki berada di pusat serenti yang merupakan antara faktor menyebabkan mereka tersisih untuk mendirikan rumah tangga. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan keadaan di universiti-universiti tempatan sekarang di mana lebih ramai pelajar wanita daripada pelajar lelaki. memandangkan keadaan sedemikian, adakah ini akan menambah lagi satu sebab dalam penurunan kadar perkahwinan ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju kalau kita katakan bahawa ramainya pelajar wanita di institusi itu menyebabkan penurunan kadar perkahwinan

kerana tidak cukup lelaki untuk di *match making*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, hari ini kita lihat di mana satu budaya baru ada di dalam kampus universiti kita iaitu kahwin mutaah. Adakah kementerian memantau perkara ini dan apakah usaha yang telah dibuat oleh kerajaan supaya memastikan mas kahwin dalam negara kita ini tidak tinggi sebab kita tahu bagaimana mas kahwin yang paling rendah itulah perkahwinan yang paling berkat. Bagaimana usaha yang dibuat juga oleh kerajaan untuk mengatasi masalah penceraian apabila kahwin cerai pula yang semakin meningkat dalam negara? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kahwin mutaah satu faktor penurunan juga?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat Puan Siti Puan Zailah. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kahwin mutaah sudah pun memang ada di dalam undang-undang bahawa ia merupakan satu yang diharamkan oleh kerajaan. Sekiranya masih ada lagi dan sampai kepada pengetahuan kami, pihak kerajaan akan mengambil tindakan yang sepatutnya. Berkenaan dengan mas kahwin, kerajaan sebenarnya memang ada pada peringkat negeri meletakkan kadar tetapi adalah menjadi hak seorang wanita untuk menaikkan mas kahwin pada dirinya. Itu adalah hak individu dan kerajaan tidak campur tangan dalam urusan tersebut.

Persoalan kahwin - ramai yang berkahwin dan ramai juga yang bercerai seperti yang telah saya katakan pada jawapan peringkat awal, kita telah pun mengadakan beberapa kursus dan rancangan-rancangan seperti rancangan di televisyen, khutbah dan sebagainya, bagaimanapun, memang hal ini dalam pengetahuan dan tindakan-tindakan yang selanjutnya insya-Allah, akan kita ambil. Terima kasih.

5. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Tenaga Air dan Komunikasi menyatakan apakah ada cara untuk menyekat laman-laman web lucah di peringkat negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan di bawah seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 membolehkan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengambil tindakan jika didapati seseorang menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian

untuk menyiarkan kandungan berbentuk lucah atau membuat apa-apa komen atau cadangan yang palsu dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut atau mengganggu orang lain. Jika didapati bersalah, denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan.

Selanjutnya, denda RM1,000 boleh dikenakan bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan. Walau bagaimanapun, seksyen 3(3) Akta Komunikasi Multimedia 1998 menyatakan bahawa tiada apa-apa jua dalam akta ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan internet. Pada masa ini terdapat berjuta-juta laman web secara *on-line*. Oleh yang demikian, pihak SKMM hanya memantaunya secara rambang. Sekiranya terdapat aduan, pihak SKMM akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana laman web yang mengandungi kandungan yang lucah. Penyekatan laman-laman web lucah adalah lebih mudah sekiranya laman-laman web tersebut mempunyai tapak web penempatan di Malaysia.

Pihak SKMM akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pembekal-pembekal kandungan tersebut ataupun syarikat yang menyediakan tapak web penempatan untuk laman-laman tersebut supaya orang ramai tidak boleh mendapat akses kepada laman web berunsur lucah. Sebaliknya, jika laman-laman web tersebut ditempatkan di luar Malaysia, maka bidang kuasa SKMM adalah terhad. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah boleh dibuat di peringkat kerajaan sebab kita tahu di Singapura contohnya, mereka menggunakan Infocom Development Authority untuk menyekat laman-laman web lucah daripada masuk ke dalam negara, begitu juga di setengah-setengah negara Arab. Adakah kerajaan bercadang berbuat demikian walaupun tidak seratus peratus berjaya tetapi sekurang-kurangnya dapat menghindarkan setengah-setengah laman daripada terlalu mudah dilayari oleh anak-anak kita.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, cara menangani isu-isu ini adalah sama dengan laman web lucah iaitu bagi laman web yang bertapak di Malaysia atau di luar negara, pemberi perkhidmatan ISP boleh diminta untuk menyekatnya. Walau bagaimanapun, kita boleh menyekatnya daripada memasuki melalui *gateway*

antarabangsa. Masih banyak lagi cara-cara lain yang laman web ini boleh masuk ke negara kita dan cara terbaik untuk menyekatnya adalah dengan menyediakan seperti alat *filter* yang boleh *download* yang disediakan oleh syarikat-syarikat ISP di negara ini. Terima kasih.

[Soalan No.6 – YB Datuk Kalakau bin Untol (Sabah) tidak hadir]

7. **Datuk Hajah Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Perdana menteri menyatakan mengapakah prosedur yang diambil oleh mahkamah terlalu lama dan menjadi terlalu sukar untuk dibicarakan. Hanya kes yang mendapat liputan meluas sahaja akan dibicarakan dan diselesaikan dengan segera manakala kes yang kurang publisiti terpaksa ditangguhkan perbicaraannya.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat hadir dan soalan tidak timbul - Yang Berhormat membuat persiapan. Saya memohon maaf bagi pihak ahli Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses perbicaraan sesuatu kes adalah mengikut prosedur dan undang-undang yang digariskan. Proses yang sedemikian mengutamakan keadilan kepada semua pihak yang terlibat di dalam sesuatu kes. Tempoh perjalanan perbicaraan sesuatu kes adalah bergantung kepada persediaan dan tarikh lapang pihak Timbalan Pendakwa Raya, pihak peguam, mahkamah dan juga orang awam yang berperanan penting sebagai litigasi, saksi dan sebagainya.

Oleh yang demikian sesuatu kes yang dibicarakan itu adalah tertakluk kepada kesesuaian masa dan kesesuaian pihak-pihak yang terlibat di dalam kes-kes tersebut sama ada kes itu mendapat liputan meluas atau sebaliknya. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkenaan dengan tahanan ISA – tahanan tanpa bicara. Jadi, bilakah kes-kes yang seperti ini akan didakwa di mahkamah? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar sebab soalan asal menyentuh *due process* dan soalan Yang Berhormat itu adalah tidak termasuk dalam perkara itu.

8. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah matlamat program 'TAK NAK KEPADA ROKOK' akan tercapai memandangkan masih ramai yang degil serta mengabaikan zon larangan merokok.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, mungkin "TAK NAK KEPADA ROKOK" itu merupakan pendekatan dalam strategi menyeluruh dalam aktiviti kawalan tembakau dan menggalakkan gaya hidup yang sihat di kalangan rakyat Malaysia. Melalui kempen ini kita dapat meningkatkan kesedaran orang awam akan bahayanya merokok dan kebaikan tidak merokok. Kempen "TAK NAK KEPADA ROKOK" baharu sahaja dilancarkan iaitu pada 29 Februari 2004. Kaedah ini akan mengambil suatu tempoh masa sebelum apa-apa perubahan dapat dilihat.

Penguatkuasaan kawasan larangan merokok merupakan sebahagian daripada aktiviti Unit Kawalan Tembakau melalui peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau dalam Akta Makanan 1983. Kementerian Kesihatan akan mengadakan operasi ini dari masa ke semasa. Setakat ini sebanyak 1,156 kompaun telah dikeluarkan di mana 948 kes adalah kesalahan merokok di tempat-tempat larangan merokok dan kompaun yang dikeluarkan kepada remaja di bawah 18 tahun adalah sebanyak 208 kompaun. Selain daripada itu bilangan kes yang dibawa ke mahkamah adalah sebanyak 139 kes, dan jumlah kutipan bayaran kompaun setakat ini adalah sebanyak RM34,064. Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya harga rokok pada masa akan datang akan dinaikkan lebih tinggi kerana untuk membantu matlamat Program 'TAK NAK MEROKOK' dan juga sedikit sebanyak dapat menyekat para pelajar ataupun remaja daripada mampu untuk membeli rokok? Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk menaikkan harga rokok itu adalah satu isu yang tertakluk di bawah Kementerian Kewangan tetapi saya rasa dari pandangan Kementerian Kesihatan menaikkan harga rokok adalah selaras dengan Kempen 'TAK NAK MEROKOK' ini dan kita memang menyokongnya. Sekian.

9. Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan tumpuan khusus Kementerian dalam masa terdekat menjayakan industri asas tani di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menjayakan usaha asas tani di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi tumpuan khusus kepada pemindahan dan pengkomersialan teknologi hasil penyelidikan MARDI dan lain-lain institusi penyelidikan, jabatan atau agensi di bawah kementerian. Dalam hubungan ini, industri-industri asas tani yang lebih moden akan dibangunkan dengan menggunakan teknologi khususnya teknologi pemprosesan makanan dan penggunaan automasi atau mekanisasi untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti produk.

Dalam masa yang sama, pendekatan turut diberi kepada aktiviti pembangunan produk, kawalan mutu, pembungkusan, promosi, pengedaran dan pemasaran produk. Usaha-usaha meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana berasaskan tani di Pantai Timur sedang dijalankan dengan mengadakan pusat-pusat inkubator, seminar, forum, latihan teknikal dan pengurusan. Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera dan Program Anak Angkat Pemprosesan dan Kumpulan Pembangunan Perkembangan Wanita.

Selain daripada itu Kementerian telah mengenal pasti beberapa kawasan di Pantai Timur yang sesuai untuk tujuan pengeluaran produk halal berasaskan ternakan dan makanan ternakan serta pemprosesan herba, makanan berasaskan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, ikan serta daging. Sekian.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hasrat kerajaan ialah untuk memperluaskan pertanian secara komersial tetapi untuk menjayakan hasrat kerajaan ini secara besar-besaran tanah yang luas juga perlu diadakan. Apabila cadangan dihantar ke Jabatan Pertanian, beliau memberitahu bahawa tanah itu adalah di dalam kuasa Kerajaan Negeri. Soalan saya, apakah Jabatan Pertanian tidak boleh berbincang dengan Kerajaan Negeri dan menyelaraskan perkara tanah supaya rancangan besar-besaran pertanian boleh dilakukan oleh Kementerian Pertanian sahaja seperti *one-stop centre*? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan Persekutuan Malaysia, tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jadi, kerajaan atau menteri di peringkat Persekutuan memanglah mempunyai banyak projek yang harus dibincangkan dengan kerajaan-kerajaan negeri. Usaha-usaha ini sedang dijalankan. Kita berbincang dengan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti di Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan mana-mana tempat lagi dan banyak projek sudah diadakan. Ada yang sedang dilaksanakan dan ada yang akan dilaksanakan.

Cadangan Yang Berhormat itu memang baik tetapi untuk menjadikan *one-stop-centre* di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini saya boleh bawa ke kementerian untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

10. Tuan Osman bin Bungsu minta Menteri kesihatan menyatakan adakah pihak kementerian bercadang mengkaji semula syarat-syarat penggunaan wang tabung Kementerian Kesihatan kepada pesakit-pesakit kronik yang tidak berkemampuan.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan menubuhkan Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan (TKKK) adalah bermatlamat untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan dan membiayai kos rawatan perubatan yang tidak disediakan oleh hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan tabung ini, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk mempermudah lagi para pesakit memohon bantuan melalui tabung ini seperti berikut:

- (i) format borang permohonan TKKK dipermudahkan dengan pemohon hanya diperlukan mengisi maklumat peribadi, manakala maklumat tambahan seperti pengesahan, jenis penyakit dan laporan sosioekonomi akan disediakan oleh pegawai di hospital-hospital kerajaan;
- (ii) hospital-hospital kerajaan dibekalkan borang permohonan TKKK;
- (iii) Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dimaklumkan mengenai penubuhan tabung ini dan meminta kerjasama pegawai-pegawai kebajikan di peringkat negeri dan daerah membantu pemohon mengisi borang permohonan TKKK; dan
- (iv) menyebarkan cara memohon tabung ini di dalam laman web Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, syarat-syarat untuk memohon bantuan di bawah tabung ini adalah seperti berikut:-

- (i) mereka perlulah sebagai rakyat Malaysia;
- (ii) bukan kakitangan kerajaan, bukan pesara kerajaan atau anggota keluarga kakitangan kerajaan yang mendapat faedah perubatan di bawah Skim Sara Ubat, JPA;
- (iii) golongan yang miskin dan kurang mampu;
- (iv) pesakit yang dirujuk daripada hospital kerajaan; dan
- (v) rawatan yang diperlukan diperoleh dalam negara.

Sebagai langkah proaktif, kementerian telah mengkaji semula syarat-syarat penggunaan tabung dan tidak menetapkan hak pendapatan pemohon. Kementerian ini juga dari masa ke semasa akan mengkaji dan melihat kesesuaian syarat-syarat lain yang dikenakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita tahu bahawa penyakit kronik adalah satu penyakit yang harus ditangani secepat mungkin dan soalan saya, sekiranya pemohon telah pun mengisi borang yang lengkap saya ingin tahu berapa cepatkah permohonan itu dapat diluluskan? Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik dari Kementerian Kesihatan, kalau semua maklumat-maklumat itu adalah lengkap, permohonan itu akan diluluskan dalam masa lebih kurang 10 hari. Sekian, terima kasih.

11. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh penduduk, terutamanya pemuda-pemudi di Wilayah Persekutuan Labuan dan tindakan yang diambil untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, masalah utama yang dihadapi oleh penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan terutamanya pemuda-pemudi adalah hampir sama dengan penduduk di kebanyakan tempat lain di negara ini. Antaranya termasuk peluang pekerjaan, kemudahan riadah dan bahan bacaan.

Kerajaan sentiasa berusaha menambah peluang-peluang pekerjaan dan latihan bagi penduduk-penduduk Labuan. Ke arah itu kerajaan sentiasa berusaha menarik

pelaburan ke Labuan termasuk aktiviti Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOF) dan meningkatkan usaha menjadikan Labuan sebagai sebuah destinasi pelancongan. Ini termasuklah menambah produk pelancongan, kemudahan jeti, aktiviti sukan air dan lain-lain aktiviti untuk menarik lebih ramai pelancong.

Untuk menggalakkan pemuda-pemudi bergiat lebih aktif dalam sukan selain daripada menyediakan kemudahan sukan Majlis Sukan Labuan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM400 ribu melalui Perbadanan Labuan untuk aktiviti sukan. Perbincangan dengan pelbagai pihak juga diadakan supaya lebih banyak bahan bacaan seperti buku, dengan harga yang berpatutan dapat dibekalkan ke Labuan selaras dengan usaha memajukan Labuan sebagai pusat pendidikan penting.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan atau pandangan pihak kerajaan terhadap belia-belia yang masih berkeliaran di pusat-pusat membeli belah di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang begitu tinggi, dan apakah rancangan jangka panjang oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Diserahkan kepada Yang Berhormat.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini tentang belia pemuda-pemudi di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat tidak mempunyai statistiknya.

Tuan Yew Teong Look: Ya, memang. Terima kasih.

12. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak kerajaan berhasrat untuk meneruskan cara rundingan terus bagi syarikat-syarikat yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan sekiranya tidak, apakah pelaksanaan tender terhad benar-benar memberi keadilan kepada semua pihak khususnya untuk mendapatkan syarikat berwibawa serta mempamerkan kualiti kerja yang cemerlang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan prinsip-prinsip perolehan iaitu ketulusan *accountability* awam nilai faedah yang terbaik ataupun *best value for money*, saingan terbuka, peraturan perolehan kerajaan menetapkan supaya semua perolehan yang melebihi RM200 ribu hendaklah dilaksanakan secara tender.

Semua agensi kerajaan dikehendaki mematuhi peraturan ini bagi meningkatkan persaingan dan memberi peluang yang adil dan saksama kepada semua syarikat tempatan yang layak mengambil bahagian dalam sesuatu tender. Dalam penilaian tender, kesemua syarikat yang memasuki tender akan dinilai dari segala aspek termasuk keupayaan dan pengalaman yang lalu syarikat tersebut.

Perolehan secara tender akan memberi banyak kelebihan dan menjamin keadilan kepada semua pihak. Antaranya seperti berikut:

- (i) sebarang keputusan akan dibuat secara kolektif bagi menjamin ketelusan;
- (ii) saingan terbuka akan memberi nilai faedah terbaik kepada kerajaan dari segi harga, kualiti barang-barang dan kerja dan juga tempoh siap dan penyerahan dan sebagainya;
- (iii) memberi peluang kepada banyak syarikat untuk memasuki tender dan seterusnya menjamin keadilan kepada semua pihak;
- (iv) menggalakkan lagi syarikat untuk melakukan inovasi dan meningkatkan kualiti terhadap barangan ataupun kerja mereka bagi membolehkan tawaran mereka diterima; dan
- (v) meningkatkan dan memastikan ketelusan dalam perolehan kerajaan .

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. memandangkan kita sudah melaksanakan prosedur ini adakah prosedur ini telah mematuhi kesemua kehendak di bawah perjanjian WTO yang ada peruntukan khas bagi cara-cara menender dan sebagainya, kerana kita sudah menjadi satu ahli yang bijaksana dalam WTO. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, semua tender ditawarkan, diterima, dinilai dari segi teknikalnya, dari segi kewangannya, dari segi kemampuan syarikat, semuanya mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan proses ini semuanya mesti diikuti.

13. **Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan senarai persatuan-persatuan belia berdaftar yang dipimpin oleh tokoh yang berusia melebihi 45 tahun pada 2003.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Pendaftaran Pertubuhan Belia tahun 2003 yang sedia ada di kementerian saya, terutama pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat kebangsaan, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah. Sebahagian besar daripada pertubuhan-pertubuhan ini dipimpin oleh tokoh-tokoh yang melebihi umur 45 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, suka saya memperincikan keterangan di atas berikut:

- (i) Pertubuhan Belia Kebangsaan yang dianggotai oleh Pergerakan Pemuda Malaysia; Pertubuhan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia; Majlis Belia Hindu Malaysia dan Pertubuhan Belia Thai Malaysia - kesemuanya mempunyai 25 badan, hanya 4 dipimpin oleh pemimpin di bawah umur 45 tahun;
- (ii) Majlis Belia Negeri-negeri yang terdiri daripada Gabungan Majlis Belia Melaka; Majlis Belia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Majlis Belia Wilayah Persekutuan Labuan – yang kesemuanya mempunyai 15 majlis, hanya 3 dipimpin oleh pemimpin di bawah umur 45 tahun.

Sebanyak 87 buah majlis daerah dipimpin oleh pemimpin yang melebihi umur 45 tahun.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, saya difahamkan bahawa banyak pertubuhan belia telah dibatalkan pendaftarannya. Saya ingin tahu, apakah sebab-sebab utama yang saya difahamkan ribuan pertubuhan belia ini telah dibatalkan pendaftaran pertubuhannya mengikut Akta 1966. Saya ingin tahu apakah sebab-sebab utama persatuan belia itu ataupun pertubuhan belia itu dibatalkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat juga terkeluar daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat hendak menjawab silakanlah.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada statistik pertubuhan-pertubuhan yang dibatalkan, walau bagaimanapun, peranan yang

dimainkan oleh Kementerian Belia dan Sukan menggalakkan semua persatuan untuk menawarkan diri dan bantuan yang diberikan kepada persatuan-persatuan tersebut adalah untuk menggalakkan persatuan belia di semua peringkat.

Walau bagaimanapun, jikalau sesebuah persatuan itu telah dibatalkan ataupun bantuan tidak diberikan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, ini bermakna persatuan tersebut tidak mengikut persatuan *memorandum of article* yang sebenarnya mesti menjalankan mesyuarat agung tersebut dan *the renewal*, dengan izin, tidak dihantar kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab soalan asal Yang Berhormat menjurus kepada soal kepimpinan yang menjangkau umur 45 tahun lebih.

14. **Tuan Krishnan a/l Maniam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah keberkesannya konsep sewa dan beli rumah kos rendah dan adakah skim ini dilaksanakan kepada pekerja-pekerja ladang di seluruh Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih belum melaksanakan konsep sewa dan beli bagi rumah kos rendah termasuk rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan dan swasta. Konsep ini masih dalam peringkat kajian kementerian untuk dilaksanakan ke atas Program Perumahan Rakyat yang pada masa ini hanya disewakan kepada golongan berpendapatan rendah dan setingan dengan kadar RM124 sebulan.

Konsep yang dicadangkan ialah bolehkah selepas satu masa yang tertentu, penduduk-penduduk di rumah-rumah kos rendah yang disewa ini menggunakan apa yang dibayar pada masa itu sebagai sebahagian daripada wang untuk digunakan untuk membeli rumah itu selepas masa yang tertentu ini. Tetapi konsep ini masih di dalam kajian dan belum dilaksanakan lagi.

Pada bahagian kedua soalan Yang Berhormat, kementerian saya tidak mempunyai program khas untuk pekerja ladang, tetapi pekerja ladang yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah boleh memohon kepada rumah-rumah tersebut, seperti golongan-golongan miskin di dalam bidang-bidang yang lain. Terima kasih.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak telah mengekshaskan sejumlah wang RM10 juta untuk rancangan perumahan pekerja ladang dan lombong. Soalan, berapa banyak wang telah digunakan dari peruntukan khas ini dan sama ada rancangan perumahan ini masih diteruskan, sekiranya tidak, mengapa? Sekian.

Dr S. Subramaniam: Setahu pengetahuan saya, Tuan Yang di-Pertua, program ini tidak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan bila kita cari maklumat berkenaan di mana program ini ada – selepas banyak – kementerian telah ubah suai dan di mana, kementerian manakah program ini semasa dikawal, saya tidak dapat jawapan untuk Yang Berhormat. Terima kasih.

15. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah punca yang menyebabkan anggota ATM berhenti tanpa berpencen dan bagaimana cara untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, masalah anggota yang berhenti tanpa berpencen buat masa ini tidaklah membimbangkan. Ini adalah berdasarkan statistik lima tahun kebelakangan iaitu mulai 1999 hingga 2003. Jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia yang berhenti tanpa berpencen makin berkurangan. Pada tahun 1999, anggota yang berhenti tanpa berpencen adalah 51.7% daripada keseluruhan pemberhentian, manakala pada tahun 2003, jumlah ini telah berkurangan kepada 23.3%. Ini termasuk anggota yang diberhentikan atas alasan disiplin dan kebajikan dengan purata 7.5% setiap tahun.

Bilangan anggota Angkatan Tentera Malaysia yang berhenti tanpa berpencen adalah seperti berikut:

- Purata seramai 699 orang pada tahap perkhidmatan 13 tahun, seramai 669 orang anggota berpencen pada tahap berkhidmat 13 tahun.
- Purata seramai 270 orang berpencen pada tahap perkhidmatan 15 tahun.
- Purata seramai 304 anggota berpencen pada tahap perkhidmatan 18 tahun.

Antara sebab-sebab yang dikenal pasti mengapa anggota Angkatan Tentera Malaysia memilih untuk berhenti adalah lebih awal iaitu:

- (i) mendapat tawaran pekerjaan yang lebih baik di luar;
- (ii) memulakan perniagaan sendiri atau mengusahakan tanah pusaka;
- (iii) peluang kenaikan pangkat yang agak terhad;
- (iv) tidak berminat untuk meneruskan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi perkara ini, Angkatan Tentera Malaysia telah mengambil beberapa langkah bagi menimbulkan minat anggota agar meneruskan perkhidmatan sehingga berpencen. Bagi menjamin masa depan mereka, langkah-langkah yang diambil telah menunjukkan kesan yang positif, di antara langkah yang telah diambil ialah dengan:

- (i) mengadakan forum-forum kesedaran kepada anggota-anggota dan isteri anggota;
- (ii) menentukan kebajikan anggota diberi perhatian dari beberapa aspek seperti keselesaan kediaman dan elaun-elaun;
- (iii) mengadakan seminar mengenai faedah-faedah persaraan kepada ketua-ketua kerani serta pegawai pemerintah agar dapat disampaikan kepada anggota-anggota bawahan;
- (iv) *potential* kebajikan dan kenaikan gaji ini juga sedang dalam pertimbangan dibawa oleh Kementerian Pertahanan.

16. **Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) jumlah sekolah menengah bantuan modal dalam negara kita dan pada tahun 2003 berapa buah sekolah ini yang telah menerima Bantuan Modal; dan
- (b) berapakah jumlah Bantuan Modal yang telah diberikan mengikut pecahan jenisnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jumlah sekolah menengah bantuan modal di seluruh negara adalah sebanyak 181 buah, daripada jumlah tersebut sebanyak 18 buah sekolah menengah bantuan modal telah menerima pemberian peruntukan bantuan modal pada tahun 2003.

Pada tahun 2003, jumlah peruntukan bantuan modal yang telah diberikan kepada sekolah menengah bantuan modal di seluruh negara mengikut jenis sekolah adalah seperti berikut:

- 3 buah SMJK (C) dengan perbelanjaan RM230,000; dan
- 15 buah SMK *Mission* dengan perbelanjaan RM3.3 juta.

Sekian, terima kasih.

17. **Tuan Tan Cheng Tee** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah syarikat asing yang telah berpindah keluar dari Malaysia dan apakah punca mereka berbuat demikian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan ini pada 8 hari bulan Jun, bila soalan yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Lim dan saya tidak ada maklumat tambahan untuk soalan ini.

Walau bagaimanapun, saya hendak menegaskan bahawa persepsi orang ramai bahawa banyak kilang asing telah berpindah ke negara lain dan telah menjejaskan keadaan ekonomi negara ini adalah tidak benar. Sebagai contohnya, pada tempoh masa 2002 hingga 2004 hanya 11 buah syarikat asing telah pindah ataupun ditutup pada tempoh masa ini, tetapi pada tempoh masa yang sama lebih kurang 900 buah kilang asing telah diluluskan dan beroperasi pada masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kerana ungkapan "Saya tiada maklumat tambahan tetapi saya hendak menegaskan bahawa persepsi orang ramai.....", tepat.

18. **Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan terkini mengenai permohonan beberapa elaun tambahan yang dibuat oleh pihak tentera pada tahun lalu, dan sekiranya ada di antara permohonan tersebut diluluskan, adakah pihak Kerajaan akan memanjangkan kelulusan yang sama atau yang setaraf atau yang hampir sama kepada pasukan beruniform Kerajaan yang lain termasuk pasukan Polis, Kastam, Imigresen, Bomba dan lain-lain yang masing-masing mempunyai keunikan tugas tersendiri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak angkatan tentera telah membuat permohonan kepada kerajaan untuk memperbaiki kaedah-kaedah perkhidmatan termasuklah untuk memohon elaun-elaun tambahan....

Tuan Yang di-Pertua: Misalnya juruterbang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: ... ada setengah-tengahnya sudah pun diluluskan oleh kerajaan. Persoalannya sama ada elaun-elaun ini akan juga dipanjangkan kepada jabatan-jabatan yang lain, semua ini ingin dimaklumkan secara umumnya elaun-elaun antara perkhidmatan kerajaan adalah kita cuba untuk memastikan elaun itu hampir sama tetapi untuk menjamin bahawa kesemua elaun yang diterima oleh satu perkhidmatan itu sama dengan yang lain adalah sukar kerana ada perbezaan-perbezaan tugas masing-masing, umpamanya pihak Polis umpamanya berbeza daripada Kastam, Imigresen dan juga jabatan Bomba dan Penyelamat, oleh itu adalah mustahil untuk kerajaan pastikan bahawa setiap elaun yang diterima oleh satu jabatan itu dipanjangkan juga kepada jabatan-jabatan lain. Dalam pada itu kita cuba memastikan bahawa tidak ada perbezaan yang ketara antara elaun-elaun yang diterima oleh pegawai-pegawai dalam perkhidmatan kerajaan.

19. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah program-program bagi mengukuhkan institusi keluarga dan langkah-langkah untuk menentukan semua kaum menyertai program seperti ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' G. Palanivel]: Bagi mengukuhkan institusi keluarga kementerian ini melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara melaksanakan program melalui tiga bidang utama iaitu pembangunan keluarga, *reproduksi* manusia dan kependudukan. Oleh sebab pembangunan insan dan rakyat yang maju adalah berasaskan institusi

keluarga yang kukuh dan berperibadi mulia, kementerian memberi perhatian khusus kepada program pembangunan keluarga. Program pendidikan keibubapaan dan pembangunan sahsiah remaja telah dilaksanakan kepada golongan masyarakat melalui Pejabat LPPKN di setiap negeri. Program-program majlis pembangunan wanita dan keluarga dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Pakej modul kasih LPPKN iaitu satu modul pendidikan mengenai perkahwinan dan kemahiran keibubapaan juga digunakan oleh pihak NGO.

Dalam program pendidikan pembangunan sahsiah remaja LPPKN telah melatih seramai 1,170 jurulatih utama dan agensi-agensi berkaitan manakala lebih kurang 73,000 pelajar sekolah telah mengikut ceramah, seminar dan bengkel berkaitan aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, LPPKN turut bekerjasama dengan NGO di mana di bawah peruntukan bantuan khas Perbendaharaan, 19 buah program pembangunan remaja telah dilaksanakan sepanjang tahun 2002 hingga 2003 dengan penyertaan keseluruhan seramai 2,580 orang remaja.

Bagi menentukan semua kaum menyertai program ini LPPKN juga menghebahkan program-program dan kemudahan yang ada semasa program di peringkat akar umbi dan juga di sesi dialog dengan NGO. Bahan-bahan pendidikan juga dibangunkan dalam bahasa ibunda kaum-kaum terbesar di mana di dalam negara seperti pakej *smart start*, hebahan program melalui radio China dan Tamil juga telah digunakan untuk memperluaskan lagi liputan kepada kumpulan sasar LPPKN di kawasan-kawasan pedalaman selain daripada penyebaran maklumat oleh pegawai-pegawai LPPKN yang terdiri daripada berbilang kaum. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen yang Kesebelas.” **[10 Jun 2004]**

11.06 pagi

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menggulung dan menjawab.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan untuk membahaskan isu-isu yang dibawa tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Siw Chun a/p Earn telah mengesyorkan supaya penguatkuasaan dijalankan bagi memberikan keutamaan kepada produk tempatan serta memberi kelonggaran kepada pasar raya *hypermarket* supaya memasarkan produk-produk keluaran tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak menjalankan penguatkuasaan bagi memberi keutamaan kepada pemasaran produk tempatan di *hypermarket* kerana kita tidak mempunyai sebarang peruntukan perundangan mengenainya. Walau bagaimanapun, kira-kira 70 peratus hingga 90 peratus daripada produk yang dipasarkan di pasar raya

atau *hypermarket* terdapat di negara ini adalah merupakan produk pengeluaran tempatan.

Di samping itu kementerian juga menganjurkan beberapa program promosi produk industri kecil dan sederhana atau IKS ke *hypermarket* seperti *Tesco* pada tahun 2003 dan *The Store* pada tahun 2004. Dalam program promosi ini pihak *hypermarket* telah memberikan keutamaan serta beberapa kelonggaran kepada IKS untuk menembusi pasaran di *hypermarket* seperti pengecualian daripada pembayaran *listing fees*, sewa, bayaran iklan dan terma kredit yang lebih baik.

Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim telah membangkitkan isu mengenai keberkesanan program untuk pengarah-pengarah syarikat. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melalui suruhanjaya syarikat Malaysia atau SSM mengadakan program latihan bagi semua pengarah syarikat yang tidak tersenarai mengikut program latihan sebagai langkah menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan amalan tadbir usus syarikat yang baik agar mereka lebih profesional dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Program latihan pengarah-pengarah syarikat ini bertujuan meningkatkan kefahaman pengarah mengenai undang-undang syarikat, tanggungjawab mereka sebagai pengarah syarikat dan menyedari akan hukuman akibat kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965. Ia juga bertujuan meningkatkan tahap pematuhan pengarah kepada undang-undang seterusnya melahirkan Lembaga Pengarah yang cekap malah memainkan peranan menurut kehendak dan maksud undang-undang.

Program latihan ini mendapat kerjasama daripada pihak Polis Diraja Malaysia atau PDRM dan Badan Pencegah Rasuah - BPR serta penceramah dari badan profesional sebagai tenaga pengajar bagi program ini. Sehingga 31 Mei 2004 seramai 101,214 orang pengarah syarikat, telah mengikuti program ini melalui 2,158 program latihan yang dianjurkan di seluruh negara.

Kementerian ini khususnya SSM mendapati tahap pematuhan di kalangan pegawai syarikat masih perlu dipertingkatkan. Jika dilihat daripada jumlah notis kompaun yang dikeluarkan oleh SSM atas pelbagai kesalahan oleh syarikat yang masih besar. - Kesalahan-kesalahan yang dilakukan ini berpunca daripada kurangnya kefahaman atau kesedaran tentang tanggungjawab di kalangan pegawai syarikat khususnya pengarah syarikat.

Dalam tahun 2003 SSM telah mengeluarkan sebanyak 31,471 notis kompaun bernilai RM6,542,800 atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dan sehingga Mac 2004 sejumlah 9,676 kompaun bernilai RM2 juta telah dikeluarkan. Langkah yang lebih positif sedang diambil bagi memperuntukkan undang-undang memerlukan kehadiran pengarah - syarikat untuk membolehkan mereka dapat mematuhi pelbagai undang-undang yang telah diletakkan. Adalah diyakini latihan pengarah syarikat ini boleh mempertingkatkan lagi tahap tadbir urus korporat di negara ini. Ia juga merupakan salah satu ciri dalam Pelan Integriti Nasional.

Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim juga bertanya sama ada kementerian menyediakan pelan tindakan bagi mengatasi harga minyak petrol yang meningkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat walaupun harga minyak petrol di pasaran dunia sentiasa turun naik, bergantung kepada permintaan dan penawaran dan akhir-akhir ini meningkat dengan ketara di pasaran dunia. Namun bagi memastikan rakyat negara ini tidak dibebankan dengan kenaikan harga minyak, kerajaan telah memberikan subsidi dan pengecualian cukai agar harga runcit produk petroleum di negara ini dijual dengan harga yang rendah.

Dari tahun 2000 hingga Mei 2004 kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 26 bilion dalam usaha menstabilkan harga runcit produk petroleum. Ini bermakna kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM542 juta sebulan. Selain itu mulai Januari 2002, kerajaan telah memanjangkan subsidi ke atas diesel kepada sektor perikanan dan pengangkutan darat. Sehingga akhir Mei 2004 kerajaan telah memberikan subsidi diesel sebanyak RM482 juta kepada sektor perikanan dan pengangkutan darat.

Datuk M. Ratnam: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Saya hendak meminta sedikit penjelasan, tadi saya dengar mengenai petroleum. Kita telah menghantar soalan untuk mendapatkan jawapan. Saya menerima soalan pada 8 Jun dan bertanya berapa banyak *petrol station* yang dikendalikan oleh penduduk Malaysia juga saya meminta butir-butir keturunan. Jadi, mengikut jawapan yang diberikan kepada saya, keturunan orang India 48 buah jawapan yang diberikan, tetapi jawapan kepada Yang Berhormat sebelah saya Tuan Saravanan 138 buah, jadi mana yang betul, ini banyak mengelirukan.

Jadi, kepada Dewan yang mulia ini saya inginkan satu jawapan yang betul dan tepat diberi dan tidak boleh memberikan satu jawapan yang banyak berbeza macam ini. Saya minta sedikit penjelasan dari Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah kedua-duanya jawapan itu datang dari sumber yang sama ataupun berlainan?

Datuk M. Ratnam: Serupa Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kemungkinan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi berhubung kait dengan *petrol station* yang mana Yang Berhormat bertanya tentang jumlah. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah untuk *petrol station* di seluruh negara ialah 2,528 dan daripada jumlah tersebut hampir 48 buah stesen seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, memang betul, dimiliki oleh kaum India.

Manakala bilangan 100 lebih adalah merupakan kaum India juga terlibat tetapi dalam produk yang berlainan yang juga ada hubung kait dengan petroleum iaitu cecair petroleum. Ada produk-produk yang berhubung kait dengan petroleum yang mana juga dijual di tempat-tempat yang tertentu.

Maknanya kedua-dua apa yang dijawab itu memang betul Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu petrol dan satu petroleum products.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya, ada peningkatan daripada produk-produk yang lain 100 lebih. Kalau sekiranya jawapan itu agak mengelirukan kepada Yang Berhormat ambillah jawapan yang saya sebutkan tadi iaitu bagi produk yang lain 100 lebih, bagi *petrol station* 48, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat sekarang ada tiga jawapan, dua melalui surat, satu secara langsung daripada Menteri, terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang saya jelaskan tadi bukan bererti saya Menteri makan itu adalah muktamad, tetapi insya-Allah itu adalah merupakan satu jawapan yang betul, kalau sekiranya sedikit sebanyak mengelirukan. Saya memohon maaf kepada Yang Berhormat kalau sekiranya jawapan itu mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada ungkapan Inggeris yang berbunyi *from the horses mouth*.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan sehingga akhir Mei 2004 kerajaan telah memberikan subsidi diesel sebanyak RM482 juta kepada sektor perikanan dan sektor pengangkutan darat. Ini menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin dengan kepentingan rakyat dalam menghadapi kenaikan harga petroleum di pasaran dunia.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa jika dibandingkan harga minyak di negara kita dengan negara serantau, harga minyak di negara kita adalah lebih rendah misalnya harga *Ron 97* di Filipina ialah RM162 sen seliter berbanding dengan RM137 sen seliter di Malaysia.

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri terutama sekali saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir sendiri ke Dewan yang mulia ini.

Soalan saya, saya amat tertarik dengan subsidi diesel yang diberikan oleh kerajaan sehingga akhir Mei 2004. Saya cuma ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu berhubung dengan penyeludupan diesel, terutama yang berlaku dengan begitu aktif sekali di kawasan-kawasan sempadan yang saya difahamkan sama ada menerusi jalan darat ataupun dengan cara kenderaan-kenderaan dari seberang datang mengisi dan pulang dengan pengubahsuaian tangki yang besar.

Kemudian juga berlaku salah guna oleh nelayan-nelayan kita terutamanya nelayan laut dalam, kalau tidak silap saya yang mengisi jumlah diesel yang disubsidikan ini dengan jumlah yang besar, kemudian bila sampai ke tengah laut ataupun sampai ke sempadan di negara jiran diesel ini dijual kerana harga diesel di negara berkenaan meningkat dua kali ganda daripada negara kita, kerana tidak ada subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat yang telah membangkitkan dua perkara. Yang pertama iaitu penyeludupan diesel dekat negara jiran kita. Mungkin Yang Berhormat lebih maklum di Perlis, ke utara sama ada sebelah Perlis mahupun di Kelantan. Kementerian kita juga memang mendapat maklumat tentang perkara ini dan kita memantau. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat

tentang bagaimana untuk mengatasi masalah ini dan kita telah memaklumkan kepada pihak-pihak agensi yang lain yang mempunyai kuasa-kuasa untuk mengambil tindakan tertentu seperti pihak kastam dan polis, memastikan agar jangan ada pihak-pihak yang akan berusaha untuk menyeludup produk-produk seperti yang saya sebutkan tadi.

Walaupun demikian begitu juga dengan persoalan yang kedua iaitu berhubung kait dengan nelayan, di mana Yang Berhormat telah menyatakan pihak nelayan juga menyalahgunakan kemudahan subsidi yang digunakan oleh kerajaan. Saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya didapati bahawa ada perkara-perkara spesifik jumlah, tempat dan orang yang terlibat, pihak kementerian akan mengambil tindakan dan kita menghentikan subsidi yang diberikan kepada pihak syarikat-syarikat yang mana kita telah bekalkan subsidi minyak petrol ini kepada pihak-pihak yang sepatutnya, sebenarnya berhak, khususnya para nelayan yang kita tahu banyak bergantung kepada pencarian nafkah hidup mereka di lautan dan kita dapati bukan semua nelayan mendapat ikan setiap hari.

Maka, dengan itu kita berusaha supaya kerajaan mengurangkan bebanan ialah untuk memberi sedikit kelonggaran subsidi untuk membolehkan mereka mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh pihak-pihak nelayan. Saya berharap Yang Berhormat dapat membantu pihak kementerian membekalkan maklumat yang diperlukan dan kalau kita dapati seperti yang saya sebutkan tadi insya-Allah tindakan tegas kita akan ambil kepada pihak-pihak ini.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak minta pihak kerajaan menanggungkan buat sementara kalau sekiranya telah diluluskan lesen-lesen - bukan petrol stesen tetapi lesen pembekal yang terdapat di kawasan sempadan yang saya rasa seperti yang berlaku sama ada di Wan Klian. Saya tengok tempat berkenaan iaitu tempat mini petrol stesen itu menjadi seolah-olah macam pesta terutamanya di hujung minggu yang dibanjiri oleh kereta-kereta daripada negara jiran yang kita boleh tangguh buat sementara waktu pemberian atau kelulusan lesen daripada kementerian bagi kawasan-kawasan yang berdekatan dengan sempadan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya berharap kepada Yang Berhormat seperti yang saya sebutkan tadi boleh menghantar secara bertulis kepada saya untuk saya mengambil tindakan dan bagaimana untuk mengatasi masalah ini sama ada

untuk menghentikan ataupun tidak kementerian akan mengkaji secara menyeluruh bagaimana keperluannya. Kita tidak ingin melihat apabila tindakan kerajaan untuk menghentikan masyarakat setempat itu akan menghadapi berbagai-bagai masalah oleh kerana mereka tidak dapat memperoleh bekalan petrol pula. Apa yang penting kepada kita ialah kita harus menyelesaikan masalah ini ialah bagaimana kalau Yang Berhormat sebutkan tadi kebanjiran dan kedatangan para kereta-kereta yang datang ke stesen-stesen ini adalah yang datangnya daripada luar semata-mata bukan untuk membeli bekalan keperluan tetapi mengambil kesempatan untuk menjual barangan ke tempat-tempat yang lain dan saya akan mengambil tindakan untuk mengkaji perkara ini, kalau didapati ada penyelewengan maka tindakan perlu diambil oleh pihak kementerian, Insya-Allah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semenjak tahun 2000 hingga 2004 kenaikan harga runcit produk petroleum ini hanyalah sebanyak enam kali sahaja berbanding dengan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia sebanyak 15 kali. Pada 2002 kabinet telah memutuskan untuk menaikkan harga pada setiap bulan iaitu dua sen tapi kerajaan telah tidak mengambil langkah-langkah tersebut, hanya menaikkan baru-baru ini sebanyak dua sen sahaja iaitu pada bulan yang telah lalu dan usaha ini sedikit sebanyak telah membantu kepada pihak-pihak yang terlibat seperti yang saya sebutkan pihak nelayan, pihak pengangkutan yang memerlukan bantuan daripada kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat akhir kata saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan khususnya Ahli Yang Berhormat daripada Perlis yang telah mengambil kesempatan untuk membahaskan tanggungjawab pihak kementerian. Mana-mana perkara yang saya tidak sempat untuk mengambil maklum balas secara lisan ini insya-Allah kita akan mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang berhubung kait dengan kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pengajian Tinggi.

11.23 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja dan telah menyentuh isu yang berkaitan dengan tugas Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kemasukan ke IPTA. Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam bin Talik, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Choy dan Yang Berhormat Puan Jaya Partiban ada menyentuh tentang isu meritokrasi atau dasar kemasukan ke IPTA. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang satu sistem peperiksaan digunakan sebagai kenaikan masuk ke IPTA.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian tidak mempunyai cadangan untuk memperkenalkan satu sistem peperiksaan bagi kemasukan ke IPTA. Sistem meritokrasi yang diamalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi mulai Sesi Akademik 2002 hingga 2003 adalah berpandu kepada prinsip dengan izin *diversity* dan *comparability*. Ini bermakna Kementerian Pengajian Tinggi memberi ruang kepada kepelbagaian kelulusan untuk memasuki institusi pengajian tinggi. Prinsip *diversity* dengan izin ataupun kepelbagaian kemasukan yang diamalkan di Malaysia sekarang tanpa mengadakan satu peperiksaan kemasukan yang terasing sebenarnya diamalkan oleh negara-negara lain seperti United Kingdom dan Australia.

Kemasukan tidak terhad kepada lepasan STPM dan matrikulasi sahaja malahan lepasan sistem peperiksaan luar negara seperti A-Level United Kingdom, matrikulasi Australia, Sijil Tinggi Persekolahan Singapura dan kelayakan Diploma juga layak memohon untuk ke IPTA.

Kriteria pemilihan calon lepasan STPM dan matrikulasi untuk memasuki ke IPTA bergantung kepada pencapaian akademik yang baik, kombinasi mata pelajaran yang sesuai dengan keperluan syarat khas kursus, gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan serta lulus temu duga atau syarat kelayakan untuk program pengajian tertentu yang ditetapkan oleh pihak IPTA. Selain itu pilihan program mengikut keutamaan, *first choice*, *second choice*. Pencapaian dalam aktiviti ko-kurikulum dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA juga menjadi kriteria pemilihan calon untuk memasuki IPTA.

Berhubung dengan usul yang dicadangkan supaya belia kaum India yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang baik turut diberi peluang untuk melanjutkan

pelajaran ke peringkat tinggi. Sukalah saya maklumkan di sini bahawa semua kaum diberi peluang yang sama dalam pendidikan. Sejak meritokrasi diperkenalkan terdapat peningkatan bilangan pelajar India yang ditawarkan di IPTA iaitu pada sesi akademik 2002/2003, 4.7% kepada 5.2% sesi 2003/2004 dan pada tahun ini 2004/2005 iaitu 5.9%.

Walaupun peratusan ini agak kecil berbanding dengan kaum lain, kementerian yakin pada tahun-tahun yang akan datang bilangan ini akan bertambah.

Berhubung dengan isu kemasukan pelajar masyarakat Orang Asli yang masih kekurangan di IPT suka cita dimaklumkan bahawa seramai 92 calon keturunan Orang Asli lepasan SPM atau setaraf telah memohon untuk memasuki IPTA atau Kolej Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia. Daripada jumlah ini seramai 20 calon iaitu 22% telah berjaya mendapat tawaran ke IPTA ataupun kolej matrikulasi. Bagi program lepasan STPM pula atau matrikulasi dan setaraf seramai 34 calon keturunan Orang Asli telah memohon untuk program yang ditawarkan oleh IPTA pada sesi ini, dari jumlah itu 13 calon telah berjaya mendapat tempat pengajian mereka. Berdasarkan kepada peratusan pencapaian ini pihak Kementerian Pengajian Tinggi yakin ia akan bertambah jika usaha terus diberikan kepada pihak sekolah dan komuniti untuk meningkatkan lagi peratusan yang berjaya di kalangan keturunan Orang Asli ini.

Pihak Kementerian Pengajian Tinggi sedar tentang implikasi kepada semua masyarakat luar bandar termasuk Orang Asli tentang pelaksanaan sistem meritokrasi. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengajian Tinggi akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memastikan agar sistem pengajaran dan pembelajaran, tenaga pengajar dan kemudahan infrastruktur di sekolah luar bandar terus dipertingkatkan supaya pelajar-pelajar dari golongan ini dapat juga bersaing dengan pelajar-pelajar di bandar. Penglibatan daripada komuniti juga diperlukan untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan di luar bandar.

Bagi kemasukan sesi akademik 2004 suka saya ingin mengumumkan terdapat sebilangan pelajar masyarakat Orang Asli telah berjaya terpilih mengikut program-program pelajaran yang utama contohnya Norazizah Suboh dari suku kaum Temuan, Kampung Pangson Selangor telah ditawarkan untuk mengikut program Bio-Perubatan di Universiti Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu.....

Tuan Yang di-Pertua: Suku kaum tersebut adalah dikirakan sebagai Orang Asliyah Yang Berhormat?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Ya. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan IPTA telah saya sentuh dalam soalan lisan pada 7 Jun dan juga soalan berkenaan dengan cuti semester bagi pelajar IPT telah disentuh pada pagi tadi.

Peruntukan biasiswa untuk pelajar dari masyarakat luar bandar di Sarawak, Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talik juga telah meminta supaya kerajaan memberi biasiswa kepada pelajar masyarakat luar bandar di Sarawak terutamanya untuk meneruskan pengajian di IPT. Suka saya jelaskan di sini bahawa daripada tahun 2000 hingga sekarang terdapat 727 pelajar yang ditaja oleh JPA dari masyarakat luar bandar di Sarawak telah mendapat biasiswa dari kerajaan. Kerajaan sememangnya amat prihatin dalam menjaga kebajikan pelajar dari semua lapisan masyarakat. Terutamanya dari luar bandar yang memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali soalan berkenaan dengan *dress code* dengan izin atau kod pakaian yang sopan dan sesuai dengan pelajar universiti. Yang Berhormat Dato' Azmi bin Hj Abdul Hamid juga mencadangkan supaya IPTA memperkenalkan kod pakaian yang sesuai dengan imej dan penampilan pelajar-pelajar di IPT. Suka saya nyatakan di sini bahawa semua IPTA telah mempunyai kod pakaian masing-masing bagi meningkatkan imej dan penampilan diri pelajar agar sentiasa kelihatan kemas dan bersopan serta bersesuaian dengan imej pelajar-pelajar universiti.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya mungkin lari sedikitlah, saya ingin tahu adakah Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai apa-apa hubungan dengan pihak JPA atau pihak MMC dalam menentukan penempatan bagi pelajar-pelajar perubatan di luar negara? Sebab kita dengar semalam ada berita mengatakan pelajar di luar negara tidak mendapat pengiktirafan dari pihak MMC? Sekian terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat guna ungkapan 'terkeluar sedikit' inilah saya juga mengambil kesempatan untuk membuat sedikit penjelasan. Masa pertanyaan bagi jawab lisan saya terpaksa keras menentukan yang mana

menepati soalan dan yang mana tidak menepati. Sekarang ialah masa perbahasan, masa perbahasan Yang Berhormat agak bebas untuk ketengahkan apa jua persoalan kepada Yang Berhormat tersebut. Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dasar Pandang Ke Timur untuk membiayai pelajar-pelajar mengambil jurusan-jurusan kritikal di luar negara, di negeri-negeri Timur merupakan satu dasar yang baik. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan bahawa terdapat universiti di Jepun yang mana pihak JPA telah pun menghantar pelajar-pelajarnya seperti ke Nagoya University, Chiba University, Jinma University, Toyama, Tohoku University dan Akita University dan kes yang melibatkan Mohamad Rizal yang diumumkan semalam ialah daripada Universiti Akita, Jepun.

Seperti yang kita tahu bahawa Kementerian Pengajian Tinggi tidak mempunyai apa-apa keputusan untuk menghantar pelajar ke luar negara dalam bidang kritikal kerana ia tertakluk kepada bidang jawatankuasa JPA dan *interviewnya* untuk meletakkan pelajar ke luar negara. Walau bagaimanapun, kita telah menghubungi JPA dan meminta agar dapat menguruskan kemasukan pelajar tersebut ke mana-mana hospital universiti di Malaysia dengan kerjasama MMC (Malaysian Medical Council) untuk jalani latihan klinikal dan menduduki peperiksaan kelayakan yang ditetapkan untuk membantu mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, Universiti Utara Malaysia contohnya mewajibkan pelajar-pelajar lelaki memakai pakaian rasmi ke pejabat iaitu kemeja lengan panjang, berseluar panjang dan lengkap bertali leher. Di UIA, mahasiswi Islam mewajibkan memakai pakaian menutup aurat seperti berbaju kurung dan bertudung. Bagi mahasiswa bukan Islam pula mereka adalah disarankan untuk menutup sebahagian kepala mereka dengan berbentuk skaf. Bagi mahasiswa lelaki, mereka dikehendaki memakai pakaian kemas dan bersopan.

Contoh di UKM, pada setiap hari Isnin, pelajar lelaki adalah digalakkan memakai tali leher. Setiap pelajar lelaki juga dikehendaki berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju dan sekiranya berambut panjang atas sebab adat, ia mestilah sentiasa kemas. IPTS juga tidak ada menetapkan kod pakaian tertentu

namun demikian pelajar-pelajarnya hendaklah memakai pakaian sopan dan sesuai dengan imej seorang pelajar institut pengajian tinggi.

Daripada Kementerian Pengajian Tinggi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun menanyakan soalan-soalan, saya harap apa yang telah dikemukakan akan dapat memberikan keutamaan kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

11.34 pagi.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar, Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Earn, Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim dan Yang Berhormat Puan Jaya Partiban. Antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi adalah isu-isu pembasmian kemiskinan, pembangunan masyarakat Orang Asli, pembangunan tanah pertanian, prasarana dan juga utiliti luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek telah membangkitkan isu kadar kemiskinan yang mana di peringkat nasional memperlihatkan penurunan yang nyata tetapi majoriti penduduk pedalaman Sarawak masih tergolong sebagai rakyat termiskin. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar kemiskinan negeri Sarawak telah menurun daripada 21.0% pada tahun 1990 kepada 5.8% pada tahun 2002. Di samping itu kadar kemiskinan tegar di negeri Sarawak telah menurun lebih 3.26% pada tahun 1990 kepada 0.67% pada tahun 1999.

Bagi kawasan luar bandar pula, kadar kemiskinan tegar telah menurun dari 3.87% kepada 1.07% dalam tempoh yang sama. Berdasarkan kepada daftar dan profil keluarga termiskin 1995-1996 di PKLW, bilangan isi rumah miskin tegar di negeri

Sarawak berjumlah 10,379 isi rumah. Dalam tahun 2004 daftar ini akan dikemas kini bersekali dengan daftar profil keluarga termiskin 1995-1996 dan daftar terbuka yang diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Negeri Sarawak dengan kerjasama agensi-agensi di peringkat negeri.

Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu membangkitkan isu pembelaan masyarakat Orang Asli di negara ini. Ini termasuk cadangan untuk mengkaji semula Akta 134 dan penstrukturan penggunaan tanah Orang Asli. Dibangkitkan juga mengenai masalah kemiskinan di kalangan Orang Asli, peluang pendidikan dan pekerjaan serta penyediaan infrastruktur asas di perkampungan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius dalam perancangan permohonan masyarakat Orang Asli termasuk penyediaan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik serta jalan. Kementerian bersama JHEOA telah menyusun pelbagai program dan rancangan pembangunan yang khusus untuk Orang Asli. Program-program pembangunan yang telah dilaksanakan adalah secara *holistic* dan berterusan meliputi penyediaan kemudahan asas dan permohonan tanah tersusun.

Sehingga kini kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM105 juta untuk membina kemudahan jalan perhubungan sepanjang 2,160 kilometer ke 724 perkampungan Orang Asli. Kini hanya 145 perkampungan pedalaman yang belum dihubungkan dengan kemudahan jalan. Kerajaan merancang melengkapkan baki kampung yang belum mendapat kemudahan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sejumlah 8,245 rumah ataupun 238 perkampungan telah disediakan bekalan elektrik iaitu melalui talian *grid* yang memakan belanja sebanyak RM71 juta. Kerajaan juga telah membekalkan 691 kampung Orang Asli dengan bekalan air di mana 327 kampung dibekalkan dengan bekalan air paip dan 364 buah kampung lagi dengan bekalan air graviti dengan kos projek sebanyak RM97 juta. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian akan terus meningkatkan liputan bekalan air dan elektrik serta jalan di kawasan penempatan masyarakat Orang Asli dengan sasaran liputan 100% menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di samping penyediaan infrastruktur asas, kerajaan juga melaksanakan rancangan permohonan tanah dengan tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri, RISDA dan FELCRA. Sehingga akhir tahun 2003 kerajaan telah berjaya membangunkan 19,591

hektar ladang kelapa sawit dan 4,859 hektar getah. Rancangan ini telah memberi manfaat kepada 10,898 peserta Orang Asli. Program ini telah membantu dalam meningkatkan pendapatan Orang Asli dan akan diteruskan di masa yang akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menyediakan Skim Bantuan Galakan Pendidikan kepada semua murid Orang Asli yang layak. Pada tahun 2003, sebanyak RM10,446,970.00 telah dibelanjakan kepada seramai 30,280 murid Orang Asli di bawah Skim Bantuan Galakan Pendidikan. Di antara bantuan yang telah diberikan ialah tambang pengangkutan, yuran sekolah, yuran peperiksaan, pakaian seragam sekolah, keperluan diri pelajar di asrama, makan pagi dan tengah hari kepada murid-murid dan alat tulis.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga telah dihuraikan oleh Menteri Pelajaran pada hari Jumaat yang lepas. Mengenai pandangan supaya peruntukan pembangunan Orang Asli ditingkatkan, untuk makluman Yang Berhormat, dalam rancangan pembangunan Malaysia lima tahun, Rancangan Malaysia Ketujuh melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, JHEOA telah diperuntukkan RM149 juta, manakala di dalam Rancangan Malaysia Kelapan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, JHEOA telah diluluskan peruntukan sebanyak RM257.5 juta.

Pertambahan ini menunjukkan bahawa kerajaan amat komited dan bersedia untuk membangunkan masyarakat Orang Asli supaya setanding dengan masyarakat bangsa yang lain. Walau bagaimanapun, program pembangunan masyarakat Orang Asli berkait rapat di antara peruntukan dan juga kelulusan kerajaan negeri ke atas status tanah, khususnya untuk projek pembangunan ekonomi dan ladang.

Hasil daripada program-program yang dilaksanakan ini, kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli. Tahap kemiskinan tegar telah berjaya dikurangkan daripada 40% dalam tahun 2000 kepada 35% dalam tahun 2003. Mengikut bancian yang dibuat oleh JHEOA, kadar kemiskinan secara keseluruhannya telah menurun daripada 82.8% pada tahun 2000 kepada 76.9% pada tahun 2003.

Mengenai cadangan supaya Akta 134 iaitu Akta Orang Asli 1954 dipinda, kerajaan sedang meneliti akta tersebut bagi meminda peruntukan-peruntukan yang tertentu selaras dengan permohonan serta perkembangan semasa.

Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek juga membangkitkan isu mengenai agensi peringkat negeri seperti Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak ataupun SACRA untuk memajukan tanah terbiar adalah terhad. Bantuan daripada agensi persekutuan seperti FELCRA adalah diperlukan.

Beliau juga menarik perhatian kerajaan kepada keperluan untuk memberi fokus kepada hasil sektor pertanian kerana sektor ini melibatkan masyarakat luar bandar yang miskin.

Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar juga meminta kerajaan mengadakan aktiviti pertanian berskala besar berserta dengan aktiviti pemasaran bagi meningkatkan pendapatan dan juga seterusnya taraf hidup masyarakat luar bandar. FELCRA Berhad telah memaju dan memulihkan tanah-tanah terbiar di Sarawak sejak tahun 1979. Sehingga kini, kawasan seluas 13,043 hektar telah dimajukan oleh FELCRA Berhad di bawah Program Pemulihan dan Penyatuan Tanah atau P&P dengan tanaman kelapa sawit melibatkan seramai 4,494 orang peserta.

Daripada kawasan ini, seluas 10,454 hektar telah mengeluarkan hasil. Bagi tahun 2003, dividen berjumlah RM4.05 juta telah diagihkan kepada peserta FELCRA Berhad di Sarawak. Menyedari hakikat bahawa kebanyakan masyarakat luar bandar terlibat dalam sektor pertanian, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui penglibatan dan peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi Lembaga Kemajuan Wilayah dan Lembaga Kemajuan Tanah sedang dan akan terus berusaha untuk meningkatkan hasil sektor pertanian.

Antara perancangan dan usaha yang sedang dibuat oleh agensi-agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah:

- (i) Memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan amalan agronomi yang baik. Contohnya melalui program pengeluaran dan pembekalan benih dan pemindahan teknologi yang dilaksanakan oleh RISDA bagi membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti dan seterusnya pendapatan mereka. Di samping itu, program prasarana asas seperti jalan pertanian, jambatan, parit dan pemetung menyokong pelaksanaan program tanaman....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: ...tanam semula...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, Datuk Dr. Chin...

Datuk Dr. Tiki anak Lafe:dan ekonomi tambahan...

Timbalan Yang di-Pertua: ...minta laluan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Ya, ya. ...yang dilaksanakan oleh pekebun kecil.
Sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahawa ada banyak rancangan dalam pertanian untuk penduduk-penduduk di luar bandar, jadi saya ingin dapat penjelasan tentang koordinasi dengan Kementerian Pertanian. Dari segi tugas-tugas dan rancangan-rancangan yang telah dicadangkan, adakah koordinasi yang rapat diadakan supaya kita tidak ada program-program yang mungkin menjadi program-program yang tidak begitu berkesan kerana dari segi pelaksanaan mungkin ada dua kementerian yang terlibat dalam tugas-tugas ini.

Sungguhpun ianya baik, tetapi dari segi pemantauan pelaksanaan dan juga perancangan yang teliti tentang program-program ini, bagaimana koordinasi dengan Kementerian Pertanian. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kalau tidak silap saya telah menjawab pada minggu yang lepas tentang kerjasama yang erat yang berada di antara berbagai-bagai kementerian dalam usaha kita membantu masyarakat yang miskin di kawasan luar bandar dan di antara kementerian yang memang kita bekerjasama rapat selama ini ialah Kementerian Pertanian.

Memang banyak program seperti mana yang saya sebutkan tadi melibatkan pertanian. Oleh kerana itulah, Kementerian Pertanian merupakan satu kementerian yang begitu penting kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di mana kita berusaha untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat di kawasan luar bandar.

Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, kita mempunyai beberapa wilayah ataupun rancangan tanah yang dibuka di bawah peruntukan yang khas seperti FELCRA, FELDA dan sebagainya. Di bawah projek-projek ini ataupun program-program ini, kawasan-kawasan tersebut adalah di bawah jagaan agensi-agensi tersebut dan mereka mempunyai Lembaga Pengarah dan juga agensi masing-masing untuk memantau, merancang dan melaksanakan projek. Walau bagaimanapun,

Kementerian Pertanian juga yang akan terlibat sekiranya projek itu merupakan projek yang berasaskan pertanian.

Jadi, saya mohon meneruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe:

- ii) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga menguruskan tanah-tanah terbiar melalui pengurusan ladang seperti yang telah dilaksanakan oleh FELCRA melalui Program Penyatuan dan Pemulihan Tanah ataupun P&P dan Rancangan Kemajuan Tanah oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).
- (iii) Mempelbagaikan tanaman dan mengenal pasti jenis tanaman baru untuk dimajukan dan tidak bergantung kepada tanaman tradisional iaitu getah dan kelapa sawit. Antaranya tanaman herba;
- (iv) Memaksimumkan penggunaan tanah melalui aktiviti integrasi pertanian dan ekonomi tambahan bagi meningkatkan pendapatan keluarga seperti mana yang telah dilaksanakan oleh RISDA. Sehingga 2003, sebanyak 277 projek ekonomi tambahan melibatkan penternakan tanaman kontan dan lain-lain telah dilaksanakan; dan
- (v) Memperluaskan lagi perkongsian bestari di antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kementerian-kementerian lain dan antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kerajaan-kerajaan negeri dan NGO serta swasta.

Yang Berhormat Siw Chun telah mencadangkan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah meningkatkan promosi “Satu Kampung Satu Produk” atau 1K 1P. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedar bahawa salah satu elemen penting dalam usaha untuk mempertingkatkan ekonomi masyarakat luar bandar secara lebih sistematik adalah melalui Program “Satu Daerah Satu Industri” atau dahulunya dikenali sebagai “Satu Kampung Satu Produk”.

Negara-negara seperti Thailand dan Jepun, telah pun berjaya dalam mempromosikan 1D 1I di negara mereka. Umumnya pelaksanaan 1D 1I di Malaysia telah lama wujud di peringkat negeri tetapi tidak diisytiharkan sebagai di bawah program 1D 1I. Hanya dalam tahun 2002, Kerajaan Pusat telah khusus memperkenalkan rancangan untuk mengadakan program 1D 1I serta secara sistematik untuk menggerakkan kegiatan ekonomi desa dan membantu pengusaha kecil kampung memajukan perusahaan mereka.

Bagi memenuhi hasrat tersebut, KKLW bersama dengan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Asas Tani telah merangka strategi bagi mempromosikan 1D 1I secara aktif berasaskan kepada sumber-sumber setempat. Di samping itu, KKLW juga telah melantik agensi di bawahnya iaitu FELCA Berhad sebagai agensi pengurusan pemasaran bagi mengenal pasti produk-produk luar bandar yang berpotensi untuk dipasarkan di bawah jenama desa di KLCC.

Yang Dato' Hamzah bin Zainudin juga membangkitkan mengenai kerjasama di antara KKLW dan kementerian ataupun agensi yang berkaitan bagi mewujudkan *bio-valley* dalam bidang seperti tanaman herba untuk meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar.

KKLW telah memulakan usaha melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan dan penyelidikan ataupun R&D dengan kerjasama dengan agensi-agensi penyelidikan serta pihak universiti. Ini melibatkan aktiviti tanaman oleh KESEDAR ataupun FRIM dan aktiviti R&D, projek pembangunan produk berasaskan rumpai laut bersama dengan Universiti Malaysia Sabah.

Yang Berhormat Udam @ George Adam Talek telah membangkitkan mengenai keperluan untuk meningkatkan prasarana asas dan ICT di luar bandar terutamanya di Sarawak bagi memastikan mereka tidak tersisih dari arus k-ekonomi. Di antara prasarana yang penting untuk merealisasikan k-ekonomi di Sarawak ialah sumber tenaga elektrik dan talian telefon yang sempurna sebagai keperluan tenaga elektrik di luar bandar.

KKLW telah dan sedang melaksanakan program bekalan elektrik luar bandar seperti berikut:

Pada tahun 2001 dan 2002 sistem-sistem gred genset solar telah dibekalkan kepada kawasan luar bandar di Sarawak. Bagi tahun 2003 dan 2004 kita telah

melaksanakan sebanyak 92 projek gred kepada kawasan-kawasan di negeri Sarawak. Jadi, jumlah rumah yang telah mendapat manfaat daripada projek ini berjumlah setakat ini 28,971 buah rumah.

Dato' Dr. S. Vijyaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat. Saya minta penjelasan sedikit ataupun penerangan tentang jana elektrik solar, bagaimanakah kejayaan jana elektrik solar di kawasan-kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya belum lagi habis jawapan. Bagaimanapun di negara kita ini, kita bernasib baik kerana kita mempunyai banyak hari yang tidak hujan dan juga cahaya matahari yang banyak. Oleh kerana itu satu daripada kaedah yang digunakan ialah membekalkan elektrik dengan menggunakan solar. Ini telah berjaya di beberapa negeri dan di beberapa kawasan. Kita lihat di kawasan-kawasan pergunungan seperti di Sabah ini merupakan satu sistem utama yang digunakan dan juga ada beberapa kawasan di pedalaman di Sarawak juga kita telah menggunakan sistem elektrik solar ini tetapi ada kawasan yang kita terpaksa menggunakan yang dinamakan sistem *hybrid*, di mana sistem solar digunakan untuk caj bateri yang boleh digunakan di waktu malam.

Saya tidak mempunyai statistik untuk menunjukkan tentang keberkesanan ataupun kejayaan, tetapi secara rambang kita telah lihat bahawa ini merupakan satu sistem yang boleh diperluaskan lagi di kawasan-kawasan yang tidak dapat dihubungi ataupun dapat disambung dengan sistem gred.

Sebenarnya jawapan timbul sekejap lagi. Sehingga ini liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak adalah 77.3% dan program BELB ini akan terus dilaksanakan secara berperingkat sehingga seluruh negeri Sarawak dibekalkan dengan bekalan elektrik. Matlamat ini akan tercapai dengan keupayaan pihak berkuasa elektrik negeri iaitu SESCO menyediakan punca tenaga dan peruntukan kewangan yang mencukupi daripada kerajaan.

Tuan Osman bin Bungsu: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuan Osman minta laluan.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Baiklah.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh tentang pendidikan di kalangan pelajar Orang Asli, seperti mana yang kita difahamkan

tahun 2003, pelajar Orang Asli yang mengambil SPM sebanyak 675 orang, STPM seramai 15 orang. Difahamkan apa yang diumumkan oleh pihak pusat pengajian tinggi, pelajar kita hanya layak 13 orang sahaja, kalau berdasarkan daripada jumlah 690. Apakah rancangan kementerian mengatasi keciciran pelajar lepasan SPM dan STPM yang mengambil peperiksaan tahun lepas. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya saya sudah lepas tentang masalah pendidikan Orang Asli. Tetapi bagaimanapun saya tidak ada maklumat lain yang khusus bagi isu yang dibangkitkan ini. Walau bagaimanapun kita akan memberi jawapan secara bertulis kalau diizinkan Yang Berhormat. Saya sedar bahawa masyarakat Orang Asli masih lagi mempunyai masalah daripada segi pendidikan, walau bagaimanapun kita akan cuba mencari jalan bagaimana kita dapat menaikkan lagi prestasi mereka. Saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Izinkan saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada angka-angka yang diberikan tadi, jelas menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional amat prihatin terhadap pembangunan luar bandar di negeri Sarawak. Bagi program talian telefon pula, perkara ini perlu diangkat ke kementerian yang berkaitan.

Yang Berhormat Udam @ Geroge Adam Talek juga telah membangkitkan mengenai masyarakat Orang Ulu khususnya dan Dayak amnya tidak menerima nikmat pembangunan seperti yang diterima oleh orang Melayu dan Melanau. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah program SPKR yang telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi tahun 2004 sebanyak RM16.82 juta diperuntukkan untuk negeri Sarawak dengan tumpuan kepada golongan miskin tegar di kawasan-kawasan pedalaman.

Daripada jumlah tersebut hampir RM10 juta telah disalurkan kepada agensi-agensinya pelaksana bagi melaksanakan program-program latihan dan pendidikan, pembangunan minda insan, tambahan makanan seimbang, Taska, bantuan rumah dan peningkatan pendapatan. Isu bahawa kerajaan tidak memberi pembangunan kepada kawasan Orang Ulu, Dayak dan sebagainya tidak timbul oleh kerana kerajaan memang prihatin dan mengambil berat tentang pembangunan semua masyarakat yang ada di negara kita ini.

Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim telah membangkitkan isu guru KEMAS yang dilantik sementara. Beliau mencadangkan agar kerajaan dapat melantik mereka secara tetap memandangkan jasa mereka kepada kerajaan. Untuk makluman Yang

Berhormat, buat masa ini status pemaju masyarakat Tabika masih bertarif kakitangan kontrak. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat akan dibuat kajian lanjut dengan mengambil kira pandangan agensi pusat dan juga yang lain-lain yang berkaitan serta implikasi yang timbul.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya terhadap usul-usul yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai pembangunan luar bandar. Bagi perkara lain yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak sempat dijawab di sini, kementerian saya akan mengambil tindakan dan perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Cukup jelas Yang Berhormat. Sekarang saya minta wakil Kementerian Kesihatan.

12.01 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Diraja yang menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam yang menyentuh tentang beban tugas pegawai perubatan yang terpaksa bekerja lebih masa dan sering dipanggil untuk tugas *on-call*. Untuk makluman Yang Berhormat, tugas *on-call* merupakan satu keperluan dan ia adalah sebahagian daripada tugas bagi semua pegawai perubatan yang bertugas di hospital kerajaan mahupun hospital swasta. Kekerapan tugas *on-call* adalah berdasarkan bilangan pegawai perubatan di sesebuah jabatan dan jenis hospitalnya.

Secara umumnya, seseorang pegawai perubatan dikehendaki menjalani *on-call* lebih kurang lima kali dalam sebulan di kebanyakan hospital di seluruh negara. Di samping itu, pegawai perubatan yang turut diberikan imbuhan dalam bentuk elaun *on-call*. Jika dibandingkan dengan tugas *on-call* yang dijalankan oleh pegawai perubatan siswazah atau *house officer*, kekerapan *on-call* bagi pegawai perubatan adalah berkurangan di mana pegawai perubatan siswazah diperlukan menjalani *on-call*

sekali dalam tempoh tiga hari. Ini bertujuan untuk melengkapkan dan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi mereka.

Berhubung dengan kenyataan yang mengatakan ramai pegawai kerajaan termasuk pegawai perubatan yang meletakkan jawatan kerana tidak berpuas hati dengan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) berikutan pengenalan Sistem Saraan Malaysia (SSM), ingin saya nyatakan di sini bahawa mulai 1 November 2002, setiap pegawai perubatan telah diberikan pilihan sama ada untuk memilih opsiyen Sistem Saraan Malaysia ataupun tidak. Bagi pegawai-pegawai yang memilih opsiyen SSM, mereka adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan di bawah SSM di mana mereka dikehendaki mengambil peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) untuk tujuan kenaikan pangkat dan pergerakan gaji tahunan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Kesihatan tidak mempunyai jumlah yang sebenar berhubung dengan dakwaan ini. Walau bagaimanapun, pada tahun 2003, jumlah pegawai perubatan yang meletakkan jawatan di Kementerian Kesihatan adalah seramai 340 orang pegawai. Perletakan jawatan ini berikutan pelbagai sebab, seperti ingin berkhidmat di sektor swasta, berkhidmat sebagai pensyarah di universiti, membuka klinik persendirian serta masalah peribadi. Manakala bagi tahun 2004 sehingga 1 Jun 2004, jumlah pegawai perubatan yang meletak jawatan adalah seramai 112 orang pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh yang menyatakan bahawa ramai penghidap AIDS terdiri dari bangsa Melayu. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut statistik sebenar, pada tahun 1986 hingga Disember 2003, jumlah kes HIV ialah 58,012 orang.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Yaakob minta laluan.

Tuan Lee Kah Choon: Sila.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat berkaitan dengan masalah kekurangan jururawat dan doktor-doktor di klinik kerajaan. Dari segi jururawat yang berkhidmat di luar negara dan warganegara kita yang berkelulusan doktor berkhidmat di luar negara, sejauh manakah langkah-langkah yang

telah diambil oleh kerajaan dapat menarik mereka pulang untuk berkhidmat dengan kerajaan khususnya jururawat dan doktor. Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengadakan program-program untuk menarik lebih ramai lagi remaja dan juga rakyat Malaysia untuk menyertai profesion jururawat dari dalam negeri dan juga untuk menawarkan program supaya jururawat-jururawat yang telah dilatih di luar negara untuk balik ke negara kita. Kita memang sentiasa ada program seumpama ini seperti dengan penjelasan yang telah diberi, apabila rombongan kita keluar negara, kita berjumpa dengan jururawat-jururawat ini di luar negara. Secara keseluruhannya juga, kerajaan juga mengadakan program untuk menarik lebih ramai lagi rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara untuk balik ke Malaysia. Ini termasuklah jururawat juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung iaitu berkaitan dengan HIV ini, daripada jumlah ini 72.5% terdiri daripada Melayu, 15.1% Cina, 8.4% India dan 4% lain-lain bangsa serta warga asing. Kes HIV positif berikutan penyalahgunaan dadah daripada tahun 1986 hingga 2003, berjumlah 43,891 kes atau menyumbang kepada 75.6% keseluruhan kes HIV. Daripada jumlah tersebut, bangsa Melayu meliputi 70% daripada perangkaan ini.

Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan satu kajian yang dipanggil kajian *surveillance*, tingkah laku atau *behavioral surveillance survey*. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang tingkah laku sebenar golongan berisiko tinggi seperti mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan suntikan dadah dan juga hubungan seks secara rambang. Kajian ini dilakukan di seluruh negara dan telah dimulakan pada April 2004 dan dijangka tamat pada Julai 2004. Hasil kajian ini diharapkan akan dapat membantu Kementerian Kesihatan mengaturkan langkah untuk membuat *intervention* yang lebih tepat dan berkesan kepada golongan yang berisiko tersebut.

Salah satu langkah yang diusahakan oleh kementerian bagi mencegah HIV di kalangan remaja ialah melalui program pencegahan yang dipanggil Program Sihat Tanpa Aids (PROSA) untuk remaja. Program ini telah dilancarkan pada Disember 1996 dan sehingga kini sebanyak 930 buah Kelab PROSA telah ditubuhkan di sekolah-sekolah dan daerah-daerah bagi menyalurkan maklumat mengenai bahaya HIV AIDS. Dianggarkan lebih kurang 750,000 orang remaja dilibatkan melalui program ini.

Tuan Yang di-Pertua, statistik telah menunjukkan terdapat penurunan peratusan golongan yang berusia 20 hingga 29 tahun yang dijangkiti HIV. Mengikut perbandingan pada tahun 1989, golongan ini terdiri dari 55% keseluruhan kes HIV, manakala pada tahun 2003 pula, cuma 30% kes HIV terdiri daripada golongan ini. Mulai Jun 2004, kerajaan telah memulakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan rawatan yang komprehensif terhadap kes-kes HIV di pusat-pusat serenti melalui pemberian Ubat *Anti-Retroviral* (ARV) secara percuma. Sebagai langkah permulaan, pada tahun ini program ini dilaksanakan di sebuah pusat serenti di negeri Selangor. Pihak kementerian berharap supaya program ini dapat diperluaskan secara berperingkat-peringkat ke seluruh pusat-pusat serenti dan penjara di seluruh negara.

Usaha-usaha lain yang dapat membantu golongan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan berisiko dijangkiti HIV ini ialah dengan mengadakan ujian HIV dan sesi khidmat kaunseling yang disediakan di 380 buah klinik Kementerian Kesihatan. Di samping itu usaha-usaha yang dilakukan oleh badan-badan bukan kerajaan seperti Majlis AIDS Malaysia serta persatuan-persatuan di bawahnya dapat juga membantu mengurangkan masalah ini. NGO-NGO ini telah melaksanakan aktiviti pencegahan terhadap penagihan dadah melalui *outreach* dan penubuhan pusat persinggahan. Pihak Kerajaan telah memberikan bantuan kewangan kepada NGO-NGO ini bagi menjayakan aktiviti-aktiviti tersebut.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin meminta penambahan maklumat daripada Yang Berhormat. Daripada jumlah lebih 58,000 penghidap AIDS di seluruh negara kita, berapakah jumlah yang telah meninggal dunia setakat ini akibat daripada penyakit AIDS? Terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang spesifik di atas perkara ini. Kalau Yang Berhormat memerlukannya bolehlah dapatkan daripada kementerian saya. Saya akan menolong untuk mendapatkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan kepada Kementerian Kesihatan. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan saranan ini akan diambil berat oleh pihak kementerian bagi memastikan kementerian ini dapat menjalankan fungsinya dengan cekap dan berkesan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta wakil Kementerian Belia dan Sukan.

12.12 ptg

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan dan Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan isu-isu yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan semasa usul menjunjung kasih dan perbahasan titah diraja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha untuk membantu kerajaan di dalam menangani masalah belia yang terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat seperti jenayah peras ugut, dadah, perlumbaan motor haram dan lain-lain lagi. Usaha-usaha yang dilakukan dalam perkara ini ialah aspek pencegahan dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh mengubah minat mereka daripada aktiviti yang tidak sihat kepada menyertai aktiviti yang lebih manfaat.

Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan tidak dapat bertanggungjawab sepenuhnya dengan masalah yang dinyatakan kerana golongan belia ini berada di pelbagai sektor yang mana kementerian sendiri tidak mempunyai kuasa yang membolehkan tindakan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat ini. Walau bagaimanapun, usaha-usaha pencegahan ini akan tetap diteruskan sebagai salah satu usaha dengan kerjasama pihak pertubuhan bukan kerajaan bagi membantu menangani masalah yang dinyatakan.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim yang ingin tahu apakah langkah segera Kementerian Belia dan Sukan bagi menarik kepimpinan muda yang lebih dinamik bagi mengatasi kelesuan pertubuhan belia yang sedia ada sekarang, saya dinyatakan bahawa pada masa ini kementerian tidak mempunyai kuasa untuk menentukan pemimpin-pemimpin muda dapat membantu mengatasi pertubuhan belia kerana ini kebanyakannya tidak berada di kedudukan pimpinan kanan di peringkat pertubuhan tersebut. Sebagai pertubuhan sukarela mereka mempunyai perlembagaan sendiri di mana pemimpin-pemimpin persatuan ditentukan dalam mesyuarat agung.

Kementerian Belia dan Sukan memang bercadang untuk memperkenalkan Akta Pertubuhan Belia yang menghadkan hanya mereka yang berumur 40 tahun ke bawah selaras dengan Dasar Pembangunan Belia yang mentakrifkan umur di antara 15 hingga 40 tahun sebagai belia yang boleh memimpin dan menjadi ahli kepada sesuatu pertubuhan belia. Jika ini dapat dilaksanakan ia akan memberi ruang yang lebih kepada pemimpin-pemimpin muda untuk dilatih dan dibimbing menjadi pemimpin pelapis dan seterusnya menjadi pemimpin muda yang cemerlang di dalam sesuatu pertubuhan-pertubuhan belia. Beliau juga menyentuh mengenai tindakan Kementerian Belia dan Sukan terhadap pemimpin belia yang terlalu banyak memegang jawatan sehingga tidak boleh menumpukan kepada pengurusan persatuan belia itu sendiri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Belia dan Sukan tidak dapat mengambil tindakan terhadap pemimpin belia yang terlalu banyak memegang jawatan kerana persatuan tersebut tidak berdaftar dengan kementerian. Setakat ini persatuan belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan adalah di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri. Apa yang boleh dilakukan oleh pihak kementerian ialah setakat menasihatkan mereka yang berkenaan tetapi tidak ada kuasa yang boleh menghalang mereka dari memegang jawatan dalam beberapa persatuan.

Saya bersetuju dengan kenyataan yang menyatakan bahawa prestasi sukan bola sepak negara kebelakangan ini kurang cemerlang. Pandangan ini dibuat berdasarkan kepada kejayaan yang telah dicipta pada masa-masa yang lalu tidak lagi dapat diulang pada masa ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kali terakhir pasukan kebangsaan Malaysia memenangi pingat emas di Sukan SEA ialah pada tahun 1989. Kalau dibandingkan dengan prestasi sukan badminton adalah tidak adil kalau ia dikatakan kurang cemerlang hanya berasaskan kepada kegagalan pasukan berkenaan memenangi Piala Thomas. Walaupun gagal memenangi piala berkenaan tetapi terdapat pemain-pemain badminton yang berjaya bersaing termasuk memenangi pertandingan-pertandingan tertentu yang bertaraf dunia.

Persatuan Bola Sepak Malaysia telah memulakan Liga Semi Profesional sepenuhnya, namun demikian usaha ini tidak berjaya mempertingkatkan prestasi pasukan bola sepak kebangsaan. Persatuan berkenaan juga telah melaksanakan program pemain-pemain bola sepak dengan menubuhkan pasukan-pasukan remaja dan bawah umur dengan tujuan untuk melatih lebih ramai lagi pemain-pemain bola

sepak yang berkaliber. Kerjasama persatuan berkenaan dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Belia dan Sukan dalam menubuhkan program pembangunan pemain-pemain remaja di 40 buah sekolah di seluruh negara juga telah dilaksanakan. Dari segi perancangan bolehlah dikatakan persatuan berkenaan telah membuat apa yang sepatutnya dilakukan.

Adalah diharapkan dengan pemilihan barisan pemimpin persatuan yang baru ini sukan berkenaan dapat dipulihkan prestasinya supaya kita sama-sama dapat berbangga dengan pasukan bola sepak negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Earn ingin tahu apakah program kepada remaja lepasan sekolah yang berbakat dalam bidang sukan yang menganggap sukan sebagai suka-suka sahaja. Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri serta daerah ada menawarkan kepada golongan remaja dan belia untuk menyertai aktiviti-aktiviti sukan. Aktiviti-aktiviti tersebut dianjurkan dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan dan persatuan-persatuan belia. Mereka yang berpotensi boleh mengilap bakat masing-masing dengan menyertai kejohanan-kejohanan yang dianjurkan seperti Liga Sukan Daerah dan SUKMA.

Di samping aktiviti sukan yang disediakan golongan remaja juga boleh mengisi masa lapang mereka dengan menyertai aktiviti-aktiviti di bawah Program Rakan Muda yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela tempatan.

Mengenai pemimpin belia yang telah berumur lebih 40 tahun ke atas pula, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai kuasa untuk menukar pemimpin belia yang berumur lebih daripada 40 tahun. Ini adalah kerana Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai apa-apa peruntukan undang-undang yang membolehkan mereka yang melebihi umur 40 tahun dilarang menyertai persatuan-persatuan belia.

Adalah diharapkan sekiranya kementerian dapat memperkenalkan Akta Pertubuhan Belia yang mengehadkan belia berumur 40 tahun ke bawah seperti yang terkandung di dalam Dasar Pembangunan Belia barulah perubahan-perubahan ini dapat dilakukan bagi membolehkan golongan muda yang berumur bawah 40 tahun menjadi pemimpin di peringkat persatuan ataupun pertubuhan belia.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan, setakat ini Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk mengadakan program khusus bagi menggalakkan belia berkahwin awal ataupun pertemuan jodoh peringkat

muda. Apa yang dilakukan oleh kementerian ini adalah menganjurkan program-program yang berbentuk memberi bimbingan dan panduan dengan menerapkan nilai-nilai murni bagi membolehkan mereka membuat keputusan yang terbaik yang berkaitan hal-hal peribadi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, menyentuh tentang kekurangan pegawai dan kakitangan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Pihak kementerian sedang berusaha untuk menambah pegawai dan kakitangan terutamanya di peringkat negeri dan daerah. Usaha-usaha berterusan sentiasa diadakan bagi mendapat kelulusan dari agensi Pusat bagi mengatasi kekurangan kakitangan dan pegawai terutamanya di peringkat daerah.

Mengenai penambahan aktiviti pendidikan generasi belia pula, kementerian memang sentiasa berusaha menambah aktiviti pendidikan untuk generasi belia sama ada dalam bentuk keagamaan atau pembentukan perilaku yang baik. Jika Kementerian Belia dan Sukan dapat peruntukan yang banyak maka lebih keraplah aktiviti-aktiviti sedemikian dapat dianjurkan hingga ke peringkat daerah, mukim dan kampung.

Berhubung dengan cadangan untuk mewajibkan kolej swasta menubuhkan persatuan belia pula, Kementerian Belia dan Sukan setakat ini tidak ada satu peruntukan undang-undang yang boleh mewajibkan kolej swasta komuniti menubuhkan persatuan belia. Setakat ini persatuan belia atau kelab-kelab remaja diwujudkan berasaskan permintaan dan kesediaan pemimpin yang sedia ada untuk memimpin sesebuah persatuan. Pertubuhan belia adalah badan sukarela dan dari segi amalannya ia diwujudkan berdasarkan permintaan setempat.

Yang Berhormat Puan Halimah binti Hamzah, membangkitkan isu gejala sosial di kalangan belia Melayu. Tuan Yang di-Pertua, masalah gejala sosial di kalangan belia Melayu memang ada wujud. Walau bagaimanapun, ia masih terkawal, oleh itu pelbagai aktiviti dan program yang berbentuk pencegahan akan terus dianjurkan bagi membantu mengurangkan masalah tersebut.

Kementerian Belia dan Sukan akan terus meyakinkan pihak agensi Pusat supaya lebih banyak peruntukan dapat disediakan bagi menganjurkan lebih banyak aktiviti untuk golongan belia Melayu secara berterusan bagi menghindarkan mereka dari terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat itu.

Kementerian Belia dan Sukan tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat Puan Jaya Partiban, yang mengatakan program Kementerian Belia dan Sukan lebih tertumpu dalam bidang sukan. Kenyataan ini kurang tepat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat Puan Jaya Partiban, dari segi program dan peruntukan, program pembangunan belia lebih besar daripada program sukan. Apa yang menjadi isu di dalam perkara ini, program-program sukan terutamanya program-pro prestasi tinggi mendapat liputan media yang lebih luas berbanding dengan program-program belia.

Mengenai dengan program-program belia, perlu sampai ke kawasan setinggian, pangsapuri dan ladang-ladang, kementerian ini memang bersetuju dengan cadangan tersebut supaya dapat program belia sampai sepenuhnya ke kawasan yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini hanya dapat dilakukan sekiranya kementerian diberikan peruntukan tambahan bagi membolehkan program dan aktiviti belia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di kawasan-kawasan yang dinyatakan.

Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan penyertaan

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Oh! Minta maaf.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat di atas laluan. Takrif belia sebagaimana telah kita fahami berumur 15 hingga 40, dan daripada anggaran ternyata hampir 60% daripada penduduk Malaysia adalah di kalangan belia. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit bagaimanakah peranan dan strategi kementerian untuk mendekati atau menasihati pelajar-pelajar di IPTS atau IPTA agar mereka tidak dieksploit ataupun diheret di dalam perjuangan politik perkauman ataupun politik yang sempit. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan pelajar-pelajar dari IPTA dan IPTS memang adalah satu-satu rancangan yang diadakan di Kementerian Belia dan Sukan, tetapi dari segi pemikiran yang sempit, yang *bias* sedikit fasal kita tidak hendak mereka di IPTA dan di IPTS membabitkan pelajar-pelajar tersebut dalam isu-isu politik. Oleh yang demikian, isu bila Kementerian Belia dan Sukan mengadakan program-program di IPTA dan juga menggalakkan program-program di IPTS, kita menggalakkan secara mengadakan insan yang lebih baik dari

segi jasmani dan rohani. Untuk makluman Yang Berhormat, saya ini minta maaflah fasal tidak ada maklumat yang lanjut mengenai apa yang diminta oleh Yang Berhormat. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat hendak beri jawapan itu kemudian.

Tuan Sa. Vigneswaran: Ya! Saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Sa. Vigneswaran: Ada lagi.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Tadi Yang Berhormat pihak kementerian menyatakan bahawa tidak ada akta yang membolehkan kepimpinan hari ini yang melebihi 40 tahun diberhenti atau diminta untuk mengundurkan diri, tetapi dari segi langkah kerajaan hari ini yang mana Menteri Belia dan Sukan sendiri menyatakan bahawa seramai lebih kurang 7 juta belia-belia dalam lingkungan umur 15 ke-40 tahun yang tidak menyertai persatuan-persatuan belia, adakah ini kerana kurangnya minat mereka kerana pemimpin ataupun pengerusi ataupun presiden belia hari ini adalah di kalangan golongan yang tidak sama dan tidak padan dengan umur mereka hari ini, kerana banyak sangat pemimpin-pemimpin belia baik di peringkat negeri mahu pun daerah, saya ingat lebih daripada 70% berumur lebih daripada 50 tahun. Jadi, inikah antara penyebab bahawa belia-belia ini langsung tidak berminat untuk menyertai belia?

Satu lagi berkenaan dengan – sebagaimana yang saya sarankan di kolej-kolej komuniti supaya ditubuhkan persatuan belia tadi, Yang Berhormat menyatakan bahawa tidak ada juga akta tetapi bolehkah atau tidak dilaksanakan terutama dari segi uniform berunit dan sebagainya bagi mengelakkan – apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi supaya tidak ada anasir-anasir macam politik-politik sempit ini mengambil ruang, supaya kita menubuhkan persatuan-persatuan untuk mereka lebih aktif dan bergiat dalam pelbagai segi. Terima kasih.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Mohon izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Azalina binti Othman Said: Kepada soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah, ingin saya maklumkan tentang dua soalan tersebut. Pertamanya berkenaan dengan isu kenapa ramai para belia tidak menjadi ahli persatuan. Dari segi rekod kami jumlah belia di bawah umur 40 tahun ialah 9.8 juta, belia yang berpersatuan ialah 2.8 juta. Jumlah belia yang di bawah kategori Rakan Muda 25 tahun ke bawah ialah 5.5 juta. Memang pihak kementerian mengakui ramai belia kita tidak berminat berpersatuan. Sama ada persatuan ini kerana persatuan ini tidak selera dengan mereka ataupun kerana minta mereka berbeza memang pihak kementerian sedang mengkaji. Walau bagaimanapun, dengan wujudnya Khidmat Negara yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pihak kementerian cuba mengambil mereka separuh atau sepertiga daripada ahli-ahli pelatih Khidmat Negara untuk menjadi penggerak pada program rakan muda.

Rakan Muda ini memang satu program yang sudah lama ditubuhkan oleh pihak kementerian, walau bagaimanapun kejayaannya tertakluk kepada belia itu sendiri. Itu sebabnya bagi pihak kementerian kita melihat adalah amat penting diwujudkan aktivis rakan muda kategori yang lebih rendah umur selain daripada persatuan belia yang kita ada, itu kategori 40 tahun ke bawah, tetapi kemungkinan yang 25 tahun ke bawah minat mereka agak berlainan, itu sebabnya kita mencadangkan wujud kategori penggerak rakan muda untuk menjadi aktivis kepada golongan belia di umur rakan muda 25 tahun ke bawah. Sama ada belia dalam negara kita minat atau tidak susah hendak dijawab, kerana cuba kita tengok contohnya kalau majalah MASSA itu sendiri terpaksa dihentikan ataupun majalah-majalah tentang ilmu agak susah untuk kita melihat golongan belia hendak membaca.

Tetapi kalau majalah hiburan penjualannya memang begitu hebat setiap minggu, baru-baru ini kalau kita tengok aturan belia-belia hendak jadi *Malaysia Idol* ataupun *Akademi Fantasia* penuh tetapi kalau katakan Pergerakan Puteri UMNO sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, hendak mendapat ahli pun agak kata orang minggu demi minggu hendak mencari agak susah. Ini mungkin nilai belia kita hari ini, nilai belia kita dengan era globalisasi mungkin kepentingan mereka ialah lebih ke arah sesuatu yang pada diri mereka tidak seperti belia pada tahun 60'an, 70'an dan 80'an. Kalau nak tegur hanya salah belia pun dengan izin, Tuan Yang di-Pertua tidak boleh juga, itu sebabnya bagi saya ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting untuk menentukan bahawa golongan belia kita diberikan didikan sebenarnya.

Memang boleh dia hendak baca majalah hiburan tetapi juga perlulah melihat mereka membaca majalah berilmu, taklah belia itu kita biarkan dia hendak membaca apa yang dia hendak membaca. Kalau hendak kata ini pada tugas pihak kerajaan sahaja adalah juga tidak adil Tuan Yang di-Pertua.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Hazizah berkenaan dengan penubuhan persatuan-persatuan belia di kolej-kolej, sebenarnya pada hari ini kita adanya program rakan muda di kolej-kolej kerana umur pelajar-pelajar di universiti ataupun kolej adalah kategori 25 tahun ke bawah, maka ia adalah dalam kategori rakan muda. Hendak katakan persatuan dalam IPTA, IPTS tertakluk kepada persatuan-persatuan itu sendiri dan bagi kementerian kita pun melihat kadang-kadang belia dalam negara kita harus berjinak dengan persatuan tidak semesti hanya melalui IPTA, IPTS. Kalau kita tengok persatuan belia yang ada hari ini ya seperti MAYC, Belia 4B mereka terbuka kepada semua jenis belia, belia menganggur, belia bekerja, belia berkahwin, belia bujang, belia profesional semua dalam lingkungan umur 40 tahun. Keputusannya dalam belia itu sendiri, kalau kita bagi dia juga persatuan dia tidak hendak jadi ahli, saya rasa kerajaan demokrasi seperti kerajaan Malaysia kita tidak boleh memaksa.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyambung pengucapan penggulungan kalau tidak ada soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan bahawa penyertaan belia dalam program-program melibatkan penyertaan berbilang kaum termasuk kaum bukan Melayu. Walau bagaimanapun banyak aktiviti belia kadang-kadang golongan orang Melayu yang lebih banyak menawarkan diri berbanding dengan yang bukan Melayu.

Sehubungan dengan itu usaha-usaha untuk memastikan penglibatan kaum-kaum yang lain menjadi salah satu daripada pendekatan pihak kementerian dan seharusnya semua persatuan belia Tuan Yang di-Pertua memainkan peranan secara proaktif untuk menentukan kehadirannya belia-belia berbilang kaum dalam tiap-tiap kesatuan. Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dilantik menjadi Menteri Belia mewakili golongan wanita, menambah lagi bilangan wanita dalam kementerian. Soalan saya adalah

adakah kementerian mempunyai dasar belia negara dan ke mana hala tuju kementerian untuk membawa belia negara kita sebagai menteri yang menerajui sebuah Kementerian Belia dan Sukan, terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat dasar belia negara memang kita ada, tetapi sebenarnya Yang Berhormat dasar belia ini kadang-kadang kalau kita lihat dasar-dasar kerajaan pun berubah mengikut masa. Pada hari ini kalau kita hendak tanya hala tuju secara umumnya belia kita saya rasa walaupun daripada sejak sebelum kemerdekaan, kejayaan antara pemimpin-pemimpin negara kita mereka bergerak daripada persatuan-persatuan belia, ini adalah hasil, saya percaya di dalam Dewan ini sekali pun mungkin ramai wakil-wakil yang bekas pemimpin belia.

Walau bagaimanapun, yang lebih penting bagi pihak kementerian bukan menjadi pemimpin belia itu, yang lebihnya ialah hala tuju kementerian ke arah cemerlang, gemilang dan terbilang. Kecemerlangan ini Yang Berhormat ialah satu semangat di mana hari ini lebih baik daripada semalam dan esok lebih daripada pada hari ini. Itu sebabnya bagi pihak kementerian kita memberikan sokongan kepada program Everest yang dilaksanakan oleh pelajar IPTA di mana kedua-dua anak muda ini di dalam lingkungan 22 tahun digalakkan, inilah salah satu daripada pendekatan pihak kementerian untuk melihat ramai generasi muda belia, belia ini bawah 40 tahun, tetapi yang kita hendak tekankan generasi muda belia di bawah umur 25 tahun ke bawah dan kategori rakan muda untuk menjadi wira-wira negara contohnya pertandingan SUKMA baru-baru ini dari segi belia yang bersukan pencapaian pemecahan rekod begitu tinggi oleh adik-adik kita yang di bawah umur 21 tahun sebagai contoh inilah akan menjadi penumpuan dasar bagi kerajaan memberikan penumpuan yang agak lebih sedikit bagi mereka-mereka yang dianggap dalam kategori remaja dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih, kesimpulannya bagi pihak kementerian, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang turut membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Mudah-mudahan dengan sikap prihatin semua pihak Kementerian Belia dan Sukan akan dapat mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk membudayakan sukan dan juga mewujudkan keupayaan generasi

belia di dalam negara kita dan juga persatuan-persatuan belia ke arah negara Malaysia mempunyai kategori belia yang ke arah kecemerlangan, kegemilangan dan begitu terbilang, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kepada Setiausaha Parlimen dan Yang Berhormat Menteri yang telah pun memberikan penjelasan yang begitu jelas. Sekarang saya minta Jabatan Perdana Menteri, saya difahamkan Jabatan Perdana Menteri ada dua wakil yang akan menjawab. Saya minta yang wanita dulu.

12.37 tgh.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke Atas Titah Diraja dan menyentuh perkara-perkara berkaitan isu-isu mengenai agama Islam. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran saranan dan cadangan ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri mencadangkan supaya ditubuhkan majlis bicara agama sebagai saluran untuk umat Islam Malaysia berbincang mengenai isu-isu agama secara terbuka. Untuk makluman ahli Yang Berhormat pada masa ini umat Islam di Malaysia mempunyai pelbagai saluran yang luas untuk mereka berbincang isu-isu agama secara terbuka sama ada melalui media massa, forum-forum yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan, pihak swasta pertubuhan-pertubuhan dan sebagainya.

Kerajaan berpendapat mekanisme dan forum untuk membincangkan isu-isu agama sudah mencukupi bagi tujuan memelihara kesucian Islam dan kepentingan umat Islam di negara ini. Pada masa ini di peringkat pusat telah ditubuhkan Majlis Perundangan Ulama Negara yang anggotanya terdiri daripada para ulama dan cendekiawan Islam yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan agama, antara fungsi majlis ini ialah membincangkan apa jua isu yang menyentuh kepentingan Islam dan umatnya.

Yang Berhormat Siti Zailah binti Mohd. Yusoff menyarankan supaya wujud ketelusan dalam pelaksanaan Islam Hadhari, untuk makluman Yang Berhormat, dalam

gagasan Islam Hadhari kerajaan akan membangunkan Islam dan umatnya secara bersepadu. Persepsi jumud umat Islam terhadap agamanya hanya iaitu hanya menumpukan aspek spirituil dan perkara fardu ain semata-mata akan diperbetulkan supaya umat Islam menjadi umat yang maju dan progresif. Gagasan Islam Hadhari adalah satu istilah baru yang diperkenalkan oleh kerajaan sekarang. Kerajaan tidak pernah meniru atau mengambil idea mana-mana pihak dengan keyakinan bahawa apa yang kita perkenalkan adalah sesuatu yang terbaik praktikal dan sesuai dengan ajaran Islam yang sebenar .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' ada Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasaan Yang Berhormat Ustaz Hassan bin Haji Shukri ada mencadangkan supaya ditubuhkan majlis bersama agama. Boleh saya dapat sedikit penjelasan kerana pada permulaan ada mencontohi ucapan Yang Berhormat Ustaz Hassan bin Haji Shukri, tetapi tidak menyentuh tentang perkara ini. Bagi saya ini adalah satu perkara yang sangat penting. Jadi, apakah pendirian kementerian. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah Ibrahim: Seperti yang saya nyatakan Yang Berhormat Senator bahawa kita menganggap bahawa saluran-saluran yang sedia ada seperti media massa dan forum itu telah mencukupi, bagaimanapun pada peringkat pusat seperti yang dinyatakan Majlis Perundangan Ulama Negara telah ditubuhkan, jadi saya kira ruang ini telah dikira cukup untuk membincangkan persoalan-persoalan agama. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Seorang lagi.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingin membangkitkan pertama sekali soal bagaimana kita hendak mewujudkan perpaduan, oleh kerana sering dibangkitkan ketegangan antara agama, maka saya mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa antara agama ataupun intelektual antara agama. Itu yang barangkali diminta oleh Yang Berhormat sahabat saya. Tetapi jawapannya sama, itu untuk orang Islam kita tidak menafikan tetapi antara agama ini, itu yang saya maksudkan, apa pandangan pihak Jabatan Perdana Menteri dalam cadangan yang saya kemukakan itu dan diperkukuhkan oleh sahabat sebelah saya ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kalau berbincang tentang antara agama atau *intra-religious*, dengan izin

perkara ini telah diambil kira oleh pihak IKIM dan telah pun dijalankan satu seminar pada awal bulan yang lalu. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Dr. Mashitah Ibrahim: Istilah Islam Hadhari juga diperkenalkan bagi menunjukkan wawasan dan pandangan jauh pihak kerajaan untuk membangunkan ummah serta sesuai dengan cabaran-cabaran semasa yang bersifat global. Dakwaan kerajaan tidak ikhlas melaksanakan gagasan Islam Hadhari adalah satu provokasi. Sebenarnya gagasan Islam Hadhari menunjukkan pihak kerajaan melaksanakan Islam secara terancang, telus dan bersifat pandang ke hadapan. Keikhlasan hanya akan dapat dinilai dari segi kesungguhan semua pihak bagi menjayakan gagasan ini tanpa sebarang prasangka yang negatif. Dalam gagasan Islam Hadhari masyarakat akan dididik supaya memahami Islam secara menyeluruh meliputi aspek fardu ain dan fardu kifayah. Melalui pemahaman Islam yang jitu dengan sendirinya masyarakat akan menolak sebarang amalan dan budaya negatif serta bertentangan dengan nilai yang dipegangnya.

Yang Berhormat Puan Halimah binti Hamzah pula mencadangkan ..

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat di atas dasar kerajaan ingin mendidik rakyat ke arah kefahaman Islam yang sebenar. Sedarkah pihak kementerian bagaimana dalam negara kita ini iaitu konsert-konsert yang berunsur budaya kuning, contohnya iaitu konsert *Sarah Brightman* yang akan diadakan pada 20 Jun 2004 pada pukul 8.00 malam, yang akan diadakan di Stadium Negara kita telah mendapat kelulusan oleh pihak kerajaan.

Adakah kerajaan sedar bahawa perkara ini adalah terang-terang bercanggah dengan budaya kita dan apa lagi dalam mendidik masyarakat kita ke arah akhlak yang baik, sebab dalam konsep itu saya bawa keratan akhbar yang menjelaskan kepada pihak kementerian bagaimana rupa dan tingkah laku program yang akan dilaksanakan dan program ini telah dilaksanakan di Beijing dan mendapat sambutan hebat di luar negara. Artis ini mengharapkan sambutan yang hebat akan berlaku dalam negara kita juga dan tiket-tiket sedang dijual, dan perkara ini sedang diiklankan dengan meluas dalam televisyen dan surat khabar, dan kita mendapat tahu di antara perkara yang hendak dibawanya ialah satu promosi lagu yang bertajuk 'harem'.

Saya bertanya ini sebab perkara ini adalah melibatkan belia dan juga masyarakat Islam. Kalau pihak kementerian mengatakan program ini kerana masyarakat majmuk, adakah kerajaan boleh memastikan bahawa belia-belia yang Islam tidak terlibat dalam program ini. Sebab yang kita tahu program yang dianjurkan sama ada konsert peringkat artis tempatan ataupun luar negara yang paling ramai terlibat adalah belia-belia Melayu Islam, di mana pendidikannya di sini. Apabila kita rujuk dalam kamus *Oxford* makna 'harem' yang akan dibawa masuk ke dalam negara kita itu bermaksud iaitu satu bahagian bilik yang terpisah dalam rumah orang Islam yang menjadi tempat kediaman wanita Islam.

Ini merupakan suatu rancangan halus Yahudi untuk merasuk dalam pemikiran umat Islam supaya lalai daripada Islam. Jadi, adakah kerajaan sedar tentang perkara ini dan apa pendirian pihak Yang Berhormat sebagai orang yang mempunyai kelebihan pengetahuan dalam agama meluluskan program begini untuk dihidangkan kepada rakyat dan belia dan remaja dalam negara kita. Inikah konsep Islam Hadhari yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat kita perlu maklum bahawa Islam Hadhari yang diperkenalkan kerajaan ini adalah sesuai untuk rakyat Islam dan bukan Islam. Mengambil kira adanya rakyat bukan Islam dalam masyarakat kita, konsert-konsert ini tidak semestinya dihadiri oleh orang-orang Islam. Jadi, dalam hal ini Yang Berhormat tepuk dada tanya selera.

Masalah kita hendak memastikan sama ada semua belia tidak terlibat, ini adalah di luar kawalan, apa yang penting kita cuba memberikan kawalan dalaman, apabila belia-belia ini diberikan satu kawalan daripada dalaman diri mereka yang cuba diterapkan melalui konsep Islam Hadhari ini, kita mengharapkan mereka akan dapat mengawal disiplin itu secara dalaman, tetapi bukan dengan cara untuk menghalang konsert ini kerana dalam masyarakat kita sendiri seperti yang disebutkan adalah terdiri daripada masyarakat majmuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi soalan? Saya benarkan satu lagi Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof: Minta penjelasan, tidak jelas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya keliru dengan penjelasan Yang Berhormat. Jadi, kalau kawalan dalaman sahaja Yang Berhormat kata untuk menyekat belia kita jangan terlibat dengan perkara semacam ini, apa tanggungjawab pemerintah yang

tanggungjawabnya menyekat rakyat dan tanggungjawabnya menyelamatkan rakyat bukan sahaja dari segi pembangunan duniawi, tetapi menyelamatkan rakyat daripada api neraka di akhirat. Di mana kedudukan hukum Allah dalam soal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mashitah Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Siti Zailah. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi. Kawalan dalaman adalah satu keperluan tetapi tanggungjawab untuk menyelamatkan rakyat daripada api neraka yang itu tanggungjawab diri sendiri dan apa yang dapat kerajaan buat macam yang kita sebutkan pada peringkat awal dan akan saya tegas dan ulang semula adalah apa yang kita jelaskan di sini, kita perlu mengambil kira bahawa masyarakat kita ini bukan masyarakat terdiri daripada orang Islam dan Islam Hadhari ini adalah ditujukan dan sesuai untuk masyarakat Islam dan bukan Islam.

Jadi, untuk menghalang secara langsung saya rasa kita perlu fikirkan juga keperluan kepada masyarakat yang lain. Saya sambung lagi Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat penerangan tentang Islam Hadhari yang menjadi tunggak kepada pentadbiran kerajaan akan dilakukan kepada segenap lapisan masyarakat yang beragama Islam atau bukan beragama Islam. Penjelasan ini sedang dan akan dilaksanakan melalui program-program yang telah dirancang melalui seminar, bengkel, diskusi, wacana dan juga melalui media massa dan sebagainya. Penerapan kesedaran kepada masyarakat dilakukan berdasarkan gagasan Islam Hadhari adalah untuk merealisasikan ajaran Islam yang memfokuskan kepada peningkatan mutu kehidupan umat Islam dan membawa mereka hidup secara jumud, tidak bertamadun, tidak produktif, mundur dan ketinggalan kepada suatu bangsa yang berperadaban, maju dan progresif serta mendapat keredaan Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga menyarankan supaya pengajian bahasa Arab dan Al-Quran dipertingkatkan, khususnya di kalangan generasi muda. Sukacita dimaklumkan bahawa sejak tahun 1990 lagi kerajaan telah memperkenalkan program celik Al-Quran dalam fardu ain yang dikenali sebagai kelas KAFA kepada kanak-kanak Islam yang berumur tujuh hingga dua belas tahun. Program ini diadakan di sekolah rendah kerajaan, masjid dan di surau seluruh negara. Pelajar yang mengikuti kelas KAFA ini bertambah dari tahun ke tahun. Mata pelajaran yang diajar melalui program ini ialah Al-Quran, tulisan jawi,

bahasa Arab, Amali Solat dan juga asas-asas fardu ain yang meliputi pelajaran fikah, tauhid, sirah dan lain-lain lagi.

Bagi memantapkan program berkenaan satu ujian telah diadakan untuk pelajar tahun lima. Ini bagi menentukan supaya kandungan pelajaran tersebut dapat dihayati dan diamalkan oleh semua pelajar yang mengikuti kelas KAFA ini. Kerajaan menerima baik cadangan Yang Berhormat supaya diperbanyakkan kelas KAFA. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini kelas KAFA di seluruh negara ialah sebanyak 34,447, manakala jumlah murid yang mengikutinya ialah 1,064,098. Kerajaan akan menambah bilangan kelas-kelas berkenaan jika ada permintaan mengikut keperluan. Antara objektif program KAFA adalah mewujudkan satu sistem kelas pengajian Al-Quran dan fardu ain yang kemas, seragam dan bersepadu di seluruh negara. Untuk memastikan semua kanak-kanak di negara ini yang berumur enam hingga dua belas tahun dapat membaca Al-Quran dengan baik, betul dan dapat mempelajari serta mengamalkan perkara-perkara yang menjadi fardu kepada seorang Islam, dan untuk memperkukuhkan asas pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah kebangsaan bagi memastikan murid-murid sekolah tersebut mencapai tahap yang tinggi dalam pendidikan dan pengetahuan agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof supaya digalakkan kesedaran di kalangan masyarakat Islam untuk berkahwin adalah satu cadangan yang baik. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri pada masa ini telah melaksanakan beberapa program bagi meningkatkan kesedaran orang-orang Islam untuk berumah tangga. Antara program berkenaan ialah mengadakan kursus praperkahwinan kepada bakal-bakal pengantin yang hendak berkahwin termasuk mereka yang belum lagi merancang untuk mendirikan rumah tangga dalam waktu yang terdekat. Selain itu program kesedaran juga dilaksanakan melalui rancangan di televisyen, radio, risalah dan sebagainya.

Mengenai peranan ulama dan pendakwah turun padang bagi mencegah kemungkaran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah dan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar itu sebenarnya telah lama dilaksanakan oleh para pendakwah melalui ceramah, forum-forum, syarahan, tazkirah dan sebagainya. Di samping pegawai agama yang bertugas di bahagian penguatkuasa di jabatan-jabatan Agama Islam Negeri. Peranan tersebut akan dipertingkatkan dengan program-

program baru atau pendekatan baru yang telah dirancang seperti program penerapan nilai-nilai Islam dan projek turun padang bagi mufti dan ulama-ulama untuk menangani penyakit HIV dan AIDS.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar juga menyarankan supaya diambil pendekatan baru bagi membimbing golongan remaja bagi menghindarkan mereka terjebak dalam gejala sosial. Sesungguhnya kerajaan amat peka dengan penglibatan remaja di dalam gejala sosial dewasa ini, oleh itu dalam usaha menangani gejala sosial ini, kerajaan telah mengambil pendekatan baru dengan mewujudkan pusat pembangunan keluarga Islam dan pembangunan sosial di negeri-negeri melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Pusat ini menjalankan aktiviti seperti memberi kaunseling, bimbingan mengikut modul yang telah disediakan termasuklah modul pembangunan remaja dan pengukuhan akidah. Manakala dalam melahirkan remaja yang mahir dalam agama, kerajaan telah mengambil langkah dalam menyiarkan rancangan KAFA di RTM, TV1 pada pukul 6.30 petang setiap Isnin. Rancangan ini mula disiarkan pada tahun 2002 dan berakhir pada tahun 2003.

Di samping itu kerajaan telah menyiarkan Rancangan Furqan di RTM, TV1 iaitu rancangan yang mengajar lagu dan tajwid pada setiap Khamis pukul 6.30 pagi. Selain itu kursus membaca Al-Quran juga diadakan di radio pada setiap Khamis jam 6.15 petang hingga 7.00 malam. Melalui rancangan ini pemanggil akan membaca Al-Quran melalui telefon dan akan diperbetulkan oleh pakar yang hadir di studio.

Cadangan Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainuddin supaya kita mengambil peluang sebagai *Halal Food Hub* yang terbesar di rantau ini adalah dialu-alukan. Sebenarnya kerajaan...

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya kira banyak persoalan saya dalam perbahasan saya masih belum dijawab oleh Yang Berhormat pihak Jabatan Perdana Menteri. Jadi minta beri penjelasan terutama dalam persoalan saya apa pendirian kerajaan supaya isteri-isteri pemimpin menjadi *role model* dan apa hukum pada pandangan Yang Berhormat tentang masalah menutup aurat? Jadi saya rasa tidak ada disentuh dari jawapan Yang Berhormat, minta penjelasan.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah, saya kira persoalan menutup aurat itu telah jelas hukumnya cuma ia adalah satu perkara yang melibatkan soal individu dan kita melihat Islam Hadhari ini dalam soal yang *total* ataupun pembangunan bukan dari satu aspek sahaja.

Inilah yang ingin diperbetulkan dalam Islam Hadhari. Adanya pihak yang melihat Islam hanya dari satu aspek sahaja sehingga mengabaikan aspek-aspek yang lain. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

Halal Food Hub sebenarnya kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif bagi menjadikan Malaysia sebagai *hub* pengeluaran produk halal serantau melalui penubuhan jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mempertingkatkan keupayaan negara dalam aktiviti-aktiviti halal yang merangkumi aspek pensijilan, penyelarasan dan pendaftaran logo, pembangunan *standard*, perundangan dan promosi pembentukan *Halal Food Hub* di peringkat negeri dan di seluruh negara untuk meningkatkan pengeluaran produk halal bagi tujuan eksport. Dari segi pensijilan halal Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM telah memberikan kerjasama penuh bagi membantu penubuhan *Halal Food Hub* berkenaan khususnya di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh ...

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan ya, minta sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, habiskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat banyak lagi membuat penggulungan sebab itu saya tunggu Yang Berhormat. Jadi saya ingin bertanya pihak Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat menutup ucapan. Kalau dalam usaha kita melaksanakan Islam, dalam Islam wanita ini dikahwini kerana empat perkara, kerana cantiknya, kerana hartanya, kerana keturunannya dan kerana agamanya. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat dalam soal pemilihan pemimpin dalam konsep Islam Hadhari yang akan dilaksanakan dalam negara kita, seorang pemimpin itu selayaknya dipilih ini kerana apa? Kerana kebolehannya? Kerana kekayaannya? Kerana pengaruhnya? Atau kerana kecantikannya? Sebab ada pemimpin dalam negara kita yang mendakwa

dirinya dipilih kerana cantik, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat tentang perkara ini supaya tidak mengelirukan rakyat, terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak menerima laporan lagi adanya pemimpin-pemimpin di pihak kerajaan di pilih kerana cantik. Semua pemimpin-pemimpin kerajaan di pilih kerana kebolehan mereka masing-masing. *[Tepuk]* Kalau ada yang cantik.....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: saya hendak habiskan dahulu Yang Berhormat, kalau ada yang cantik, saya minta maaf itu *added value* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. *[Sambil memandang ke arah Puan Siti Zailah]* Sila duduk. Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat wakil dari Jabatan Perdana Menteri seorang lagi untuk menjawab.

12.56 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Diraja menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan penuh dan perhatian serius untuk membanteras gejala rasuah semasa perbahasan Titah Diraja ini. Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam menyarankan supaya hukuman yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang terlibat rasuah. Ditegaskan bahawa kerajaan telah dan akan mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam usaha membanteras gejala rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pencegah Rasuah 1997, Akta 575 yang berkuat kuasa mulai 8 Januari 1997 memberi penekanan kepada aspek penghukuman berbanding dengan akta yang terdahulu. Akta baru ini telah memansuhkan Akta Pencegah Rasuah 1961 iaitu Akta 57 untuk memerangi gejala rasuah dengan

berkesan. Antara pindaan yang ketara ialah peruntukan hukuman yang lebih berat. Akta yang terdahulu memperuntukkan hukuman yang dikenakan kepada pesalah rasuah adalah sekadar hukuman tidak melebihi 5 tahun penjara atau denda RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Akta Pencegah Rasuah 1997 telah memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dari 15 hari dan tidak lebih daripada 20 tahun dan denda tidak kurang dari 5 kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 juga memperuntukkan bahawa harta yang diperolehi dari punca aktiviti haram termasuk kesalahan rasuah boleh dilucuthak. Peruntukan undang-undang dan hukuman yang berat boleh mewujudkan elemen deterrent tetapi ini tidak memadai. Apa yang lebih penting ialah penekanan kepada elemen kawalan dan usaha-usaha pencegahan.

Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin mencadangkan agar tidak dihebahkan kepada umum mengenai penyiasatan awal ke atas mereka yang hidup mewah dan dituduh terlibat dengan amalan rasuah. Kerajaan sedar akan perkara tersebut dan oleh kerana itu sesuatu aduan.....

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta maaf ganggu sedikit ini tentang hukuman untuk kesalahan-kesalahan dadah. Kita baca di surat khabar bahawa di negeri Vietnam dan di negeri Cina juga jika perbuatan rasuah itu begitu besar khasnya melibatkan pegawai-pegawai tinggi atau orang-orang korporat tinggi, hukumannya ialah hukuman mati. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat, cadangan sebegini pada pandangan saya sebagai hukuman mati ataupun *capital punishment* ini adalah satu perkara yang kita perlu bincang dengan secara dalam kerana pada masa ini dari pihak-pihak yang tertentu ataupun daripada pihak-pihak NGO, kita dapati hukuman-hukuman yang diperuntukkan oleh negara-negara demokratik, di mana hukuman mati untuk kesalahan membunuh juga sekarang ini dipertikaikan kerana ada pihak-pihak di mana kita ada dua *school of thought*, satu tidak setuju dengan *capital punishment*, satu lagi setuju dengan *capital punishment*.

Dalam perkara rasuah ini kalau kita ada *capital punishment*, adalah saya faham negara-negara macam Hong Kong dan juga Singapura tetapi di Malaysia ini kita ada satu tahap di mana kita perlu bincang perkara ini, perlukah kita boleh pinda mana-mana akta untuk memberi satu hukuman *capital punishment*. Mungkin juga ada pihak-pihak di Malaysia juga tidak akan bersetuju dengan cadangan ini. Kalau ada cadangan ini Yang Berhormat bolehlah beri dengan cara bertulis di mana kita boleh kaji bolehkah cadangan ini boleh diterima. Nanti kalau boleh terima pun kita nampak bolehlah keadaan sekarang ini rasuah di mana kita dapati Kerajaan Barisan Nasional yang baru inipun akan menekankan banyak perkara tentang rasuah ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri panjang lagi?

Datuk M. Kayveas: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: kalau panjang

Datuk M. Kayveas: Mungkin 20 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau panjang saya tangguhkan Dewan kita dahulu. Yang Berhormat boleh sambung semula pada jam 2.30 petang.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat untuk meneruskan ucapan.

2.32 ptg.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sedar akan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin. Oleh kerana itu, sesuatu aduan yang tidak boleh diedarkan kepada orang ramai sebagaimana peruntukan seksyen 21(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997, yang telah dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998, yang mana dinyatakan, "*Sesuatu aduan yang dibuat di bawah seksyen 21(1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Badan dan*

pendakwa raya, sehinggalah orang tertuduh dibicarakan di mahkamah, atas kesalahan di bawah akta ini, atau mana-mana undang-undang bertulis lain, berbangkit daripada aduan itu.” Peruntukan tersebut jelas melarang sebarang pindaan terhadap aduan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada orang, selain daripada pegawai-pegawai Badan dan pendakwa raya.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng mencadangkan supaya laporan Institusi Integriti Nasional dikemukakan kepada Parlimen. Pihak Institusi Integriti Malaysia, mengambil maklum cadangan baik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Buat masa ini, Institut Integriti Malaysia, masih sedang dalam pengisian jawatan-jawatan utama yang telah dipersetujui oleh pihak kerajaan dan belum lagi berfungsi sepenuhnya. Cadangan Yang Berhormat akan diberi perhatian sebaik sahaja Institut Integriti Malaysia dapat berfungsi dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pilihan raya juga menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa perbahasan ini. kerajaan amat menghargai kesefahaman dan keyakinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kewibawaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Shukri dan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar menyeru supaya SPR memperbaiki perjalanan pilihan raya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, SPR sedang meneliti kelemahan-kelemahan yang berlaku semasa Pilihan Raya Umum ke-11. Beberapa aspek penting berhubung kelemahan tersebut sedang diteliti untuk membolehkan SPR mengenal pasti masalah yang menjadi punca berlakunya kelemahan tersebut.

Sehubungan ini, SPR telah menubuhkan beberapa jawatankuasa khas bagi mengkaji undang-undang dan peraturan yang telah diguna pakai dan perlu dipinda bagi menyesuaikan dengan keadaan masa kini, ke arah memberi keselesaan kepada orang ramai semasa pilihan raya serta bagi menjamin pemilik yang berdaftar tidak terkeluar dari senarai yang telah disahkan untuk pilihan raya.

Berhubung dengan petisyen pilihan raya, perkara tersebut adalah satu fenomena biasa yang berlaku setiap kali selepas pilihan raya yang dibuat oleh mereka yang tidak berpuas hati dan mencari alasan untuk tidak menerima kekalahan dalam pilihan raya. Bagi kumpulan yang tidak berpuas hati, mereka boleh mengambil tindakan melalui petisyen di mahkamah dan pihak mahkamah akan memutuskan perkara tersebut.

Mengenai tempoh kempen pilihan raya, SPR berpendapat tempoh sedia ada adalah mencukupi dalam situasi di negara ini. Ini adalah disebabkan parti-parti politik telah pun mengadakan kempen sepanjang masa sebelum pilihan raya diadakan. Rakyat juga merupakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh melalui persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rakyat juga merupakan kumpulan pemilih yang sedar dan berpengetahuan tentang pilihan parti yang akan dipilih. Jika tempoh kempen yang lama diadakan, ia akan meningkatkan ketegangan di kalangan rakyat dan boleh mengancam ketenteraman awam.

Berhubung dengan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh, mengenai daftar pemilih yang mengandungi nama pengundi lebih daripada satu saluran, perkara ini adalah tidak benar. Ini adalah berdasarkan kepada sistem komputer yang digunakan di dalam penyediaan daftar pemilih boleh mengesan nombor kad pengenalan yang berganda.

Mengenai kertas undi yang dicatat nombor siri, ianya dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan kertas undi yang berkenaan tidak dipalsukan dan bagi tujuan keperluan di mahkamah, jika sesuatu petisyen itu membabitkan identiti atau kelayakan seseorang pemilih. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua kertas undi akan disimpan selama enam bulan selepas pilihan raya, semata-mata untuk keperluan semakan atas arahan mahkamah sekiranya diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar juga membangkitkan isu sejumlah 67,000 kertas undi pos telah hilang. Sukacita dimaklumkan bahawa kertas undi tersebut tidak hilang, tetapi kertas undi berkenaan telah tidak kembali balik ke pejabat pegawai pengurus seperti yang sepatutnya. Selepas semakan dibuat, antara punca yang menyebabkan kertas undi pos berkenaan tidak dikembalikan ialah kerana anggota-anggota polis atau tentera yang telah bersara tidak mendaftar sebagai pemilih biasa dan mereka tidak menerima kertas undi yang dihantar oleh sebab mereka tidak mengemaskinikan alamat di dalam daftar.

Mengenai cadangan supaya SPR diletakkan di bawah Parlimen, kerajaan berpendapat sistem pentadbiran yang ada sekarang adalah baik dan berkesan bagi negara ini. Manakala mengenai kenyataan Pengerusi SPR dibuat melalui siaran

televisyen, ianya merupakan perkara biasa dan hak beliau dalam menjalankan fungsinya sebagai Pengerusi SPR.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh juga mencadangkan supaya pihak pengurusan FELDA menyusun semula strategi dan program bagi menarik minat generasi muda FELDA menetap dan terus tinggal di FELDA. Sesungguhnya, kerajaan menyedari masalah ini dan sebagai usaha menarik minat generasi FELDA menetap di tanah rancangan, FELDA telah pun melaksanakan beberapa langkah. Antaranya:

- (i) membina perumahan kos rendah di tanah rancangan bagi mengatasi keperluan kediaman dan membolehkan generasi FELDA menetap di tanah rancangan. Sebagai permulaannya, FELDA telah pun membina sebanyak 447 unit rumah di Bukit Goh Pahang dan dalam tahun 2004 sebanyak 2,992 unit dirancang dibina di sebelas sebuah tanah rancangan di Pahang, di Johor, Negeri Sembilan dan juga Melaka;
- (ii) sebuah pusat latihan di Trolak, Perak disediakan untuk melatih generasi FELDA. Melalui kursus yang ditawarkan ini, generasi FELDA diberi latihan dan kemahiran dalam bidang tertentu sebagai persiapan mereka membuka perniagaan di tanah rancangan. Di antara kursus yang ditawarkan ialah kursus memperbaiki kenderaan, komputer, jahitan, peruncitan, peralatan radio dan televisyen, binaan dan sebagainya. Kursus ini akan ditingkatkan dan dipelbagaikan bagi memenuhi keperluan semasa dan pembangunan FELDA masa kini. Ini, termasuklah pengurusan ladang secara komersial yang dijangka dapat memberi pulangan lebih tinggi kepada peneroka. Dalam tahun 2004, sejumlah RM9.5 juta telah pun disediakan untuk melatih generasi FELDA;
- (iii) mulai tahun 2003, FELDA telah pun memulakan projek FELDA Jaya di tiga buah lokasi iaitu di Trolak, Perak; Mempaga, Pahang; dan Raja Alias di Negeri Sembilan. FELDA Jaya merupakan program membandarkan tanah rancangan FELDA dan menyediakan pembangunan industri. FELDA Jaya

mengandungi projek kediaman pelbagai jenis pusat perniagaan, rekreasi, pusat pendidikan, pusat IT dan sebagainya. FELDA Jaya dijangka memberi peluang kepada generasi FELDA menceburi dalam bidang perniagaan dan peluang pekerjaan kepada warga setempat; dan

- (iv) mulai tahun 2003, FELDA telah memulakan perancangan membina empat buah kolej komuniti di negeri Pahang, Johor, Terengganu dan juga di Sabah. Kolej-kolej komuniti ini bertujuan memberi peluang latihan kedua kepada generasi peneroka yang gagal melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dan sebagai salah satu usaha membantu ibu bapa mereka memajukan tanah rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan penambahbaikan dan peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam, telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membuat beberapa cadangan bagi mengurangkan karenah birokrasi dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Sesungguhnya, kerajaan sentiasa berusaha untuk menentukan kakitangan kaunter berefisien, bertanggungjawab dan berjiwa rakyat.

Antara usaha-usaha yang dijalankan ialah dengan mengeluarkan surat arahan dan garis panduan ke arah meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan urusan perkhidmatan kaunter. Di samping itu, program latihan secara berterusan turut dijalankan, termasuk kursus bahasa bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran supaya perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan kaunter adalah cekap, berkesan dan berkualiti, serta memupuk nilai-nilai murni dan etika kerja positif.

Selaras dengan usaha-usaha ini, kerajaan mengalu-alukan cadangan supaya kakitangan berbilang kaum.....[Disampuk]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk M. Kayveas: Sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi laluan kepada saya. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh saya, tetapi dua perkara, yang bagi saya begitu penting tetapi tidak

disentuh ialah yang pertama, saya telah mencadangkan supaya satu kumpulan khas diberi latihan untuk menjadi pihak yang menguruskan servis di kaunter, iaitu satu kumpulan khas.

Yang kedua, saya telah mencadangkan juga, bahawa kita kena melantik pegawai daripada semua bangsa, supaya senang memberi perkhidmatan kepada mereka yang masih tidak begitu fasih di dalam bahasa Malaysia. Jadi, apakah pendapat Jabatan Perdana Menteri tentang kedua-dua perkara ini? Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Kumpulan khas yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, kita tidak pasti apa maksud Yang Berhormat kumpulan khas untuk servis dekat kaunter, tetapi latihan yang sedang diberi sekarang ini dan tumpuan yang kita beri pada masa ini *effectiveness*, dengan izin yang kita meletakkan kepada semua orang di kaunter adalah mencukupi, tetapi cadangan untuk kumpulan khas kalau kita boleh dapat maklumat hanya satu *suggestion* sahaja di mana kumpulan khas, kita tidak tahulah macam mana cara dan ciri kumpulan khas itu.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jelaskan sedikit tentang ini? Dalam perkhidmatan kita ada kumpulan katakan kerani dan mereka yang dalam kumpulan kerani itu [*Disampuk oleh Tuan Yang di-Pertua*] dia boleh ditukar dari satu jabatan ke jabatan lain dan mereka telah mempunyai kemahiran dalam urusan pejabat. Jadi kalau kita ada satu kumpulan macam itu yang ada kepakaran dalam urusan dan hubungan dengan orang ramai, pelanggan-pelanggan yang datang kerana ada suatu masalah dan sebagainya supaya mereka ini betul-betul memahami dasar kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dengan izin, *counter services*.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, supaya kita dapat memperbaiki *counter services* dan kumpulan ini harus fasih dengan dasar-dasar kerajaan supaya tahu apakah hasrat kerajaan bagaimana kita dapat menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat, ini yang dimaksudkan oleh saya. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat pada setakat ini, yang kita ada ini, kalau kita ada masalah hadapan kaunter, kita boleh berjumpa dengan mana-mana pegawai kanan untuk meminta penjelasan. Bukan kita tidak bersetuju, setakat ini kita perlu fikir perlukah satu kumpulan khas selain daripada yang kita ada *counter service*, kita sudah ada pegawai-pegawai kanan dan juga kita ada beberapa latihan yang kita beri. Selain daripada itu, kita perlukan satu kumpulan khas

tetapi kalau Yang Berhormat boleh beri satu cadangan, satu *project paper* ataupun mana-mana cara melalui *paper* atau *opinion*, mungkin kita boleh kaji perkara itu.

Berkaitan dengan melantik *staff* dengan semua bangsa ini, saya ingat saya belum menjawab lagi tetapi saya harap ada dalam jawapan ini. Kalau tidak kita cuba beri peluang kepada semua rakyat Malaysia, tetapi sekarang ini kita dapati kaum-kaum lain seperti kaum Cina dan kaum India juga, mereka tidak berminat untuk bekerja dengan kerajaan. Apabila peluang diberi, *interview* pun mereka tidak hendak datang dan juga kita ambil contoh yang bekerja sebagai majistret. Gaji yang kita beri sebagai seorang majistret itu tidak begitu banyak tetapi kerja sebagai seorang peguam lebih banyak. Saya masih ingat, selepas saya menjadi peguam dalam tahun 80-an, saya juga dapat peluang menjadi majistret tetapi saya dapati gaji itu tidak begitu *attractive* dengan izin. Oleh sebab itu saya pergi *practice*.

Mungkin sekarang ini kita dapati ramai orang yang tidak berminat dalam *government service* ini kerana gaji. Selain daripada itu kita cuba, kita sudah beri peluang dan juga saya sudah baca dalam surat khabar banyak kali yang pemimpin-pemimpin di parti-parti komponen lain seperti MCA dan Gerakan dan juga MIC. Sudah beberapa kali pemimpin mereka ini sudah sebut untuk menggalakkan kaum-kaum lain untuk cuba bekerja di mana-mana *government service*, dengan izin. Tetapi ini diserahkan kepada rakyat, dan kepada mereka ini, mereka berminat atau tidak berminat, kita cakap sampai dengan izin, kaum sekampung pun kita tidak boleh ubah fikiran mereka.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha-usaha ini kerajaan mengalu-alukan cadangan supaya kakitangan berbilang kaum ditempatkan di kaunter agensi-agensi kerajaan terutamanya di agensi-agensi barisan hadapan. Ini akan membolehkan petugas-petugas kaunter memberi perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkesan kepada rakyat berbilang kaum yang sering berurusan dengan agensi-agensi kerajaan. Perkhidmatan awam juga mengamalkan dasar putaran kerja sebagai sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penjawat awam. Melalui dasar ini, kakitangan kaunter akan ditukarkan untuk melaksanakan tugas lain sekiranya mereka tidak menunjukkan prestasi yang baik semasa melaksanakan tugas-tugas di kaunter dan usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam merupakan salah satu agenda kerajaan pada masa ini.

Tumpuan utama diberikan kepada usaha untuk mengurangkan kerenah birokrasi. Dalam hal ini semua kementerian telah menubuhkan pasukan petugas bagi mengurangkan kerenah birokrasi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat menteri masing-masing dan tumpuan kerja pasukan petugas ini adalah terhadap usaha-usaha bagi menambah baik sistem dan prosedur kerja, mengkaji semula undang-undang dan peraturan dan memperkemaskan pelaksanaan piagam pelanggan termasuk membuat analisis terhadap borang maklum balas kepuasan pelanggan serta menentukan bekalan peralatan yang perlu bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pasukan petugas ini juga turut memantau prestasi semua jabatan dan agensi di bawah kawalan kementerian dan mengambil tindakan serta-merta jika terdapat sebarang masalah dalam sistem penyampaian perkhidmatan jabatan dan agensi-agensi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sentiasa memantau prestasi perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal-pembekal sektor swasta terutamanya pembekal-pembekal sektor swasta yang membekalkan perkhidmatan untuk tempat-tempat awam. Bagi terminal-terminal pengangkutan awam seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pihak berkuasa tempatan akan memastikan pembekal-pembekal perkhidmatan yang berkenaan misalnya dari segi kebersihan dan kemudahan tempat letak kereta awam adalah memenuhi standard yang telah ditetapkan dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Jabatan Pengangkutan Jalan juga turut memantau sistem penyampaian perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat-syarikat pengangkutan awam agar sentiasa menepati syarat-syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Puan Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan pula mencadangkan supaya diwujudkan *pantry* di ruang pejabat. Kerajaan memang menggalakkan supaya diwujudkan *pantry* di ruang pejabat. Kebanyakan jabatan kerajaan telah mewujudkan *pantry* sebagai kemudahan kepada kakitangan. Ini dapat menghindarkan kakitangan daripada berada di kantin ketika waktu pejabat dan dapat meningkatkan kualiti kerja serta meningkatkan produktiviti kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai skim perkhidmatan pegawai perubatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dimaklumkan bahawa secara perbandingan, gaji pegawai perubatan lebih tinggi daripada gaji pegawai-

pegawai skim perkhidmatan lain dalam perkhidmatan awam. Di samping itu pegawai perubatan adalah merupakan satu-satunya skim perkhidmatan di peringkat kumpulan pengurusan dan profesional dalam klasifikasi perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang memperuntukkan perbekalan lantikan terus ke gred-gred yang setaraf dengan gred kenaikan pangkat iaitu gred U43, U47, U51 dan U53 tertakluk kepada calon berkenaan memenuhi syarat yang ditetapkan. Selain daripada gaji, pegawai perubatan juga menikmati faedah elaun-elaun tertentu yang berkuat kuasa seperti bayaran insentif perkhidmatan kritikal, bayaran insentif pakar dan sebagainya dan langkah-langkah lain seperti perwujudan jawatan yang diperlukan juga dilakukan. Adalah ditegaskan, usaha penambah baik skim perkhidmatan pegawai perubatan sentiasa dilakukan berterusan.

Sehubungan itu sekiranya didapati pindaan tertentu wajar dilakukan ke atasnya atau mana-mana skim perkhidmatan lain, maka langkah selaras dengannya akan dilakukan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu mencadangkan supaya diwujudkan dasar ekonomi yang lebih tertumpu kepada perkembangan dan pembangunan masa depan masyarakat Orang Asli. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, secara umumnya lebih 80% masyarakat Orang Asli tinggal di pinggir dan di dalam hutan. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah serta Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak pernah mengabaikan pembangunan dan kemajuan masyarakat ini.

Sebagai contoh, dalam tahun 2004 kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM156.6 juta untuk meningkatkan penglibatan Orang Asli dalam arus pembangunan. Selain itu, kerajaan juga telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan keupayaan mereka menjana pendapatan seperti menyediakan kemudahan kredit mikro desa, sewa beli bot dan enjin sangkut di bawah Skim Pembinaan Bot dalam Pakej Strategi Baru serta kemudahan memiliki rumah di bawah skim Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Bagi meningkatkan lagi pembangunan masyarakat Orang Asli pada masa akan datang, khususnya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan akan terus memberikan tumpuan dalam meningkatkan lagi taraf sosio ekonomi mereka. Bidang-bidang yang akan diberikan lebih penekanan adalah seperti pendidikan, kesihatan, kemudahan infrastruktur asas, penyediaan rumah dan program yang dapat menjana

ekonomi seperti pembangunan tanah dengan tanaman komersial seperti kelapa sawit, getah dan pengeluaran makanan serta menyediakan peluang-peluang latihan kemahiran yang sesuai bagi golongan belia.

Langkah-langkah ini dijangka akan dapat memberikan kesan yang lebih ketara dalam perkembangan dan pembangunan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fungsi dan tugas sesebuah kementerian sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid, sukacita dimaklumkan bahawa maklumat lengkap setiap kementerian boleh dilayari di laman web kementerian berkenaan. Di samping itu, senarai laman web ini boleh diperolehi di laman web Malaysia Civil Service Link iaitu <http://msc.mampu.gov.my>.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar itu dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesebelas.”

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG
PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.59 ptg.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pemegang Amanah Perbadanan 1952 ataupun Akta 258 adalah undang-undang yang membolehkan mana-mana pemegang amanah yang dilantik oleh mana-mana kumpulan atau persatuan untuk didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan perbadanan. Pertubuhan pemerbadanan yang telah didaftarkan ini akan menjadi sebuah entiti perundangan yang sah. Ianya memiliki kuasa seperti mana entiti-entiti perundangan yang lain setakat mana persetujuan yang dipersetujui antara pengasas dan pemegang amanah sesuatu badan yang tertakluk kepada peraturan dan kawalan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akta ini digubal pada tahun 1952, ianya belum pernah dibuat sebarang pindaan atau penambahbaikan. Oleh itu sudah pasti terdapat kelemahan-kelemahan di dalam akta ini yang perlu diperbaiki bersesuaian dengan keperluan semasa.

Bagi memperkemaskan akta ini selaras dengan keadaan semasa dan jangkaan akan datang, peruntukan-peruntukan baru mengenai perkara-perkara berikut dimasukkan di dalam rang undang-undang ini iaitu:

- (i) mengenai kuasa Menteri untuk boleh menolak pengeluaran sijil pemerbadanan;
- (ii) mengenai perkara-perkara yang menyebabkan kehilangan kelayakan sebagai pemegang amanah;
- (iii) kuasa Menteri untuk membatalkan atau menggantung sijil pemerbadanan pertubuhan pemerbadanan yang bermasalah;

- (iv) kaedah pembubaran secara sukarela pertubuhan pemerbadanan;
- (v) kesan pembatalan atau pergantungan sijil pemerbadanan;
- (vi) mengenai perlantikan *Office Bearers* iaitu Pendaftar, Timbalan-Timbalan Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar; dan
- (vii) kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan dipinda ini akan memberi kuasa dan tanggungjawab kepada Menteri untuk mengawal selia dan memantau pertubuhan pendaftaran supaya tidak tersasar daripada objektif asal penubuhannya dan tidak melanggar undang-undang negara. Ini memperlihatkan bahawa kerajaan sentiasa bertanggungjawab mengambil berat dan prihatin menjaga kebajikan rakyat daripada sebarang bentuk penipuan atau penyelewengan atas nama amanah.

Subseksyen baru (3) dalam Seksyen 4 Akta 258 adalah untuk memperuntukkan kuasa yang lebih jelas kepada Menteri untuk menolak permohonan-permohonan yang tidak mematuhi akta dan peraturan-peraturan di bawahnya. Peruntukan yang sedia ada tidak menyebut dengan terperinci mengenai kuasa ini dan telah menimbulkan kekeliruan atau kekaburan di dalam undang-undang.

Dengan adanya peruntukan baru ini, pentadbiran ke atas undang-undang ini dapat dilakukan dengan lebih cekap dan berkesan serta teratur. Kriteria-kriteria yang bercirikan *safeguards*, dengan izin, di dalam Seksyen baru 6A pula adalah untuk memastikan pemegang-pemegang amanah yang dilantik benar-benar berwibawa. Ciri-ciri kawalan dan penapisan terhadap pemegang-pemegang amanah akan dapat dilaksanakan secara yang lebih teratur dan berkesan.

Tindakan ini membantu kerajaan menjaga kepentingan awam dengan menghalang individu yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan pertubuhan pemerbadanan untuk aktiviti-aktiviti haram.

Kuasa kepada Menteri untuk membatalkan atau menggantung sijil pemerbadanan pertubuhan perbadanan seperti di dalam Seksyen baru 17 adalah sesuatu yang perlu. Ini membolehkan Menteri mengambil tindakan terhadap pertubuhan perbadanan yang bermasalah dengan berkesan dan cekap. Ia juga dapat menghalang sebarang penyalahgunaan sijil pemerbadanan seperti penipuan.

Pada masa ini ketiadaan peruntukan untuk pembubaran secara sukarela telah menimbulkan kesulitan kepada pemegang amanah membubarkan pertubuhan

perbadanan secara sukarela. Melalui Seksyen baru 18(1), panduan yang telah jelas diadakan bagi mengatasi masalah berkenaan. Ia juga memudah, mempercepatkan serta menjimatkan kos pertubuhan perbadanan berkenaan.

Harta-harta pertubuhan perbadanan yang dibubar atau ditamatkan seharusnya diuruskan secara baik dan teratur. Sehubungan itu kerajaan mengenal pasti Amanah Raya Berhad (ARB) sebagai agensi amanah yang sesuai dan mampu diberikan tanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ke atas akta ini dibuat dengan luhur serta menunjukkan keprihatinan kerajaan di dalam memelihara rakyat daripada sebarang bentuk penipuan atas nama amanah.

Dengan yang demikian saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.06 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan 2004 kepada Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. Memang saya mengalu-alukan banyak daripada cadangan-cadangan yang dibuat dalam pindaan-pindaan ini dan saya ingin memberi komen saya kepada beberapa bahagian yang telah dicadangkan supaya dipinda dan juga beberapa seksyen baru yang telah dicadangkan untuk pindaan ini.

Pada keseluruhannya saya dapati bahawa tujuan untuk menentukan satu keadaan yang lebih cekap, lebih beramanah dan juga memberikan lebih keyakinan kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan pemegang amanah ini adalah sangat baik dan sungguh pun demikian, saya dapati masih ada ruang untuk memperbaiki beberapa keadaan.

Seperti contoh, saya menyentuh tentang subseksyen 5(2) yang akan mencadangkan pemendekan tempoh untuk mengemukakan penyata kepada Menteri oleh pemegang amanah. Apa yang dicadangkan ialah dari masalah lima tahun yang

sedia ada kepada satu tahun. Ini bermakna tiap-tiap satu tahun pihak ini kena mengemukakan penyata kepada Menteri dan masa untuk berbuat demikian juga ditetapkan.

Pada pendapat saya ini adalah satu cadangan yang baik oleh kerana dari segi pemantauan, Menteri dapat mengetahui dengan lebih mendalam keadaan setiap tahun dan bukan lima tahun sekali kerana lima tahun sekali pada pendapat saya tidak mencukupi dan kalau tidak diawasi dengan baik, mungkin penyelewengan-penyelewengan yang tidak diingini itu berlaku. Bila kita sebutkan pemegang

Tuan Yang di-Pertua: Apakah jenis penyelewengan yang mungkin berlaku, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, kita ada akta ini untuk menjaga kepentingan dan kerajaan dan saya juga setuju bahawa ada kemungkinan banyak penyelewengan boleh berlaku kerana bila kita menggunakan sesuatu perkhidmatan, sesuatu pihak pemegang amanah maka kita telah harapkan bahawa kerajaan telah ada kawalan-kawalan yang rapat supaya penyelewengan itu tidak berlaku.

Apabila pihak ini tidak dikawal selia dengan teliti maka penyelewengan ada ruang sungguhpun mungkin dalam keadaan sekarang perkara itu tidak begitu serius. Tetapi memandangkan kerajaan sudah ada cadangan untuk meminda akta ini supaya dapat dikawal dengan lebih teliti bermakna kerajaan juga bimbang tentang penyelewengan-penyelewengan itu. Dari pengalaman mereka mungkin kita tanya Amanah Raya Berhad mungkin mereka boleh ada contoh-contoh yang dapat ditunjukkan kepada kami.

Setahu saya dalam beberapa bulan kebelakangan ini ada juga banyak kes-kes pecah amanah telah dibawa ke mahkamah oleh BPR dan oleh pihak-pihak polis dan sebagainya dan ini menunjukkan bahawa kalau perkara ini tidak diawasi dengan baik maka penyelewengan itu memang boleh berlaku. Saya tidak ada contoh-contoh khas tetapi saya berkongsi keraguan saya juga dan saya setuju bahawa tindakan semacam ini diperlukan untuk mengelak daripada sebarang kejadian yang tidak diingini. Lebih baik kita mencegah daripada mengambil tindakan selepas sesuatu itu berlaku. Bila sesuatu itu sudah berlaku baru kita ambil tahu atau kita ambil tindakan tegas maka sangat susah bagi kita menyelesaikan perkara ini.

Setahu saya, beberapa kes yang dibawa ke mahkamah kerana pecah amanah ini sehingga sekarang belum lagi dibicarakan dan masih di peringkat awal dan rakyat sedang menunggu-nunggu untuk satu penyelesaian yang munasabah dan kalau kita tidak mengambil tindakan yang tegas maka keyakinan terhadap kerajaan mungkin sudah kian lama kian sedikit dikurangkan dan sampai pilihan raya yang akan datang mungkin kerajaan tidak boleh dapat mandat yang begitu cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya lihat di depan kita ialah masalah pemindaan satu undang-undang. Undang-undang ini telah dibuat lebih 50 tahun dahulu iaitu tahun 1952 dan dalam masa 52 tahun tersebut, kerajaan yang memerintah hari ini memikirkan wajar undang-undang ini dipinda. Sudah tentu kerajaan *respond* kepada sesuatu perkembangan dalam masyarakat ataupun kerajaan hanya mengandaikan akan berlaku maka lebih baik kerajaan selaku pemerintah bersedia. Di mana situasi yang lebih tepat di sini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu memang betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga sependapat dengan tindakan kerajaan kerana apabila akta ini diguna pakai pada tahun 1952 sekarang kita sudah sampai ke suatu tahap yang baru dan masa sekarang kita juga ada satu kesalahan yang baru iaitu menggunakan media elektronik dan kita kena menyesuaikan undang-undang yang sedia ada supaya kita mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap perkara-perkara semacam ini dan juga kerajaan yang baru dipilih pada bulan Mac itu telah berjanji supaya kerajaan memberi satu perhatian yang cukup serius kepada perkara-perkara pecah amanah. Kerajaan telah bersetuju bahawa mereka tidak akan melindungi sesiapa termasuk menteri-menteri dan sebagainya kalau ada apa perkara yang telah berlaku dan didapati telah dituduh pecah amanah atau melakukan perbuatan-perbuatan lain yang tidak diingini. Oleh sebab itu, maka adalah sesuai supaya kita selaraskan semua perkara ini. Jadi dalam subseksyen 5(2) itu daripada memberi penyata tiap-tiap lima tahun kepada satu tahun, pada saya, amat tepat dan harus dikuatkuasakan. Pindaan ini juga mencadangkan satu seksyen baru 6A iaitu satu peruntukan bagi mengadakan kehilangan kelayakan seseorang atau sesuatu badan untuk menjadi pemegang amanah. Dan ada disebutkan di sini bahawa kalau pihak itu disabitkan salah untuk sesuatu kesalahan, dan didenda tidak kurang daripada RM1,000 atau dipenjarakan tidak kurang daripada satu tahun atau keduanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya mengalu-alukan seksyen baru 6A ini, saya tidak setuju dengan peruntukan yang dicadangkan. Kalau sesuatu pihak itu didapati bersabit salah, itu sudah mencukupi sebabnya untuk tidak membenarkan pihak itu menjadi pemegang amanah. Kenapa kita mahu tetapkan amaun ini dan juga penjara dan sebagainya. Bagi saya apa yang penting ialah satu pihak ini diharapkan untuk menjaga kepentingan mereka yang diberi keyakinan kepada mereka. Kalau mereka tidak mempunyai satu kelakuan yang baik, bagaimana dia boleh menjaga kepentingan mereka yang telah memberi amanah kepada pihak ini? Bagi saya, apabila salah sahaja, maka sudah hilang kelayakannya.

Kita tidak kira berapa banyak didenda, berapa lama dipenjarakan, sebaik sahaja satu pihak ini telah melakukan kesalahan, maka seharusnya kelayakan untuk menjadi seorang pemegang amanah hilang kerana untuk menjadi pemegang amanah, dia mesti menunjukkan satu kelakuan yang konsisten dan terbaik supaya kita ada penuh keyakinan kepada pihak itu. Kalau tidak, maka kita ragu-ragu sama ada kerajaan memang serius dalam perkara ini. Mungkin dalam jawapan, kerajaan akan menjawab memang serius tetapi kalau kita masih ada ruang untuk memberikan peluang kepada mereka yang tidak jujur itu menjadi pemegang amanah, saya akan menyoalkan sama ada kita cukup serius. Saya tidak tahu mungkin ini ada konflik di antara hasrat dengan tindakan yang diambil oleh kita. Saya harap perkara ini akan diberi perhatian.

Bagi saya bila hilang walaupun satu sen di bawah jagaan pemegang amanah itu, maka satu perbuatan yang tidak diingini telah berlaku dan pihak itu tidak berhak lagi untuk menjadi pemegang amanah. Kita kena tegas Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, bagaimana kita boleh mewujudkan satu suasana yang baik dalam negara kita. Kita kata *good governance* dengan izin, kita kata ketelusan, tetapi bila pemegang amanah itu yang diberi tugas penting dan tugas yang bertanggungjawab untuk menjaga amanah bila dia bersabit salah dalam apa-apa tuduhan, maka bagi saya sudah hilang kelayakannya. Sungguhpun tidak ada peruntukan, saya rayu kepada pihak ini supaya letak jawatan. Mungkin tidak menyabitkan kesalahan dari segi undang-undang tetapi oleh sebab kepentingan jawatan itu sebagai pemegang amanah, maka saya harap kalau ada pihak sedemikian, silalah, tolonglah letak jawatan sebagai pemegang amanah supaya jawatan ini dapat disanjung tinggi oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat, tidakkah pindaan di depan kita ini lebih berhasrat untuk memberi kuasa-kuasa tertentu kepada Menteri daripada menjuruskan kepada penyelewengan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita tahu ada banyak kuasa yang diberi kepada Menteri, tetapi dari segi sama ada menteri-menteri itu melaksanakan kewajipan itu dengan baik atau menteri-menteri berkenaan membuat keputusan dengan mengambil kira faktor-faktor yang tertentu, kita tidak tahu. Itu terpulang kepada Menteri berkenaan. Kita juga dapati dalam banyak situasi yang berlaku dalam negara kita, ada pihak-pihak yang enggan meletak jawatan sungguhpun didapati betul-betul tidak memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan baik.

Dato' Hamzah Zainudin: [*Bangun*]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja itu, kita juga ada bertanyakan tentang Pegawai-pegawai SPR dan sebagainya. Setahu saya dalam perkara ini di negara-negara lain, mungkin pihak ini sudah rasa begitu sedih kerana tidak menjalankan tugas dengan baik, maka sudah letak jawatan. Sila.

Dato' Hamzah Zainudin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya tertarik dengan apa yang Yang Berhormat bincangkan tadi tentang 6A – *Disqualification of trustees*, dengan izin, tentang isu *a fine of not less than one thousand ringgit* - Denda yang tidak kurang daripada seribu ringgit. Saya hendak tanya, kalau bermakna Dato' Dr. Chin tadi beranggapan bahawa tidak kira berapa banyak pun asalkan dia ada membuat kesalahan *and he has been convicted of any offence*, tak kira berapa banyak *fine* yang didenda, beliau seharusnya tidak boleh *diqualfikan* sebagai *trustee*. Saya menyokong pendapat Dato' Dr. Chin tetapi dalam masalah ini, saya hendak bertanya dengan Dato' Dr. Chin, pasal apa kerajaan meletak angka seribu di situ. Adakah kerana akta yang lain yang menyebabkan kita bubuh seribu atau bagaimana pendapat Dato' Dr. Chin? Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya soalan ini dan menteri akan jawab nanti. Saya berharap Yang Berhormat Datuk M. Kavyeas akan mencatatkan soalan ini dan menjawab nanti kenapa ditetapkan satu amaun, kenapa tidak disebutkan bersabit dengan kesalahan sahaja, sudah kehilangan kelayakan. Jadi, saya hendak bertanya kenapa meletakkan amaun ini, adakah ini menunjukkan kita kurang serius itu, jadi saya sudah bertanya. Bagi saya pemegang....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin apakah pandangan beliau mengenai hukuman sama ada hukuman itu berupa, dengan izin, *punitive* ataupun sebagai teladan yang mana sepatutnya kita mengamalkannya? Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, bagi kumpulan pemegang amanah ini, saya melihat bahawa teladan pun perlu dan *punitive* pun perlu kerana ini pecah amanah. Kalau Kelab Senator Malaysia bagi saya memegang yuran-yuran yang dikutip dan saya menggunakan wang ini, itu sudah pecah amanah!

Tuan Yang di-Pertua: Oh.. Senator pun ada kelab ke?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ada. Ada, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua adalah Penasihat kelab ini mengikut perlembagaan kami. Esok kita ada mesyuarat agung untuk memilih ahli-ahli baru dan kami akan membentangkan akaun kami dalam mesyuarat agung itu dan semua orang dijemput hadir untuk bertanya dan memeriksa akaun dan juga makan tengah hari bersama kami.

Akaun ini telah diaudit oleh satu pihak yang bertaulah untuk mengaudit akaun ini. Itu adalah satu firma akauntan yang bertaulah. Inilah yang penting. Jadi, kita kena menjaga kepentingan. Yang Berhormat Dato' Mansor ingin tahu sama ada kita jadikan ini teladan atau *punitive*, bagi saya kedua-duanya. Kita mesti jadikan pihak yang pecah amanah ini bukan sahaja sebagai satu teladan tetapi kena mengambil tindakan tegas terhadap mereka ini.

Saya berharap pindaan kepada Seksyen baru 6(a) ini tidak akan memberi ruang kepada si pemegang amanah ini untuk pecah amanah yang dikatakan tidak begitu penting kerana amaun *finenya* itu kurang dan sebagainya. Kita tidak ada ruang bagi sesiapaupun untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, satu pindaan yang dicadangkan ialah Seksyen 15 dan seksyen ini memperuntukkan bahawa akaun tahunan itu dikemukakan kepada menteri. Pada masa sekarang akaun itu dikemukakan kepada Peguam Negara dan pihak Peguam Negara yang menentukan sama ada sesuatu tindakan perlu diambil dari segi sama ada akaun yang dikemukakan itu mematuhi undang-undang dan sebagainya tetapi sekarang kita telah keluar tugas ini dalam pindaan Seksyen 15 ini daripada Peguam Negara kepada menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Jabatan Perdana Menteri akan menimbangkan untuk memperuntukkan bahawa akaun ini dikemukakan kepada kedua-dua pihak, menteri dan Peguam Negara dan bukannya mengeluarkan Peguam Negara daripada proses ini.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya minta laluan. Terima kasih Dato' Dr. Chin. Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah ini saya juga tertarik dengan pendapat Dato' Dr. Chin. Saya cuma hendak bertanya kalau kita bagi kedua-duanya, authoritinya siapa? Apakah lebih baik kita hanya menetapkannya dengan perkataan menteri tetapi kerjanya dibuat oleh AG, kemudian AG beri kepada menteri untuk membuat keputusan tentang perkara ini. Itu yang saya hendak bertanya. Kalau kita berikan kedua-duanya seperti pendapat Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, siapa yang punya authoriti terakhir tadi?. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ialah Peguam Negara kerana dalam peruntukan undang-undang setiap kes sebelum dibawa ke mahkamah kena mendapat persetujuan daripada Peguam Negara. Kalau Peguam Negara tidak bersetuju, maka kes itu tidak boleh dibawa ke mahkamah. Ini adalah satu perkara yang harus kita mengatasi. Bagaimana kalau menteri mendapati ada kesalahan dan apabila kes itu dirujuk kepada Peguam Negara, maka Peguam Negara memutuskan tidak perlu diambil tindakan? Jadi, sudah ada percanggahan tugas di antara kedua-dua pihak ini kerana dalam Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara diberi ruang untuk membuat keputusan sama ada sesuatu kes itu kena didakwa ataupun tidak dan kita selalu mempertikaikan kenapa kes itu tidak didakwa ke mahkamah? Peguam Negara selalu menyatakan: "Saya menggunakan budi bicara saya mengikut peruntukan Perlembagaan dan saya dapati tidak perlu rujuk kepada mahkamah," dan kes itu berhenti di situ. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah pindaan ini ada kaitan dengan wujudnya unit trust dan masalah kawal selia unit trust tersebut berbangkit selepas tahun 1952 dan kerajaan memikirkan bagaimana hendak mengemas kini kawalan tersebut?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ada banyak skim unit trust yang telah dicadangkan dalam pasaran dan setiap hari kita membaca ada tawaran-tawaran terbaru untuk skim-skim unit trust ini bukan sahaja oleh badan-badan kewangan tetapi sekarang badan-badan insurans juga ada menawarkan skim unit trust.

Tuan Yang di-Pertua: Apa kesan pindaan ini terhadap perkembangan tersebut?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Oleh kerana begitu banyak skim yang sudah ada, maka pada saya apabila ada peruntukan undang-undang untuk mengawal selia dengan lebih rapat perkembangan badan-badan memegang amanah itu, maka sedikit sebanyak akan membantu kerajaan dalam mengawasi perkembangannya. Begitu banyak skim unit trust, saya dapati ada juga kaitannya kerana apabila faedah dalam bank ini begitu rendah, maka kita diberitahu apabila kita membuat pelaburan dalam unit trust, maka ia akan membawa pulangan yang lebih lumayan kepada kita.

Oleh kerana itu banyak pihak telah menyimpan wang mereka dalam unit trust dan ini satu perkara yang harus diberi perhatian tetapi pada masa sekarang hanya badan-badan yang berkebolehan diberi ruang untuk menjalankan skim-skim tersebut.

Selain daripada itu juga, ada banyak skim yang disebutkan sebagai 'Cepat Kaya' dan sebagainya, dan mereka juga mencadangkan hendak menggalakkan penduduk-penduduk kita supaya masuk ke skim-skim demikian. Jadi, saya dapati ada perkembangan yang begitu pesat dan ada baiknya kalau kita dapat mengawasi perkara ini.

Saya telah menyatakan pindaan kepada seksyen 15 itu patut memberi peruntukan bagi akaun bangunan itu disampaikan kepada dua pihak, dan bukan kepada satu pihak sahaja. Kerajaan harus mengkaji bagaimana koordinasi antara kedua-dua pihak ini dan juga siapa yang berkuasa dan siapa yang akan dipertaruhkan dengan kuasa mutlak untuk membuat keputusan dalam kes-kes pecah amanah ini. Bagi saya lebih baik kalau kita juga ada peruntukan supaya tiap-tiap kes pecah amanah itu kena dibawa ke mahkamah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta laluan sekali lagi Yang Berhormat Dato' Chin. Saya bangun dua, tiga kali ini bukan sebab lepas ini tidak mahu bangun lagi. Cuma hendak bertanyakan melalui Yang Berhormat Dato' Dr Chin mungkin kepada kerajaan seterusnya.

Okey, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin mengatakan lebih baik diberikan kedua-dua. Satu *Attorney-General*, satu Menteri, tetapi saya bersetuju lebih baik – Yang Berhormat Dato' Dr Chin sekali lagi saya tanya kalau kita berikan kepada Menteri, pertama Menteri menentukan dengan akaun yang ada ini, mungkin dia boleh beri kepada *Accountant General (AG)*, untuk melihat bagaimana akaun-akaun itu, sama

ada sudah teratur ataupun tidak. Kalau ada kesilapan dan sebagainya, mungkin boleh kemudian Menteri serahkan semula kepada AG untuk melihat sama ada ada kesalahan undang-undang di mana untuk diambil tindakan.

Jadi, soalan saya, kalau Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tidak bersetuju tadi, persoalannya pada pandangan saya, saya hendak tanya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin atau mungkin kerajaan boleh jawab, *Attorney-General* ataupun *Accountant General* ini, adakah mereka pegawai kerajaan ataupun mereka bebas daripada suruhan kerajaan untuk menentukan hendak melihat sesuatu yang telah pun diberikan kepada kerajaan. Itu soalan saya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dato' Hamzah bin Zainudin di atas pertanyaan itu. Memang mereka, kedua-dua orang ini merupakan pegawai yang tertinggi dalam kerajaan dan mereka, kedua-duanya diberi fungsi tertentu. Oleh kerana kepentingan portfolio mereka ini, maka saya sudah cadangkan supaya Peguam Negara juga kena diberi laporan ini.

Di Jabatan Peguam Negara atau Kamar Peguam Negara, ada banyak atau ramai pegawai-pegawai yang kelayakan tinggi dari segi kesalahan korporat, dari segi *white-collar crime* dan sebagainya. Pihak ini tentu boleh tahu cara-cara meneliti laporan tahunan itu, sama ada ada penyelewengan dalam laporan itu juga, kerana kita dapati satu syarikat yang besar di dunia, yang mengaudit akaun telah juga memberi laporan palsu. Itu di Amerika Syarikat – Enron, kita telah baca, itu pun sudah berlaku penyelewengan.

Jadi, saya harap dengan pengawasan yang lebih rapat, bukan sahaja oleh Menteri tetapi juga oleh Peguam Negara, maka kedua-dua pihak ini lebih baik, dua fikiran terhadap sesuatu perkara daripada satu fikiran. Itu mungkin lebih munasabah. Kita tidak mahu tutup pagar selepas lembu sudah lari, itu sudah lambat. Kalau kita tutup pagar selepas dapati semua lembu sudah lari, maka apa baiknya, kalau kita lambat, lambat, lambatkan sehingga satu syarikat audit yang terbesar di dunia kena gulung tikar, kena gulung tikar. Jadi, adakah itu yang kita harapkan. Kita tidak mahu itu berlaku di Malaysia. Biar dia berlaku di Amerika Syarikat tetapi jangan berlaku di Malaysia, itu yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memberi komen saya kepada seksyen baru 20, iaitu berkenaan dengan peruntukan bagi pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan juga pegawai-pegawai lain. Dengan peruntukan

baru seksyen 20 ini, saya harap tugas mengawasi badan-badan Pemegang Amanah itu akan dibuat dengan lebih baik, lebih teliti dan tidak ada sebarang penyelewengan yang akan berlaku.

Dalam pelantikan pegawai-pegawai ini, saya harap mereka yang dilantik itu memang memahami akan tugas mereka untuk mengawal selia badan-badan yang diberi tugas memegang amanah. Ini yang penting. Kita mahu supaya Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar ini, semua orang yang cukup kelayakan. Kita mesti pastikan orang ini tidak ada apa-apa rekod yang tidak begitu baik dalam perkhidmatan kerajaan.

Ini disebabkan ketiga-tiga jawatan ini sangat penting bagi membantu Menteri dalam tugasnya menguatkuasakan peruntukan undang-undang ini, kerana Menteri mengharapkan tiga jawatan ini untuk membantu beliau. Pihak ini mesti bukan sahaja berkemampuan tetapi mesti fasih dengan kesalahan yang mungkin wujud dalam peruntukan-peruntukan di bawah akta-akta ini.

Saya harap pelantikan sedemikian juga merupakan pelantikan-pelantikan CEO kepada GLC. Kita diberitahu bahawa kerajaan sekarang mencari orang yang ada kelayakan, tidak kira kaum, tidak kira bangsa, tidak kira agama, tidak kira apa, tetapi asalkan dia ada kebolehan, dia boleh dilantik memegang jawatan Ketua Eksekutif GLC-GLC kerajaan.

Dalam perkara ini, saya juga berharap bahawa jawatan-jawatan ini diisi oleh mereka yang sudah terbukti ada kelayakan yang mencukupi bagi memegang jawatan ini, kerana dia diberi tugas untuk membantu Menteri dalam menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini.

Seksyen 21 yang baru ini Tuan Yang di-Pertua, menyebut tentang peraturan-peraturan yang boleh dikuatkuasakan dan juga boleh dibuat oleh menteri bagi maksud memberi kuasa penuh kepada peruntukan akta ini, ini bermakna maka peraturan-peraturan itu masih tidak ada atau masih tidak mencukupi, oleh sebab itu maka seksyen baru 21 itu diperlukan untuk memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu seksyen baru 21 yang baik dan saya harap akan dilaksanakan dengan kebijaksanaan dan akan dilaksanakan selepas mengadakan perbincangan, perundingan dan juga berdialog dengan pihak-pihak yang ada kepentingan dalam perkara ini. Kita mahu juga maklum balas daripada pihak-

pihak yang dikawal selia itu, kita juga mahu rakyat jelata supaya memberi pendapat mereka bagaimana undang-undang atau akta ini dengan peraturan-peraturan yang akan dibuat itu boleh dikuatkuasakan dengan baiknya.

Kita tidak mahu selepas peraturan-peraturan itu dibuat maka masih ada ruang bagi perkara-perkara yang tidak diingini itu berlaku, kita tidak mahu melihat keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah penting sebelum kita membuat peraturan-peraturan baru ini, maka kita adakan perbincangan yang seluas-luasnya dengan mana pihak yang ada input, ini adalah satu cara terbuka kerajaan dan itu sedang dibuat dalam kajian tugas fungsi dan tanggungjawab polis itu sudah dibuat.

Jadi dalam perkara pegang amanah ini kita juga patut memberi perhatian yang seumpama kepada perkara ini, kalau tidak saya bimbang maka masih ada ruang-ruang bagi pihak-pihak tertentu mencari pasal dan juga membuat tindakan-tindakan yang tidak seharusnya berlaku. Saya yakin semua pihak yang ada kepentingan dalam perkara ini akan memberikan input mereka demi kebaikan menguatkuasakan akta ini, dan saya harap kerajaan akan menggunakan ruang seluas-luasnya untuk mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pihak-pihak yang mungkin dapat menyumbang idea dan buah fikiran kepada kebaikan peraturan-peraturan dalam akta ini.

Saya mengalu-alukan seksyen baru 21, saya lihat ia ada ruang untuk kita menambah banyak kebaikan kepada penguatkuasaan undang-undang ini dan saya harap kerajaan akan menggunakan peluang ini untuk berbuat demikian, jangan kita lepaskan peluang ini kerana semua ialah macam satu kertas putih, jadi apa yang kita hendak tulis di sana boleh ditulis dengan baik sekiranya kita cari semua input dari pihak-pihak yang bijaksana dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah komen-komen saya terhadap beberapa seksyen yang saya dapati penting dan pada keseluruhannya saya menyokong cadangan-cadangan di sini dan dengan itu saya sekali lagi menyokong pindaan-pindaan kepada Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah bin Zainudin.

3.50 ptg.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk membahaskan satu, dua perkara tentang beberapa seksyen yang telah pun

dikemukakan di hadapan kita ini. Saya hendak balik tadi kepada soalan saya kepada Dato' Dr. Chin, kali ini terus kepada menteri, pertamanya tentang pendapat Dato' Dr. Chin tadi mengenai dengan AG *Attorney General*, akaun situ hendaklah serahkan kepada menteri dan dikeluarkan perkataan *Attorney General*.

Saya menyokong kerajaan untuk memindahkan isu ini daripada *Attorney General* kepada *minister* kerana pada pendapat saya menteri adalah merupakan *coordinator* kepada isu ini kerana selepas itu kita juga meluluskan satu seksyen iaitu satu Seksyen 20 yang membenarkan menteri melantik Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar.

Jadi ini bermakna dalam akta ini memang amat baik sekali kalau kita serahkan kepada menteri kerana menteri boleh menganjurkan akaun-akaun itu untuk dilihat oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan sebagainya atau pegawai-pegawai kerajaan untuk melihat sama ada akaun itu teratur atau tidak. Jadi saya menyokong tentang apa yang kementerian telah pun kemukakan kepada kita., cuma soalan saya tadi kembali kepada menteri mengapa harus kita letak RM1,000 tadi, itu saya takut kalau ada mana-mana yang tertinggal, mengapa harus kita letakkan denda *of not less than one thousand* ringgit itu sebagai satu tahap, bermakna kalau dia ada *conviction*, ada *offence* kesalahan yang didenda kurang daripada RM1,000 bermakna dia layak untuk duduk sebagai ahli amanah, ahli pemegang amanah sebab itu saya hendak bertanya kepada kerajaan, mengapakah kita letakkan jumlah denda yang RM1,000, saya bersetuju dengan Dato' Dr. Chin, bahawa sepatutnya asalkan ada kesalahan, maka bermakna beliau tidak layak untuk memegang amanah walau macam mana sekalipun, jadi itulah dua soalan yang ingin saya kemukakan kepada kerajaan dan dengan ini saya menyokong akta yang dibentangkan. Terima kasih .

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. S. Vijayarajam.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Datuk Nor Azah, saya beri maklum supaya Yang Berhormat tidak keluar.

3.54 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya, membahas sedikit rang undang-undang DR. 2/2004. Saya ingin minta sedikit penjelasan sahaja, oleh kerana di dalam Huraian ada disebut

rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan dan amaunnya pun belum dapat ditetapkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, adakah perbelanjaan ini untuk membayar gaji untuk pegawai-pegawai baru yang disebutkan di dalam Seksyen 20 iaitu seorang Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan juga Penolong Pendaftar nombor bilangannya pun tidak disebut. Bolehkah saya meminta sedikit penjelasan macam mana strukturnya untuk jawatan-jawatan baru ini, adakah ini di peringkat pusat atau di peringkat negeri dan berapa ramai agaknya pegawai-pegawai baru.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita sedar bahawa pada masa ini ada lebih dari 800,000 staf pentadbiran awam ataupun *government servant*, kakitangan kerajaan dan perlukah kita menambah lagi untuk fungsi tersebut. Bolehkah kita mengubahsuai ataupun *rearrange* staf atau kakitangan di Jabatan Pemegang Amanah ataupun meminta dipindahkan ke jabatan lain untuk menjalankan tugas ini, oleh kerana ini melibatkan perbelanjaan lebih untuk kerajaan.

Satu lagi perkara yang saya ingin meminta sedikit penjelasan iaitu di mana Peguam Negara akan digantikan oleh seorang Menteri. Saya menganggap Menteri ini adalah Menteri Kewangan atau adakah Menteri ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjaga undang-undang. Oleh kerana orang dahulu adalah Peguam Negara (*Attorney General*), jadi, dua perkara ini saya minta penjelasan sedikit. Selain daripada itu saya memujilah kerajaan di atas cadangan meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2004 dan saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Nor Azah binti Awin.

3.58 ptg.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk berbahas tentang suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan 1952). Memang sudah wajar masanya telah tiba maka akta ini harus dipertingkatkan kerana dari tahun 1952 sehingga hari ini adalah lebih kurang 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: 52 tahun.

Datuk Nor Azah binti Awin: 52 tahun, maknanya belum lahir lagi semasa akta ini digubal. Selama 50 tahun sedemikian pelbagai pergolakan telah berlaku di

negara kita dan di dunia kebelakangan ini. Kalau kita tengok umpamanya dari segi industri-industri ataupun aktiviti-aktiviti yang menggunakan perkhidmatan pemegang amanah, ianya adalah merangkumi dari industri sebesar bank, sebesar Petronas umpamanya turunlah kepada pertubuhan-pertubuhan atau yayasan-yayasan yang kecil-kecilan. Seperti rakan-rakan saya tadi yang telah panjang lebar berbahas semuanya memerlukan pengawalseliaan dan apa yang telah mereka bahaskan saya cukup menyokong.

Seperti yang telah kita tahu umpamanya kebelakangan ini kita telah menyaksikan bank-bank umpamanya yang bermula mungkin 50 tahun yang dahulu dan kebelakangan ini kalau tidak silap saya dalam 20 tahun yang ke belakang kita telah memulakan skim-skim kawalan beberapa *regulation*, peraturan umpamanya supaya keyakinan *depositor*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dapat kita kekalkan. Keduanya juga adalah satu tekanan daripada dunia luar di mana industri perbankan harus diperketatkan dan diadakan peraturan yang sangat terperinci.

Kalau kita ambil umpamanya hakikat sedemikian selepas itu baru-baru ini selepas krisis 1997, kita mengalami juga satu lagi rombakan iaitu di mana syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Saham umpamanya harus juga diperketatkan dengan beberapa langkah *cooperate governance* yang sehingga ini umpamanya masih lagi dibuat, masih lagi pengarah-pengarah syarikat dikenakan berkursus dan sebagainya. Kalau kita juga melihat bukannya baru ini malahan sebelum itu akaun-akaun syarikat-syarikat tersebut harus dihantar kepada Bursa Saham Kuala Lumpur setiap tiga bulan.

Seterusnya hari ini kita melihat pula langkah kerajaan untuk memantapkan dari segi peraturan-peraturan industri-industri yang memerlukan pemegang amanah, syabas saya ucapkan. Yang saya ingin ketengahkan ialah kalau kita ambil dari segi pengalaman perbankan dan juga pengalaman syarikat-syarikat yang tersenarai, kita boleh mendapat iktibar dari kedua-dua *exercise* yang tersebut. Kalau boleh pihak kerajaan perketatkan mengikut apa yang telah kita lalui. Kita tidak nafikan Tuan Yang di-Pertua, bahawa umpamanya seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi dari segi unit trust negara kita adalah salah satu negara yang paling pesat dengan industri unit trust kita, umpamanya kita telah mewujudkan PNB, kita juga mewujudkan saham-saham di negeri-negeri.

Dalam pada itu bank-bank juga mewujudkan unit trust mereka sendiri. Kalau kita melihat juga dari segi Tabung Haji umpamanya adalah wang-wang atau dana-

dana yang diuruskan adalah kepunyaan orang ramai dan mereka dari lembaga pengarah dan seterusnya kepada pegawai-pegawai adalah diamanahkan untuk menguruskan. Kita juga mendengar skandal di Tabung Haji umpamanya di mana pelaburan telah dibuat kepada syarikat yang tidak termasuk dalam garis panduan yang telah diluluskan seperti melabur kepada satu syarikat yang tidak bertauliah.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Ini semuanya kita mengambil iktibar dan banyak juga kita dengar dari syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan umpamanya yang tidak diuruskan secara profesional, secara bertanggungjawab dan sebagainya. Jadi, kalau ini menjadi persoalan kita sekarang, saya juga telah melihat umpamanya pertubuhan-pertubuhan wanita yang kecil-kecilan, persatuan-persatuan yang mana akaunnya tidak pernah diauditkan. Keduanya mereka yang menguruskan persatuan tersebut tidak juga mempunyai *the knowledge* untuk menguruskan sesuatu tanggungjawab sebegitu.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk. Saya tertarik dengan pandangan Datuk yang menyatakan mengenai dengan beberapa syarikat kerajaan, contohnya Tabung Haji tadi. Jadi, saya ingin tahu adakah ini tugas pemegang amanah untuk memantau pelaburan atau adakah tugas di pihak pengurusan itu sendiri untuk menentukan dimanakah wang-wang itu perlu dilaburkan. Terima kasih.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau lah saya ini di Tabung Haji bolehlah saya jawab. Sebenarnya apa Yang Berhormat katakan itu dari segi pandangan sayalah, dari segi pengurusan umpamanya tidak dapat dinafikan daripada mereka yang menduduki lembaga yang mana di sini kalau kita mengatakan seperti PNB umpamanya, mereka yang duduk di lembaga pengarah bukanlah yang diamanahkan dari erti kata sebenarnya, malahan ada yayasan di atasnya yang telah dipertanggungjawabkan atau diamanahkan untuk menguruskan dana-dana tersebut. Kalau kita bawa ke bawah kepada pegawai atau pengurus yang menjalankan tugas tersebut, kita tidak menafikan bahawa yang menjadi bos-bos boleh mengatakan

mereka tidak terlibat. Walau bagaimanapun, saya berharap dapat pihak kementerian menjawab soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya memberi cadangan agar kalau kita hendak meminta akta ini berilah perhatian kepada isu pelaksanaan seperti yang saya katakan tadi iaitu dari segi memantapkan pengawalseliaan dari segi akaun-akaun yang harus dihantar kepada pihak kementerian dan sebagainya. Kerana selepas 52 tahun biarlah buat sesuatu pindaan itu *worthwhile*, dengan izin. Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa....Oh! sebelum Yang Berhormat minta laluan dari saya, saya ingin membawa semula isu tentang persatuan-persatuan yang kecil-kecilan. Di mana kebanyakannya tidak pernah audit, kebanyakannya tidak usah audit, *voucher* pun tidak ada, *ledger* pun tidak ada, pejabat pun tidak ada. Jadi, saya hendak tanya pihak kementerian...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, persatuan-persatuan kecil, macam tadi saya sebutkan pertubuhan belia dan sebagainya. Setahu saya pertubuhan-pertubuhan ini dia daftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan jika sekiranya pertubuhan-pertubuhan ini setengahnya ada dalam perlembagaan ini ada pemegang amanah. Jika sekiranya persatuan ini tidak menghantarkan laporan akaunnya yang telah diaudit mengikut kehendak perlembagaan masing-masing atau undang-undang masing-masing, maka biasanya pihak Pendaftar Pertubuhan ini ada kaitan dengan pemegang amanah pertubuhan kecil-kecil ini, dia akan membatalkan pertubuhan tersebut terutama apabila pertubuhan itu gagal menghantarkan laporan kewangan kepada pihak yang berkenaan dalam tempoh 31 hari selepas mesyuarat agung. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat dan juga pihak Menteri yang telah membentangkan akta ini. Terima kasih.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa soalan Yang Berhormat itu telah dijawab dengan adanya pindaan kepada akta di mana kuasa Menteri untuk membatalkan atau menggantung perbadanan yang bermasalah dan tidak dapat diuruskan dengan sempurna. Walau bagaimanapun, diharap pihak kementerian akan menjawab secara teliti.

Di mana saya tadi? Maka itu saya ingin bertanyakan....janganlah soal selepas ini ya, untuk isu ini sahaja. Untuk pertubuhan yang kecil-kecilan di mana mereka menerima dari segi *donation*, dengan izin daripada orang ramai dan daripada syarikat-

syarikat swasta umpamanya bagaimanakah pihak kementerian ingin memantau pertubuhan sedemikian dan cara manakah pihak kementerian dapat membantu mereka agar mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan betul, mungkin menjalankan kursus-kursus yang berkenaan.

Sebelum saya menghabiskan perbahasan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya pihak kementerian kalau ini menjadi pindaan, kebelakangan ini isu yang paling *hot* atau paling diperkatakan di dunia adalah dana-dana daripada luar negara yang masuk ke pertubuhan-pertubuhan yang mana banyak yang mengangap terutamanya pihak Amerika mengangap ini adalah untuk membantu *terrorism*, dengan izin.

Maka itu setakat manakah langkah kerajaan untuk memantau dan mengawal selia dari segi kemasukan dana dari luar negara atau dalam negara yang mana jumlahnya agak besar dan dari mana penggunaannya agak kabur di mata awam umpamanya.

Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi kepada Puan Siti Zailah.

4.10 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

Tuan Yang di-Pertua, selepas lebih kurang 47 tahun kita merdeka kenapa Akta 258 ini yang telah berumur lebih 50 tahun ini dan yang baru dipinda hari ini masih menggunakan bahasa Inggeris. Sewajarnya kerajaan khususnya menerusi peranan Peguam Negara perlu memastikan adanya tindakan proaktif untuk menterjemahkan semua undang-undang bagi negara ini dalam Bahasa Kebangsaan supaya bersesuaian dengan hasrat negara dan kerajaan untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan.

Jadi, saya cadangkan supaya tidak ada pengecualian dalam pelaksanaan dasar ini dalam mana-mana rang undang-undang. Saya melihat amanah merupakan

satu perkara yang sangat penting bahkan dalam Islam amanah ini merupakan ia adalah satu yang sangat signifikan sekali sehingga Allah S.W.T. melantik seorang Rasul daripada kalangan manusia yang paling amanah bahkan ini diakui oleh semua masyarakat Mekah pada ketika itu. Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasul ini ia membawa Islam setelah diberi gelaran Al-Ameen, orang yang paling amanah. Baginda bukan sahaja orang yang diberi amanah tetapi juga penjaga amanah yang diiktiraf oleh semua kaum dan kumpulan walaupun pada ketika itu mereka biasa berada dalam permusuhan pada zaman Jahiliah.

Jadi kita mahu konsep amanah yang sama juga turut dipakai dalam Rang Undang-undang ini. Kita tahu bahawa dalam memperkatakan soal amanah yang terdiri daripada dua perkara iaitu berkenaan dengan amanah peribadi ataupun *trust* dan amanah umum, *public trust*. Amanah umum yang kita bahaskan dalam Rang Undang-undang ini sangat penting kerana ia menyentuh tentang harta negara, harta rakyat yang seharusnya diberi kawalan yang lebih sempurna. Kita tidak mahu wang rakyat digunakan secara sewenang-wenangnya sehingga tidak mengambil kira masa depan generasi pada masa akan datang.

Saya bawa contoh di sini, Tuan Yang di-Pertua, contohnya wang Petronas yang disumbangkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Negara yang misalnya hanya mencatatkan RM100 juta setahun dan ini ternyata sangat sedikit dengan jumlah perolehan sedangkan pada masa yang sama wang Petronas digunakan dengan begitu banyak untuk membina projek-projek mega, mahligai dan projek-projek yang membawa kebanggaan. Dan saya ingin penjelasan juga kenapa akaun Petronas tidak dibentangkan di Parlimen? Sepanjang saya berada di Dewan ini tidak pernah dibentangkan akaun Petronas di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Fasal 5 dan 11 iaitu dilihat bagaimana dalam Rang Undang-undang ini memberi kuasa yang begitu besar kepada Menteri. Saya ingin penjelasan supaya peruntukan kuasa Menteri yang begitu besar dalam Rang Undang-undang ini tidak disalahgunakan. Sebab kita tahu Menteri juga seorang yang tidak sempurna, dia juga mempunyai nafsu, jadi pecah amanah ini maknanya Menteri menyalahgunakan kuasa yang diberi kepada mereka.

Jadi, adakah apa-apa peruntukan di sini untuk menyekat mana-mana Menteri yang menyalahgunakan peruntukan undang-undang yang ada supaya ketelusan ada dalam pelaksanaan dasar negara? Begitu juga kalau kita lihat banyak pelaburan wang

rakyat, contohnya wang Tabung Haji, wang simpanan Tabung Angkatan Tentera yang satu ketika dihebohkan dalam negara memang dilaburkan dalam pelaburan yang tidak halal dari segi syarak.

Jadi, perkara-perkara ini kita tidak mahu berulang dalam negara kita dan banyak kes yang melibatkan pecah amanah yang terlibat dalam pentadbiran negara. Jadi, sekiranya betul-betul perkara ini kita hendak laksanakan maka apakah jaminan supaya Rang Undang-undang yang ada di depan kita ini dapat memberi kebebasan dan ketelusan supaya semua pihak mendapat keadilan daripada Rang Undang-undang ini.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sila.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian di dalam pindaan akta ini. Saya ingin menjawab kepada semua Ahli Yang Berhormat, ada yang tadi mencelah apabila Ahli Yang Berhormat lain berucap. Oleh sebab itu, mungkin jawapan saya adalah keseluruhan. Kalau saya sebut nama, ia adalah daripada Ahli Yang Berhormat tersebut.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga dicelah oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, berkaitan dengan seksyen baru 6A, mengapa ditentukan satu amaun tertentu? Itu adalah soalan yang dibangkitkan. Hukuman-hukuman yang kurang daripada amaun yang ditetapkan, tidak semestinya menunjukkan seseorang itu tidak beramanah, oleh kerana walaupun kita dapati di dalam keadaan biasa, mahkamah akan mengenakan denda yang tinggi, seperti RM1,000 ke atas bagi kesalahan-kesalahan yang lebih berat. Ada kalanya, mahkamah menjatuhkan hukuman yang tidak berat bagi kes-kes yang tidak begitu serius.

Kita boleh membezakan kes-kes ini daripada kes-kes yang *minor offences* dengan izin. *Minor offences* adalah termasuk kesalahan trafik. Kalau Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menggunakan kereta datang dari Penang, dan Dato' Hamzah dari Perak, ia lebih sedikit, laju sedikit had laju ia, kereta ia dengan izin,

commit to traffic offence, mungkin dia kena denda RM300. Ini berertinya, beliau ini tidak beramanah dan tidak dapat peluang untuk jadi *trustee*. Inilah satu contoh.

Ada banyak kes yang *minor offences*. Ada kes yang berkaitan dengan sekarang ini, kita ada kita punya *national service*, kalau mungkin ada budak-budak yang tidak pergi ke *national service* ini, mungkin kena denda atau masuk penjara dua minggu. Selepas itu, ia tidak dapat peluang ini, ini tidak bermaknalah. Mereka ini tidak beramanah dan tidak dapat peluang.

Oleh sebab itulah, kita ada dalam pindaan ini, akta ini, satu denda yang seribu ringgit dan lebih daripada seribu ringgit. Betullah kita boleh terima apa yang dicadangkan oleh kedua-dua Yang Berhormat, Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Dato' Hamzah bin Zainudin, di mana kita tidak sepatutnya memberi peluang kepada mereka ini, untuk menjadi *trustee*. Di sini, sukalah kita terima cadangan itu, kerana banyak kesalahan adalah daripada *minor offences*. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita juga ada satu akta, *Minor Offences Act* dengan izin, di mana ada banyak di dalam akta itu, ada juga *fine* melibatkan RM20 dan RM50 juga ada. Ini tidak boleh dikatakan, mereka ini tidak boleh jadi *trustee*.

Kes-kes pecah amanah tidak berkaitan dengan pindaan akta ini. Ianya dikendalikan oleh pihak berkuasa mengikut kanun keseksaan, seperti mana Kanun Keseksaan Pecah Amanah yang lain, tindakan tersebut boleh dibawa ke undang-undang jenayah. Contohnya, Seksyen 403 dan 411, Kanun Keseksaan. Lain-lain perkataan itu, "*Apa-apa pelanggaran oleh trustee ini, boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 6A dan Seksyen 17*" dalam akta yang dibahaskan di sini. Juga, daripada segi kelayakan pemegang amanah, seksyen baru 6A ini, yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng, seksyen ini menyenaraikan kategori-kategori yang menyebabkan pemegang amanah hilang kelayakan. Kuasa ini diberikan kepada menteri untuk memastikan pemegang amanah menjalankan tugas dengan amanah dan juga jujur.

Pemegang amanah hendaklah bersih daripada sebarang rekod jenayah. Kalau ada orang-orang yang ada rekod ini, mesti tidak dapat peluang. Kerja-kerja yang dibuat oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan juga Penolong Pendaftar, boleh juga diambil tindakan undang-undang, di mana kita faham bahawa, undang-undang yang akan dipindakan ini, berdasarkan satu isu, di mana *good faith* mereka ini, perlu. Dia buat kerja dengan *good faith*, dengan izin, bagi tujuan melaksanakan akta ini.

Maka, pegawai-pegawai berkenaan, boleh diambil tindakan undang-undang, kalau mereka ini tidak buat kerja ini dengan *good faith*. Kalau ada pegawai-pegawai yang ada rekod, dia mesti tidak boleh masuk dalam kerajaan, untuk dapat satu jawatan. Kalau ada *staff* yang ada rekod selepas dapat jawatan ini, patutlah dan mereka ini tidak dapat berpeluang untuk menjawat salah satu jawatan yang disebutkan tadi.

Unit *Trust*, beberapa Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan perkara ini, termasuk Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Akta ini, tidak berkaitan dengan Unit *Trust*. Ianya berkaitan dengan kuasa Menteri untuk memberi satu entiti undang-undang kepada mana-mana perbadanan amanah yang berdaftar di bawah akta ini. Maksud akta ini, adalah untuk, kalau ada mana-mana satu badan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *trustee or trustees may be appointed by anybody or association of person, established by any religious educational literally scientific, social, charitable purpose and such trustee or trustees may apply in the manner hereinafter provided to the Minister for the certificate of the registration of the trustees or trustee of such body of the association or person as a corporate body*. Ini, perbadanan maksud ini, untuk *corporatize, to become a corporate body* dengan izin, untuk meneruskan ataupun melaksanakan tugas sebagai *trustee* dengan cara jujur dan cara baik.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan isu pindaan kepada Seksyen 15(b) penyata akaun diaudit kepada Menteri. Ia membangkitkan, dibawa kepada kedua-dua orang. Audit ini, diberi kepada Menteri, supaya Menteri dapat memantau pemegang-pemegang amanah yang berdaftar dengan lebih efisien dan juga cekap. Peguam Negara berperanan hanya untuk mendakwa dan menasihati kerajaan, dan bukannya mengawal selia pemegang-pemegang amanah berdaftar.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga ada memberi contoh, seperti perlu tutup pagar sebelum lembu lari, semua itu. Tetapi, saya faham sekarang, dalam keadaan masa ini, kalau tutup pagar pun, lembu ini boleh lompatlah. Dia punya pandangan itu, susah hendak *to understand*, dengan izin. Ini, lagi sekali Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan isu penyata akuan perlu dikemukakan kepada kedua-dua pihak ataupun kepada Peguam Negara dan bukannya kepada Menteri.

Sekali lagi, saya ingin jelaskan di sini, tujuan supaya Menteri berkuasa memantau pemegang-pemegang amanah berdaftar ini adalah, di mana Menteri akan

dibantu oleh Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar, dalam melaksanakan tugas-tugas kawal selia dan pemantau, mereka juga adalah penjawat awam. Jabatan Peguam Negara tidak mempunyai bahagian khas untuk kawal selia seperti mana yang dicadangkan oleh akta. Dan juga sebagai satu penjelasan di sini, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu masa dahulu, *Attorney General* (AG) adalah seorang ahli politik dan dia juga seorang Menteri. Oleh sebab itu, apabila pada masa akta ini digubal pada tahun 1992, ini terus di bawah *Attorney General* (AG).

Tetapi, sekarang ini, tidak begitu. AG adalah lain orang dan juga selain daripada itu, Menteri yang menjaga undang-undang adalah Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kita tidak mempunyai satu jawatan yang berasingan untuk *Minister of Law*, dengan izin ataupun Menteri Undang-undang. Oleh sebab itu, kita perlu ubahsuai akta ini, untuk menunjukkan keadaan masa kini, di mana AG adalah seorang Menteri atau ahli politik, tetapi Menteri adalah seorang ahli politik di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar, sekali lagi saya ingin memberitahu, mereka dilantik daripada penjawat awam dan mereka seharusnya tahu dan arif dengan perundangan negara, supaya tanggungjawab dan tugas mereka dapat dijalankan dengan secara yang lebih teratur.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan isu dengan seksyen kuasa (21), kuasa Menteri untuk membuat peraturan. Kita boleh memberi jaminanlah, bahawa sebelum dipinda, tiada peruntukan untuk membuat peraturan, tetapi kita boleh memberi jaminan di sini, setelah akta ini dipinda, peraturan-peraturan akan digubal. Kita akan gubal peraturan ini setelah penelitian dan perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan, barulah kita buat peraturan-peraturan ini. Peraturan-peraturan yang memberikan kuasa kawal selia yang lebih mantap, supaya peraturan-peraturan pemerbadanan yang ditubuhkan, tidak menyalahi undang-undang negara.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam membangkitkan implikasi isu kewangan disebabkan pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar. Pindaan ini, dijangkakan akan melibatkan implikasi kewangan. Namun begitu, ia tidak dapat diperincikan di sini dan satu kajian mengenainya akan diadakan. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar dibuat di kalangan kakitangan awam yang sedia ada. Ini, tidak melibatkan pegawai-pegawai baru, di mana seperti Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam khuatir, sekarang juga sudah ada 800,000. Dia takut nanti, ia meningkat. Tidak adalah masalah begini. Sekarang,

kita punya kakitangan semua sangat efisien dan kita kerja dengan lebih baik dalam kerajaan baru.

Dan juga isu yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. S. Vijayaratnam, Menteri yang bertanggungjawab. Tidak tahulah, kenapa dia bangkit isu ini. Menteri yang bawa akta ini, di sini pun adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang jaga undang-undang. Kalau ini di bawah Menteri Kewangan, mestilah akta ini dibawa di sini, dan pindaan ini dibuat oleh Kementerian Kewangan. Menteri yang bertanggungjawab dengan akta ini ketika ini, ialah Menteri yang terlibat dengan hal-ehwal undang-undang di Jabatan Perdana Menteri dan bukannya Menteri Kewangan.

Berkaitan dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin dan juga Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, persatuan-persatuan kecil yang tidak mengemukakan laporan tahunan akaun dan sebagainya. Ini, tidak berkaitan dengan pindaan akta ini. Akta ini hanya berkaitan dengan Pertubuhan Perbadanan Pemegang Amanah dan peranan Menteri adalah untuk memantau dan mengawal selia. Persatuan-persatuan pula dikawal oleh akta yang lain. Persatuan-persatuan adalah didaftar di *Registrar of Society* (ROS) dengan izin, mengikut seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, ini adalah di bawah Akta Pertubuhan 1966. Ini, tidak berkaitan dan tidak kena-mengena dengan kita. Ada juga badan-badan yang telah ditubuhkan melalui *Registrar of Companies* (ROC). Itu juga di bawah *Companies Act*, bukan di bawah akta ini, ada perbezaan. Maksud saya, untuk makluman Yang Berhormat, kita boleh ada pertubuhan-pertubuhan ini, dengan tiga peringkat yang lain. Yang pertama, *Registrar of Society*, yang kedua, *Registrar of Companies*,, dengan izin dan juga boleh *corporatize* dengan akta yang saya bawa ke Dewan ini sekarang.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin mengenai unit trust dan pelaburan-pelaburan yang berkaitan dengannya. Saya ingin beritahu di sini pindaan ke atas akta ini tidak berkaitan dengan unit trust atau pelaburan-pelaburan, ia perlu dipanjangkan ke kementerian-kementerian yang berkenaan tidak kena mengena dengan akta ini.

Dan juga isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff berkaitan dengan isu bahasa Inggeris digunakan, ini saya ingin beritahu di sini, ini adalah disebabkan akta asal ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan juga kajian untuk menterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia akan dilaksanakan dan dikaji

secara terperinci. Juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang ini, naskhah asal serta akta asal ini adalah sebelum tahun 1967. Semua akta sebelum 1967 adalah dalam bahasa Inggeris, hanya akta-akta yang digubal selepas tahun 1967 adalah dalam bahasa Malaysia. Oleh sebab itu undang-undang ini perlulah mengikut dengan izin, *the mother act, the original act* untuk menunjukkan seksyen-seksyen dengan cara yang baik dan dengan definisi yang sebenarnya ada dalam akta.

Kalau kita ada dua bahasa, apabila kita ada satu akta asal, *the original*, dengan izin dalam bahasa Inggeris dan akta yang kita buat pindaan ini, kita hanya masukkan pindaan-pindaan ini dalam bahasa Malaysia, dan ini ada banyak percanggahan apabila di bawa ke mahkamah, susah untuk hakim-hakim membuat sesuatu keputusan yang mana satu akta atau bahasa yang perlu mereka ikuti. Oleh sebab itu kita perlulah ikut akta asal sehingga keseluruhan akta itu dipinda dalam satu bahasa. Walau bagaimanapun, kita akan beri jaminan di sini, kerajaan akan mengkaji kemungkinan menggubalnya ke bahasa ibunda, bahasa Malaysia untuk faedah akan datang.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awini iaitu dana antarabangsa dan pemantauan ke atasnya ini tidak berkaitan dengan pindaan ke atas akta ini, oleh sebab itu tidak perlulah saya menjawabnya di sini. Dan juga berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, isu-isu Tabung Amanah Petronas, saya meminta maaf sekali lagi, ini tidak berkaitan dengan pindaan ke atas akta ini.

Itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam pindaan akta ini dan kalau ada apa-apa yang lain, bolehlah Yang Berhormat bangkitkan dalam masa-masa yang akan datang. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990, dibaca kali yang kedua sekarang.

Akta Insurans Luar Pesisir 1990 (Akta) mengandungi peruntukan mengenai pelesenan mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan (Labuan IOFC). Ianya juga mengandungi peruntukan untuk mengawal selia semua aktiviti perniagaan insurans dan berkaitan insurans.

Pindaan yang dicadangkan adalah merupakan usaha berterusan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) untuk mengemaskinikan perundangan berhubung dengan aktiviti kewangan luar pesisir bagi menarik lebih ramai pelabur mempertingkatkan daya saing dan menyediakan suasana perniagaan yang kondusif di Labuan IOFC. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memperketatkan lagi peruntukan kawal selia aktiviti insurans selaras dengan piawai antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah meliputi peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (i) memperluaskan takrif perniagaan insurans luar pesisir;
- (ii) memansuhkan peruntukan pelesenan perniagaan insurans komposit;

- (iii) memperkenalkan beberapa langkah berhemat, *prudential measures* dengan tujuan untuk memperkemaskan peruntukan mengawal selia syarikat-syarikat insurans dan syarikat yang berkaitan dengan insurans;
- (iv) memperkemaskan peruntukan pelesenan dan pengeluaran kompaun;
- (v) memperkemaskan peruntukan kerahsiaan; dan
- (vi) memasukkan peruntukan bagi memberi perlindungan kepada hak-hak pemegang polisi.

Bagi memastikan perniagaan dan produk insurans luar pesisir terus berkembang serta memberi peluang kepada syarikat-syarikat insurans luar pesisir supaya lebih inovatif, adalah dicadangkan supaya takrif perniagaan insurans luar pesisir dipinda supaya menjadi lebih fleksibel. Ini boleh dilakukan dengan memberi kuasa kepada LOFSA untuk meluluskan perniagaan insurans luar pesisir baru yang tidak tertakluk di bawah takrif sekarang.

Pindaan ini sudah pasti akan menggalakkan lagi usaha membangunkan produk-produk insurans baru oleh syarikat-syarikat insurans yang akan menyumbang kepada pembangunan Labuan IOFC. Peruntukan yang dipinda adalah subseksyen 2(1).

Selaras dengan perkembangan antarabangsa adalah dicadangkan supaya peruntukan yang membenarkan sesebuah syarikat insurans untuk menjalankan perniagaan insurans komposit dibatalkan. Dengan pindaan ini, syarikat insurans tidak dibenarkan lagi memegang kedua-dua lesen perniagaan insurans yakni insurans nyawa dan insurans am melainkan lesen-lesen tersebut dipegang oleh dua entiti yang berasingan.

Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya sebarang konflik kepentingan dalam syarikat tersebut dan memastikan kepentingan pemegang polisi adalah terpelihara. Di bawah peruntukan sekarang, pemegang lesen komposit dibenarkan untuk mengurus dua risiko yang berbeza iaitu risiko nyawa dan risiko am oleh satu entiti.

Sekiranya berlaku sebarang masalah seperti nisbah tuntutan yang tinggi bagi portfolio risiko nyawa, sudah pasti keupayaan pemegang lesen komposit tersebut untuk mengurus risiko portfolio am akan terjejas. Dengan pindaan ini, mana-mana

syarikat insurans baru yang ingin menjalankan kedua-dua perniagaan insurans nyawa dan am perlu menubuhkan dua entiti yang berlainan. Peruntukan akta yang dipinda bagi tujuan ini adalah subseksyen 6(3)(b).

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan perniagaan insurans luar pesisir di Labuan IOFC terus berkembang serta terpelihara daripada sebarang unsur negatif, adalah dicadangkan beberapa langkah berhemat diperkenalkan bagi mengelakkan kekeliruan pelbagai pihak mengenai penggunaan perkataan-perkataan “penginsurans luar pesisir, pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir, *offshore underwriting manager*, dengan izin dan broker insurans luar pesisir” adalah dicadangkan supaya hanya syarikat insurans yang dilesenkan oleh LOFSA dan mendapat kebenaran bertulis LOFSA sahaja dibenarkan menggunakan perkataan tersebut. Sehubungan dengan ini, dicadangkan supaya subseksyen (3) baru dimasukkan ke dalam seksyen 5.

Tuan Yang di-Pertua, turut dicadangkan ialah peruntukan yang memberi kuasa kepada LOFSA untuk menentukan jumlah modal kerja yang diperlukan oleh syarikat insurans luar pesisir yang sebelum ini hanya menetapkan satu had minimum sahaja. Ini adalah bertujuan untuk memberi fleksibiliti kepada LOFSA bagi menentukan jumlah modal kerja yang lebih tinggi kepada syarikat-syarikat insurans besar yang mempunyai liabiliti dan risiko perniagaan yang besar.

Peruntukan yang dipinda bagi tujuan ini ialah seksyen 6, subseksyen (1) perenggan (b) subperenggan kurungan (i), (ii) dan (iii). LOFSA juga bercadang untuk memasukkan peruntukan yang hanya membenarkan pemohon lesen yang menjadi ahli kepada mana-mana persatuan insurans atau berkaitan insurans yang diiktiraf sahaja yang boleh memohon lesen di Labuan IOFC.

Di samping itu, setiap syarikat insurans dan berkaitan insurans yang dilesenkan oleh LOFSA juga akan dikehendaki menjadi ahli kepada persatuan insurans luar pesisir di Labuan IOFC. Langkah ini akan memudahkan LOFSA mengawal selia kesemua pemegang lesen melalui persatuan tersebut dan pada masa yang sama memastikan bahawa syarikat-syarikat insurans dan berkaitan insurans di Labuan IOFC adalah berkaliber dan bereputasi tinggi.

Peruntukan berkaitan yang dipinda adalah untuk memasukkan perenggan (f) dan juga (g) baru ke dalam subseksyen (6), subseksyen (1) dan memasukkan perenggan (g) dan (h) baru ke dalam subseksyen 7(1). Bagi memperketatkan

peruntukan kawal selia, dicadangkan satu peruntukan yang memerlukan setiap permohonan untuk mendapatkan lesen perniagaan insurans luar pesisir di Labuan IOFC mengemukakan Surat Kesedaran (*Letter of Awareness*) yang dikeluarkan oleh pengawal selia tempatan pemohon berkenaan.

Langkah ini adalah penting untuk memastikan hanya entiti yang tulen dan dikawal selia sahaja boleh memohon lesen untuk beroperasi di Labuan IOFC. Langkah ini juga selaras dengan usaha untuk memantapkan reputasi Labuan IOFC sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir yang bersih dan terkawal. Peruntukan yang dipinda bagi tujuan ini ialah seksyen 6, subseksyen (3) dengan memasukkan subperenggan (D) yang baru.

Satu lagi peruntukan berhemat yang dicadangkan adalah peruntukan yang memerlukan pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir dan broker insurans luar pesisir untuk menyertai mana-mana skim perlindungan insurans tanggung rugi profesional sepanjang tempoh operasi mereka di Labuan IOFC.

Ini adalah untuk memastikan mereka mempunyai perlindungan insurans yang sewajarnya sekiranya menghadapi sebarang masalah seperti tuntutan undang-undang dan sebagainya. Bagi tujuan ini, perenggan (e) baru dimasukkan ke dalam subseksyen 7(1).

Untuk memastikan pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir dan broker insurans luar pesisir yang beroperasi di Labuan IOFC terdiri daripada orang yang layak dan sesuai, *fit and proper person*, dengan izin, dicadangkan supaya dimasukkan satu peruntukan yang memberi kuasa kepada LOFSA untuk menggariskan syarat-syarat yang melayakkan mereka dilesenkan di Labuan IOFC.

Sebagai pihak yang menjadi barisan hadapan dalam memasarkan produk-produk insurans di Labuan IOFC, syarikat-syarikat berkaitan insurans ini mestilah terdiri daripada mereka yang berkeelayakan dan mempunyai reputasi yang baik. Sehubungan dengan itu, seksyen 7, subseksyen (1) dipinda dengan memasukkan perenggan (f) yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pindaan juga dicadangkan untuk memasukkan satu peruntukan yang memerlukan pemegang-pemegang lesen melantik juruaudit luar dan juruaudit dalam bagi mengaudit akaun dan operasi perniagaan mereka. Langkah ini adalah untuk memperluaskan lagi kawal selia terhadap syarikat-

syarikat insurans dan yang berkaitan insurans. Peruntukan sekarang hanya memerlukan syarikat insurans luar pesisir untuk melantik juruaudit luar sahaja.

Dengan pindaan ini, syarikat insurans juga dikehendaki melantik juruaudit dalaman untuk mengaudit akaun, operasi dan perniagaan mereka di Labuan IOFC. Di samping itu, setiap juruaudit yang dilantik akan mempunyai kewajipan untuk melaporkan kepada LOFSA secepat mungkin mengenai sebarang ketidakpatuhan yang dikesan oleh mereka semasa pengauditan mereka ke atas mana-mana syarikat insurans. Peruntukan yang dipinda bagi tujuan ini ialah seksyen 16 dengan memasukkan seksyen 16A baru yang menggariskan peruntukan berkenaan melantik juruaudit dalaman.

Seterusnya adalah dicadangkan supaya diperkenalkan satu peruntukan untuk memberi kuasa kepada LOFSA atau mana-mana pengawal selia tempatan yang diluluskan oleh LOFSA bagi menjalankan pemeriksaan ke atas akaun, rekod dan transaksi mana-mana syarikat insurans dan berkaitan insurans di Labuan IOFC.

Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk memastikan kesahihan maklumat dan data yang diserahkan kepada LOFSA. Walau bagaimanapun, pemeriksaan ini adalah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan di mana LOFSA tidak dibenarkan untuk mendedahkan identiti, akaun dan urusan mana-mana pemegang polisi kecuali setakat mana yang dibenarkan oleh akta. Untuk tujuan ini, seksyen 19A baru diperkenalkan.

Di samping itu, dicadangkan supaya pindaan dibuat ke atas peruntukan mengenai had *solvency*, *margin of solvency* syarikat-syarikat insurans luar pesisir.

Pindaan ini perlu setelah mengambil kira masalah praktikal yang dihadapi oleh syarikat insurans dalam tahun pertama operasi mereka. Sebagai contoh peruntukan sekarang mensyaratkan sesebuah syarikat insurans mengekalkan had *solvencynya* yang juga merupakan jumlah modal kerjanya. Dalam kes tertentu pada tahun pertama operasi mereka, syarikat-syarikat insurans baru akan menggunakan modal kerjanya untuk memulakan operasi. Ini akan menyebabkan modal kerjanya berkurangan dan sekali gus akan menyebabkan tidak dapat memenuhi had *solvency* yang ditetapkan.

Dengan pindaan ini syarikat insurans luar pesisir di Labuan IOFC dikehendaki mempunyai had *solvency* sebanyak 50% daripada modal kerja yang ditetapkan pada tahun pertama operasi mereka. Ini adalah untuk mengelakkan syarikat insurans menjadi tidak *solvent* apabila jumlah modal kerjanya berkurangan pada tahun pertama

beroperasi. Peruntukan yang dipinda berkenaan cadangan ini adalah Seksyen 17 subseksyen (1).

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan yang disediakan oleh LOFSA adalah dicadangkan supaya satu peruntukan diperkenalkan untuk membolehkan LOFSA terus mengeluarkan lesen kepada syarikat-syarikat insurans dan berkaitan insurans setelah memperolehi kelulusan daripada Menteri Kewangan.

Pada masa ini akta memperuntukkan bahawa lesen yang diluluskan oleh menteri perlu ditandatangani oleh menteri terlebih dahulu. Dengan pindaan ini proses pengeluaran lesen dapat kita mempercepatkan memandangkan LOFSA boleh terus mengeluarkan lesen sebaik sahaja diluluskan oleh Menteri Kewangan. Bagi tujuan ini, Seksyen 8 dan 9 perlu dipinda.

Dicadangkan juga supaya satu peruntukan dimasukkan untuk memberi kuasa kepada LOFSA mengeluarkan kompaun dengan kelulusan pendakwa raya kepada mana-mana syarikat insurans dan berkaitan insurans luar pesisir yang melanggar mana-mana peruntukan atau arahan, notis, perintah atau tuntutan yang dibuat atau dikeluarkan oleh LOFSA.

Pada masa ini akta memperuntukkan bahawa setiap kompaun yang hendak dikeluarkan oleh LOFSA perlu mendapat persetujuan Menteri Kewangan terlebih dahulu. Ini menyebabkan LOFSA tidak dapat bertindak secara efisien apabila berlaku pelanggaran ke atas peruntukan dalam akta tersebut. Bagi tujuan tersebut dicadangkan supaya Seksyen 30 akta ini dipinda.

Seksyen 25 akta yang menggariskan peruntukan kerahsiaan juga perlu diperkemaskan supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Luar Pesisir Labuan yang lain berkenaan perkara yang sama. Ini merupakan tindakan susulan kepada cadangan yang dibuat oleh kumpulan penilai daripada *Asia Pacific Group on Money Laundering and Offshore Group of Banking Supervisors*, dengan izin yang telah membuat penilaian mengenai langkah-langkah mencegah kegiatan pelaburan wang haram di Labuan IOFC pada awal tahun 2001.

Cadangan pindaan ini juga pada dasarnya adalah untuk memperluaskan lagi skop dan fungsi-fungsi kawal selia LOFSA di samping membolehkan LOFSA berkongsi maklumat dan bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawal selia asing dan domestik.

Akhir sekali adalah dicadangkan satu Bahagian 4A baru dimasukkan ke dalam akta. Bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perlindungan kepada hak-hak pemegang polisi insurans. Sehubungan ini, peruntukan yang sama di dalam Akta Insurans Tahun 1990 domestik dicadangkan diterima pakai dalam akta ini. Peruntukan ini dijangka akan meningkatkan lagi minat dan keyakinan pelabur-pelabur terhadap produk-produk insurans luar pesisir kerana hak-hak mereka sebagai pemegang polisi dijamin dan dilindungi oleh undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

4.55 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan pindaan yang dicadangkan kepada Akta 444 iaitu Akta Insurans Luar Pesisir Tahun 1990. Saya telah melihat dengan teliti cadangan-cadangan yang dibuat itu dan didapati pada keseluruhannya ada banyak kebaikan yang telah dirumuskan dan saya mengucapkan penghargaan saya kepada kementerian di atas usaha mereka. Saya juga membaca statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan sendiri tentang berapa peratusan rakyat kita telah menggunakan perkhidmatan insurans.

Saya difahamkan hanya lebih kurang 37% yang mendapatkan perlindungan. Oleh kerana itu, maka ada banyak ruang untuk perkembangan selanjutnya dalam perkara ini dan mungkin banyak syarikat daripada luar negara akan mengambil kesempatan supaya masuk dan memberi perkhidmatan insurans kepada penduduk-penduduk kita di Malaysia ini. Oleh kerana itu maka adalah baiknya dan juga tepatnya supaya kita meminda Akta Insurans Luar Pesisir ini untuk mengambil kira perkembangan-perkembangan terkini supaya satu pengawalseliaan yang lebih rapat boleh dilakukan terhadap syarikat-syarikat sedemikian.

Apabila saya melihat tugas-tugas yang diberi di bawah LOFSA itu, maka saya lihat dengan cadangan-cadangan ini ada banyak kelonggaran yang boleh diluluskan untuk perniagaan insurans luar pesisir jenis baru dan oleh kerana itu, maka ada banyak ruang kerana banyak daripada kemudahan atau perkhidmatan yang akan diberikan itu ialah jenis-jenis yang baru dan mungkin belum lagi ditawarkan dalam negara kita.

Oleh kerana itu, maka pengawasan yang lebih rapat diperlukan. Di dalam nota itu, ada disebutkan 4 jenis ini termasuk penanggung insurans luar pesisir, pengurus insurans luar pesisir, pengurus pengunderaitan luar pesisir dan broker insurans luar pesisir. Diperuntukkan sekarang di bawah subseksyen 6(1) juga 6(3) bahawa semua kena minta lesen sebelum berniaga.

Bagi saya, ini adalah satu cadangan yang baik memandangkan pasaran begitu luas bagi mereka yang ingin datang ke Malaysia untuk memberi perkhidmatan seperti yang telah disebutkan itu. Kalau kita tidak minta supaya dipohon lesen, mungkin ada banyak produk yang ditawarkan itu kurang sesuai bagi rakyat Malaysia dan juga bagi mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan syarikat-syarikat insurans ini.

Pindaan yang pertama supaya dimasukkan ke dalam Seksyen 6(1) dan 6(3) itu peruntukan untuk mendapatkan lesen pada pendapat saya adalah suatu yang baik. Ada juga diperuntukkan bahawa LOFSA boleh menentukan satu amaun untuk model kerja untuk syarikat-syarikat insurans besar yang mungkin ada pendedahan yang lebih besar. Ada disebutkan LOFSA boleh menentukan amaun.

Tetapi saya melihat bahawa amaun itu tidak disebutkan. Dari segi pendedahan yang lebih besar atau *bigger exposure* apa yang ditakrifkan oleh kementerian untuk memberi garis panduan kepada LOFSA supaya boleh menentukan amaun ini. Bukankah ia lebih baik kalau amaun itu disebutkan dan disenaraikan dan ditentukan supaya semua pihak itu tahu. Sekarang ini terpulang kepada LOFSA untuk memberi pentakrifan apakah garis panduan-garis panduan yang akan digunakan oleh pihak ini untuk menentukan amaun. Apa yang dimaksudkan oleh pendedahan yang besar dan pendedahan yang kecil. Siapa akan menentukan keadaan sedemikian.

Ada juga diperuntukkan bahawa ada apa-apa amaun yang lebih tinggi seperti mana yang ditentukan oleh bank. Bagi saya kalau kita sebutkan satu amaun yang cukup jelas dan amaun itu ialah satu amaun yang munasabah tentu pihak siapa pun tidak dapat mempertikaikan perkara itu akan terima, apa garis panduan yang dibuat

oleh LOFSA. Sekarang kalau kita tidak sebutkan amaun maka itu terpulang kepada pegawai untuk membuat interpretasi dan adakah ini akan berbeza dari kes ke kes dan mereka hanya menggunakan garis panduan pendedahan besar. Saya pun tidak tahu apa dia pendedahan besar.

Kalau satu perniagaan itu memang besar, adakah itu satu pendedahan yang besar atau satu perniagaan yang kecil juga ada pendedahan yang besar kerana mungkin kurang mahir dari segi menguruskan syarikat kecil itu. Saya harap kita dapat diberi satu penjelasan tentang ini dan kenapa tidak disebutkan amaun yang kena ditentukan sebagai modal kerja atau *working capital* untuk syarikat-syarikat yang masuk ke sini. Satu lagi pindaan yang dicadangkan ialah supaya tiap-tiap syarikat yang masuk itu akan menjadi anggota suatu Persatuan Penanggung Insurans Luar Pesisir Labuan. Yang ini satu keperluan. Semua yang masuk mesti memohon untuk menjadi ahli. Saya ingin tahu, apakah rasional untuk tiap-tiap syarikat yang masuk itu menjadi ahli satu persatuan selain daripada mungkin menukar maklumat dan sebagainya. Kalau didapati ahli-ahli dalam persatuan itu tidak menjalankan tugas dengan baik, adakah ruang bagi persatuan itu melaporkan pihak ini kepada kerajaan atau memecat ahli itu daripada persatuan.

Saya ingin tahu ini kerana dalam banyak hal yang berlaku hari ini, apabila kita ada persatuan, persatuan biasanya menjadi satu badan sosial sahaja. Mungkin aturkan perjumpaan, aturkan jamuan, adakan mesyuarat dari masa ke semasa dan sebagainya. Akan tetapi dari segi mengawalseliakan kelakuan ahli-ahli itu, mungkin tidak ada. Mungkin tidak ada ruang juga kerana tidak ada peruntukan undang-undang bagi mereka mengambil tindakan terhadap sebarang ahli yang tidak mengikut peraturan dan mungkin membawa imej yang buruk kepada persatuan pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu kalau seseorang ahli itu melakukan sesuatu yang tidak diinginkan, adakah persatuan mempunyai kuasa untuk memecat ahli ini kerana di sini ada disebutkan dia mesti jadi ahli dalam persatuan tetapi dia tidak sebut persatuan itu ada hak untuk memecat ahli ini kalau ahli ini melakukan sesuatu yang kurang baik atau kurang arif. Sebab yang diberikan di sini mungkin dari segi penyelarasan oleh LOFSA. LOFSA mahu semua pihak masuk ke dalam persatuan ini supaya dari segi penyelarasan itu lebih baik tetapi bolehkah persatuan ini juga diberi kuasa-kuasa lain untuk menentukan kalau ahli-ahli dalam persatuan itu menghadapi

masalah, mereka perlu melaporkan kepada LOFSA atau melaporkan kepada Bank Negara supaya tindakan awal boleh diambil.

Jadi, saya ingin tahu sama ada di dalam cadangan ini, ada peruntukan bagi pihak-pihak tertentu dari persatuan mengadu kepada kerajaan tentang kelakuan ahli-ahlinya dalam persatuan. Kalau tidak, nampaknya ini satu persatuan sosial sahaja dan kalau persatuan sosial sahaja, kenapa paksa badan-badan ini menjadi ahli kalau ia tidak ada kuasa selain daripada mengadakan perjumpaan, mengaturkan mesyuarat dengan LOFSA, mengadakan jamuan dan aktiviti-aktiviti sosial, nampaknya ia kurang baik dalam perkara mengadakan satu persatuan khas untuk mereka yang terlibat dalam industri insurans luar pesisir ini.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, ingin menyentuh sedikit tentang pindaan kepada seksyen 6(3) mengenai perkara permohonan hendak disertakan dengan Surat Kesedaran daripada pihak berkuasa penyeliaan dalam negeri pemohon. Ini bagi saya adalah satu peruntukan yang sangat baik. Kalau sesebuah syarikat dari Amerika Syarikat atau dari England atau dari Australia ingin memberi perkhidmatan insurans luar pesisir ini, nampaknya kerajaan atau pihak berkuasa di tempat itu, di negara itu kena memberi satu surat yang menyatakan mereka sedar bahawa pihak ini, syarikat yang didaftarkan dalam negara tersebut, akan membuat satu permohonan dan sebab yang diberikan dalam seksyen 6(3) ini ialah supaya permohonan itu adalah permohonan yang tulen. Itu yang diberitahu kepada kami bahawa kita mahu sahaja permohonan-permohonan yang tulen itu datang untuk memberi perkhidmatan ini.

Oleh sebab itu, untuk memastikan mereka ini adalah permohonan yang tulen, kita mahu dia membawa sepucuk surat daripada pihak berkuasa dalam negara itu untuk memastikan ini adalah pihak yang betul. Pada pendapat saya, ini adalah satu peruntukan yang baik tetapi bagi saya tidak memadai kalau dia hanya beri satu surat yang menyatakan saya sedar atau pihak kerajaan Amerika Syarikat sedar bahawa ini adalah sebuah syarikat yang berdaftar di Amerika Syarikat dan telah bercadang untuk memberi perkhidmatan insurans luar pesisir kepada Malaysia.

Kenapa kita tidak tanya tentang pendapat mereka? Kalau kita mahu adakan peruntukan ini, kenapa kita tidak tambahkan sedikit apakah perakuan. Bolehkah kita tanya perakuan daripada pihak berkuasa di Amerika Syarikat. Perakuannya ialah: *"Saya menyokong permohonan ini kerana syarikat ini adalah sebuah syarikat yang benar, sebuah syarikat yang berkebolehan dan telah memberi perkhidmatan yang baik*

di negara Amerika Syarikat dan oleh kerana itu layak memanjangkan perkhidmatan itu kepada Malaysia.” Bolehkah kita minta sebagai tambahan? Bukan sahaja satu Surat Kesedaran tetapi kenapa tidak juga meminta satu perakuan. Mungkin syarikat ini telah disenaraihitamkan di negara itu sendiri dan baru mahu pindah urus niaga mereka ke Malaysia.

Kalau demikian, mungkin syarikat ini ada banyak kelemahan-kelemahan. Jadi adakah munasabah bagi kita hanya dapat satu Surat Kesedaran tanpa melihat dengan lebih mendalam, apakah pendapat pihak berkuasa di dalam negara asal itu. Mungkin pihak yang berkuasa di dalam negara itu lebih arif tentang latar belakang syarikat ini daripada kita, mungkin kita tidak tahu. Kita kurang memahami apakah kebaikan dan keburukan yang telah dilakukan oleh syarikat ini sepanjang masa ia memberi perkhidmatan di negara asal itu. Bolehkah kementerian memikirkan sama ada sesuai atau tidak bagi kita tambah satu lagi daripada syarat ini untuk mendapatkan Surat Kesedaran juga mendapatkan Surat Perakuan dan mungkin sebagai *referee* – rujukan kepada kita, bila kita ada membuat permohonan kerja kita juga menamakan sesuatu *referee* supaya kita boleh memberi sedikit pendapat.

Seterusnya, saya ingin menyentuh pindaan kepada seksyen 7(1) iaitu satu peruntukan yang menghendaki pengurus insurans luar pesisir itu atau pengurus pengunderaitan luar pesisir atau broker insurans luar pesisir itu memperolehi perlindungan insurans tanggung rugi profesional iaitu satu *professional indemnity*, dengan izin, ini juga pada pendapat saya satu peruntukan yang baik. Ini bermakna, kita mahu pihak ini supaya bertanggungjawab kalau ada sebarang kerugian yang dihadapi akibat daripada perkhidmatan yang diberikan oleh orang tertentu itu.

Oleh sebab itu, kita mahu dia memperolehi satu perlindungan insurans tanggung rugi profesional. Tetapi dari segi orang yang berkenaan mungkin dia boleh memberi perlindungan insurans tanggung rugi profesional seperti yang dikehendaki tetapi selain dari itu adakah kita juga menyemak latar belakang pegawai yang berkenaan atau broker yang berkenaan. Adakah kita lihat dari segi lain selain daripada memerlukan orang ini memberi kita satu perlindungan insurans tanggung rugi profesional.

Saya bimbang kalau kita tidak menjalankan pemeriksaan yang rapi terhadap mereka ini, dan sungguhpun ada perlindungan insurans tanggung rugi profesional itu, maka ini mungkin tidak mencukupi kerana pasaran kita begitu luas dan ruang untuk

perkhidmatan ini memang cukup besar bagi sesiapa yang ingin masuk ke sini untuk memberi perkhidmatan semacam ini dan adalah lebih baik kalau LOFSA yang ditugaskan dengan pengawalseliaan itu menjalankan pemeriksaan yang lebih rapi tentang latar belakang pegawai-pegawai yang akan datang ke sini akan diberi lesen untuk menjalankan tugas ini supaya kita cukup perlindungan kepada pelanggan-pelanggan mereka yang merupakan rakyat kita. Ini bagi saya adalah satu perkara yang penting dan kita harus berwaspada tentang apa yang mungkin terjadi dari segi kawalan. Kawalan sama ada itu sudah mencukupi atau tidak.

Di bawah seksyen 9 ada juga peruntukan supaya membenarkan LOFSA mengeluarkan lesen dengan kelulusan Menteri kerana hak untuk mengeluarkan lesen diletakkan di bawah bidang kuasa Menteri tetapi urus setia pihak yang akan keluaran lesen itu ialah LOFSA. Ini dari segi pentadbiran mungkin ada satu cara yang lebih cepat, lebih baik dan sebagainya.

Ada juga diperuntukkan di bawah 9(2) itu bahawa kalau Menteri menolak sesuatu permohonan itu, bank hendaklah dengan segera memberitahu pemohon secara bertulis tentang penolakannya, tetapi ada peruntukan yang menyebut tidaklah dikehendaki memberikan apa-apa sebab bagi penolakan itu kepada si pemohon.

Saya kurang faham rasional ini. Kalau kita menolak sesuatu permohonan kita mesti ada sebab. Kalau tidak ada sebab kenapa kita menolak permohonan itu? Kalau kita ada satu sebab yang munasabah kenapa kita takut memberitahu pihak ini? Kalau kita kata syarikat ini tidak layak dari segi negara asal tidak memperakukannya, dari segi ini tidak memadai dan dari segi itu pula tidak baik, dari segi latar belakang tidak begitu memuaskan dan sebagainya kenapa kita tidak mahu menyebutkannya? Kenapa kita ada peruntukan di sini yang mengatakan kita boleh menolak tetapi tidak memberi sebab?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Malaysia sekarang kita menggalakkan ketelusan. Kita menggalakkan satu kerajaan yang mengamalkan *good governance*. Kita sudah menandatangani perjanjian WTO dan akan melaksanakan ini dan itu, kita mahu membuka pasaran kita kepada syarikat-syarikat daripada luar negara dan kita menggalakkan rakyat kita supaya melabur di negara-negara lain supaya menambah pasaran kita dan juga menambah kebolehan kita. Kita menggalakkan semua ini supaya kita dapat menjadi satu negara yang lebih maju, makmur dan lebih berkebolehan. Saya kurang faham kenapa dalam perkara ini kita tidak mahu memberi

sebab? Adakah itu disebabkan rahsia? Mungkin kementerian boleh memberi penjelasan kerana kita ada satu peruntukan khas yang menyebut bahawa tidak perlu memberikan apa-apa sebab bagi penolakan itu kepada pemohon.

Saya juga berpendapat Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita harus meletakkan kriteria-kriteria bagi permohonan itu supaya pihak yang akan memohon itu tahu apa yang kita mahukan dan kalau ada kekurangan kita jelaskan kepada pihak ini. Permohonan ini mungkin tidak cukup modal kerja – kalau mahu datang sila bawa RM1 billion – itu mungkin satu sebab kenapa kita tolak. Saya tidak tahulah apa yang menyebabkan sesuatu permohonan itu ditolak dan kalau sebab-sebab itu adalah munasabah, kenapa kita takut mengumumkannya supaya kita semua boleh faham, termasuklah saya. Saya pun boleh baca dalam surat khabar bahawa syarikat ini telah ditolak permohonannya kerana ia tidak layak dari segi a, b, c, d, e atau sebagainya.

Saya berharap kita akan diberi penjelasan tentang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, satu seksyen baru 16(A) dan 16(B) untuk pelantikan juruaudit. Tuan Yang di-Pertua, saya akan membaca sebelum saya menyentuh - ini laporan tahunan penyata kewangan daripada Institut Akauntan Malaysia dan juga komen-komen Akauntan Negara tentang tugas juruaudit. Dalam perutusan daripada Akauntan Negara ini, iaitu Y.Bhg. Datuk Siti Maslamah Osman, beliau ada menyatakan:

“Saya dapati profesion perakaunan telah dipengaruhi oleh persaingan dalam iklim perniagaan. Pertambahan dalam persaingan telah menimbulkan keraguan dalam hak kebebasan para akauntan dan meningkat isu profesionalisme dengan komersialisme yang berkait rapat dengan profesionalisme dengan komersialisme adalah konflik antara kepentingan awam dengan kepentingan persendirian. Status profesional bagi mana-mana profesion bergantung pada persetujuan sosial dan sebaliknya profesion menerima tanggungjawab sosial dan mengetepikan kepentingan sendiri. Para ahli profesion diharap dapat mempraktikkan kualiti dengan lebih mengutamakan perkhidmatan daripada hasil pendapatan”.

Ini adalah satu peringatan yang baik bagi saya oleh kerana saya telah membaca perutusan ini dengan teliti dan memahami bahawa Akauntan Negara ada keraguan tentang kerja juruaudit. Baru tulis dalam laporan ini. Ini ialah dibentangkan

oleh Parlimen di atas meja saya. Sungguhpun ini ialah untuk tahun 2002 iaitu sudah lama tetapi masih ada kaitan dengan perkara pelantikan juruaudit iaitu Seksyen 16A.

Tuan Yang di-Pertua, ada disebutkan di dalam Seksyen 16A ini bahawa terma-terma ditetapkan oleh bank dan bank akan terima ulasannya mengenai sistem perakaunan dan kawalan pemegang lesen. Ada peruntukan di bawah subseksyen dalam Seksyen 16A ini bahawa juruaudit melaporkan kepada bank jika ia mendapati ada penyelewengan iaitu hak diletak kepada juruaudit untuk melaporkan dan ia dikehendaki membuat laporan di bawah subseksyen 4 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membaca kebimbangan dan keraguan yang disebutkan dalam perutusan Akauntan Negara itu, maka kita dapati kita mesti ada satu peruntukan yang mencukupi untuk mengelak daripada segala kejadian yang mungkin berlaku kerana Akauntan Negara sendiri tidak ada keyakinan yang penuh dan saya dapati tidak ada peruntukan tentang siapa yang bayar ganjaran kepada juruaudit.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa kementerian dalam pindaan ini untuk mengadakan seksyen baru itu, tidak ada satu peruntukan bahawa ganjaran semua akan dibayar oleh Bank Negara atau dibayar oleh LOFSA? Amaun itu boleh dikutip daripada yuran pendaftaran tiap-tiap syarikat yang mahu masuk, boleh kutip banyak wang dan simpan dalam Bank Negara dan guna ini untuk membayar ganjaran kepada juruaudit dan memaksa mereka menjalankan tugas dengan baik. Saya bimbang kalau ada konflik di antara profesionalisme dengan komersialisme, maka kalau syarikat itu boleh membayar lebih kepada juruaudit, adakah juruaudit akan mengambil kesempatan supaya melindungi perbuatan-perbuatan jahat oleh syarikat demikian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya akan meneruskannya esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan petang ini dan Dewan akan bersidang semula jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

